

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 16

Khamis

2 April 2015

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Yang Berhormat Permatang Pauh Hilang Kelayakan
Sebagai Ahli Parlimen

(Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2014

(Halaman 26)

Rang Undang-undang Teknologis dan Juruteknik 2014

(Halaman 79)

Rang Undang-undang Lembaga Pembiayaan Perumahan
Sektor Awam 2015

(Halaman 95)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA
Khamis, 2 April 2015
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

**Yang Berhormat Permatang Pauh Hilang Kelayakan
Sebagai Ahli Parlimen**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua telah menerima suatu surat yang memaklumkan keputusan Petisyen Pengampunan bagi Yang Berhormat Permatang Pauh pada hari Rabu, 1 April 2015. Dalam hal ini Petisyen Pengampunan bagi Yang Berhormat Permatang Pauh telah diputuskan pada 16 Mac 2015 bahawa hukuman penjara bagi tempoh 5 tahun yang dikenakan kepada Yang Berhormat Permatang Pauh hendaklah diteruskan. *[Tepuk]* Oleh yang demikian, Yang Berhormat Permatang Pauh telah hilang kelayakannya sebagai Ahli Parlimen pada 16 Mac 2015 iaitu sebaik sahaja petisyen bagi suatu pengampunan itu diputuskan. Sekian, terima kasih.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah keperluan peralatan menangani banjir di balai-balai bomba di seluruh negara sesuai dan mencukupi serta apakah langkah susulan yang diambil bagi mengimbangi keperluan peralatan bersesuaian dengan keadaan semasa.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Abd. Rahman Dahlan]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada pantun. Sabah ini pantun tidak betul lagi. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kelengkapan peralatan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada masa kini adalah sesuai dengan tugasnya dan masih lagi mencukupi untuk melaksanakan tugas-tugas kebombaanan dan penyelamatan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam sesuatu operasi, jabatan akan melaksanakan mobilisasi aset yang sedia ada pada tahap yang optimum. Ini termasuklah memindahkan peralatan dan aset yang berdekatan dengan tempat kejadian bagi meningkatkan keberkesanan operasi. Jadi tidak semestinya sekiranya sesuatu balai itu tidak mempunyai peralatan yang mencukupi maka tugas tidak dapat dilaksanakan. Setiap balai mempunyai maklumat mengenai aset yang boleh dimobilisasi termasuklah agensi-agensi lain yang beroperasi di kawasan berkenaan.

Pada masa kini, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia mempunyai kelengkapan berjumlah 1,704 unit dan ditempatkan di 273 buah balai bomba di seluruh negara. Kesiap sediaan jentera Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) kenderaan marin sebanyak 589 unit di seluruh negara;
- (ii) kenderaan utiliti sebanyak 1,108 unit;
- (iii) pengangkutan udara sebanyak 7 unit.

Seterusnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu Mesyuarat Pasca Banjir 2014 telah diadakan pada 16 hingga 18 Januari 2015 di peringkat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan secara keseluruhan kesiapsiagaan dan juga keperluan anggota-anggota bomba dalam operasi banjir di masa hadapan. Hasilnya jabatan telah mengenal pasti langkah yang perlu diambil bagi mengimbangi keperluan peralatan yang bersesuaian dan juga untuk meningkatkan prestasi anggota selaras dengan senario operasi semasa. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dengan bencana banjir baru-baru ini, khususnya kepada anggota bomba di dalam Daerah Jerantut kerana terutama dalam menangani pemindahan pelancong asing di Taman Negara.

Bencana banjir baru-baru ini membuka ruang untuk kita melihat semula tentang keperluan aset dan logistik bagi melancarkan kerja-kerja menyelamatkan terutamanya di daerah-daerah yang terdedah kepada banjir pada awal-awal banjir seperti di Jerantut, Lipis dan juga Kuala Krau. Untuk itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sebut Kuala Krau pun terima kasih ya.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah pihak kerajaan bercadang untuk membina balai-balai bomba kecil gred D terutamanya di Taman Negara, Kuala Tahan, Jerantut yang jaraknya 70 kilometer jalan darat dari sungai, ikut jalan darat dan sungai melebihi 100 kilometer untuk keperluan membina balai bomba gred B di situ serta keperluan menambah anggota bomba di Balai Bomba Jerantut bagi membolehkan giliran daripada dua syif kepada tiga syif. Terima kasih.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Terima kasih Yang Berhormat atas sokongan dan juga penghargaan yang diberikan kepada anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Ini adalah selaras dengan aspirasi kerajaan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan saya dapati saya

ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional terutamanya yang sentiasa membantu [*Tepuk*] dan memberikan penghargaan yang tidak terhingga kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Pada waktu krisis banjir pada penghujung tahun lepas dan awal tahun ini, Tuan Yang di-Pertua hampir 33% daripada keseluruhan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia terlibat dalam usaha menyelamatkan dan membantu mangsa banjir di negeri-negeri yang terlibat.

■1010

Seramai 4,474 orang anggota daripada 13,389 orang anggota keseluruhan di seluruh negara. Bermakna 33.4% anggota yang terlibat. Untuk jawapan kepada Yang Berhormat dari Jerantut tadi, Jabatan Bomba pada masa kini sedang merancang untuk membina balai kategori D, bukan saja di Jerantut tetapi di seluruh negara mengikut keperluan. Jabatan akan mengambil kira untuk pembinaan balai kategori D di tempat ini mengikut hasil kajian risiko sekitar kawasan yang dicadangkan. Kita akan adakan satu – cadangan yang baik daripada Yang Berhormat. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia akan membuat satu kajian risiko. Kita kena ada satu kajian risiko dahulu untuk mengenal pasti keperluan kategori A, B, C dalam sesuatu kawasan itu.

Berkenaan dengan penambahan anggota di Balai Bomba Jerantut, bilangan anggota di sesuatu balai ditentukan mengikut kategori balai sepertimana Yang Berhormat kata tadi dan perjawatan bagi Balai Bomba Jerantut pada masa ini adalah kategori C. Sekali lagi kajian keperluan penambah jawatan perlu dibuat untuk mengenal pasti keperluan sepatutnya di Balai Bomba Jerantut seperti mana yang dicadangkan. Jadi, dua perkara ini, kerajaan perlu dibuat Yang Berhormat. Satu ialah kajian risiko, satu lagi kajian berkenaan dengan perjawatan. Akan tetapi walau bagaimanapun kita ambil pandangan Yang Berhormat kerana kawasan Jerantut dan juga Kuala Krau, kawasan Tuan Yang di-Pertua, bahawa kawasan-kawasan ini memang terdedah kepada ancaman banjir di masa akan datang. Terima kasih atas sokongan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya ,Yang Berhormat Menteri, selain itu Yang Berhormat Menteri, bot-bot kuasa kuda, 28 kuasa kuda dan juga kenderaan mesti cukup di balai bomba. Paling tidak 10 Yang Berhormat Menteri, termasuk di Maran.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Ini pandangan daripada Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu akan diambil kira oleh jabatan dengan serius-seriusnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan tahniah kepada pasukan bomba seluruh negara yang cemerlang berkhidmat dan terutama dalam kawasan saya sendiri di Rantau Panjang yang menunjukkan perkhidmatan yang cukup cemerlang pada musim banjir. Yang terkini cabaran kita ialah kebakaran hutan yang menyebabkan mereka bertungkus-lumus untuk membantu. Suasana yang kering, cuaca yang kering, yang saya cukup simpati dan cukup kagum dengan kesungguhan yang ditunjukkan oleh pasukan bomba.

Jadi, saya ingin tanya ialah sejauh mana elaun kritikal yang diberi oleh pasukan bomba sama ada di musim banjir ataupun di musim kemarau yang mereka berdepan dengan ancaman yang bahaya termasuk nyawa mereka dan bagaimana dengan balai bomba yang tenggelam? Dalam kawasan saya balai bomba itu sendiri tenggelam dan... operasinya juga hampir tenggelam. Jadi, sejauh mana keprihatinan kementerian untuk menyelesaikan kawasan yang berisiko macam ini? Begitu juga alat komunikasi yang amat terhad di saat putusnya hubungan telefon, tidak ada alat telekomunikasi dan sejauh mana nisbah pegawai bomba berbanding dengan keperluan penduduk yang ada sekarang ini dan apa pandangan kementerian untuk memastikan bahawa mereka benar-benar mendapat, bomba ini benar-benar mendapat ruang yang cukup baik, kelengkapan yang cukup baik untuk mereka berkhidmat sebaik mungkin sama ada di musim banjir atau di musim kemarau. Terima kasih.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Sokongan dan juga penghargaan yang diberikan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia itu amat dihargai. Saya faham di Rantau Panjang ini, sejak dulu saya jadi Setiausaha Pemuda UMNO Malaysia bersama dengan Naib Ketua Pemuda UMNO Malaysia pada waktu itu Yang Berhormat Rembau, setiap tahun berkampung di Rantau Panjang Yang Berhormat dan memang kawasan itu kawasan yang selalu dilanda banjir. Kita kena faham untuk pertamanya tentang kebajikan. Saya amat setuju dengan Yang Berhormat Rantau Panjang dan saya rasa Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional juga mempunyai pandangan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa satu kajian menyeluruh perlu dibuat dan sedang pun dibuat oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia berkenaan dengan kebajikan anggota-anggota bomba ini. Kita kena selaraskan dengan anggota-anggota keselamatan yang lain seperti polis, tentera dan sebagainya dan kita dapati memang ada perbezaan. Setuju dengan Yang Berhormat sebab itu saya selalu menyatakan bahawa perkhidmatan kebombaan, penyelamatan ini begitu mencabar sekali. Merekalah yang datang awal, respons *team* yang awal untuk kemalangan, kebakaran dan kadang-kadang kerja-kerja mereka ini memang memberikan trauma yang begitu dan kesan yang begitu negatif dan mendalam terhadap psikologi mereka kerana mereka berdepan dengan mangsa yang tersepit dalam kemalangan jalan raya. Ada mangsa yang sebenarnya meninggal dalam pangkuan mereka.

Jadi, saya amat setuju dengan pandangan Yang Berhormat dan satu kajian sedang dibuat oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk menyelaraskan semua elaun-elaun kritikal, elaun kebajikan yang perlu diberikan kepada anggota bomba. Berkenaan dengan masalah peralatan. Saya kurang setuju kalau dikatakan peralatan perhubungan pun tidak mencukupi. Sebenarnya ada tetapi kita tidak boleh menggunakan banjir yang begitu dahsyat yang berlaku dalam keadaan yang begitu cepat, dalam keadaan keluasan negeri seluruh Kelantan itu hampir tenggelam untuk kita menanda araskan prestasi Jabatan Bomba.

Saya kira itu tidak begitu adil. Kita kena melihat dalam keadaan suasana kemalangan ataupun kecemasan yang biasa. Pada waktu itu memang kekangan kita begitu mencabar sekali. Memang ada kawasan-kawasan di mana *repeater* tidak ditenggelami air ataupun *power supply* dengan izin tidak terputus. Oleh sebab itu memang pada waktu itu kita faham dan memahami memang banyak kelemahan

tetapi hanya pada waktu keadaan terlalu mendesak dan begitu kritikal seperti banjir besar itu. Akan tetapi walau bagaimanapun Yang Berhormat, percayalah komunikasi cukup, peralatan cukup buat hari-hari yang biasa. Akan tetapi dalam keadaan yang di Kelantan dan di Terengganu itu memang kita tahu itu adalah luar daripada biasa. Terima kasih.

2. Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) langkah-langkah kerajaan memperbaiki kegagalan Malaysia dalam Sukan Komanwel 2014 yang mana Malaysia hanya memungut enam pingat emas, tujuh pingat perak dan enam pingat gangsa berbanding pungutan pingat pada Sukan Komanwel sebelumnya iaitu 12 pingat emas, 10 pingat perak dan 13 pingat gangsa. Apakah punca kegagalan skuad Malaysia dan hasil '*post mortem*' yang telah dilakukan; dan
- (b) langkah-langkah kerajaan memperbaiki kegagalan Malaysia dalam Sukan Asia 2014 di mana Malaysia hanya memungut lima pingat emas, 14 pingat perak dan 14 pingat gangsa berbanding pungutan pingat Malaysia pada Sukan Asia 2010 iaitu 9 pingat emas, 18 pingat perak dan 14 pingat gangsa. Apakah punca kegagalan skuad Malaysia dan hasil '*post mortem*' yang telah dilakukan.

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Khairy Jamaluddin] : *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memohon untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Kapar sekali dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat Kota Bharu pada hari ini iaitu soalan nombor lapan kerana menyentuh isu yang sama iaitu prestasi Malaysia di temasya sukan antarabangsa. Boleh Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila.

Tuan Khairy Jamaluddin: Terima kasih. Seperti yang sidang Dewan sedia maklum, prestasi skuad negara di Sukan Komanwel dan Sukan Asia tahun 2014 mendukacitakan negara terutamanya pencinta sukan tanah air. Sesuatu yang jelas dan drastik perlu dilakukan namun jawapannya bukan jalan pintas, jauh lagi penyelesaian jalan pendek. Kementerian telah mengambil pendekatan yang drastik agar kepincangan ini dapat diatasi buat jangka masa yang panjang. Hasil daripada *post mortem* prestasi kontinjen negara di Sukan Komanwel dan Sukan Asia, pihak kementerian telah melantik lima orang pakar sukan daripada luar negara yang amat berpengalaman dalam transformasi sukan di institut-institut sukan Australia untuk mengaudit pengurusan sukan prestasi tinggi negara.

Laporan audit tersebut menggariskan tiga kelemahan besar yang membelenggu sukan negara. Pertama adalah tiadanya titik persamaan dari segi aspirasi sukan yang ingin dicapai oleh pemegang taruh ataupun *stakeholder* dengan izin, sukan Malaysia. Kedua, tiadanya kebertanggungjawaban yang jelas bagi mana-mana isu berkaitan sukan menyebabkan ruang penambahbaikan spesifik tidak dapat digarap. Ketiga, keengganan untuk berubah oleh pemegang taruh sukan negara sekali gus menghalang apa-apa proses penambahbaikan yang hendak dilaksanakan. Kesemua ini mencernakan sebuah kelemahan sistemik dalam satu sistem pembangunan dan pencapaian sukan prestasi negara iaitu proses *loses*, dengan izin.

Maka dengan itu di samping mengambil input daripada keseluruhan laporan audit tersebut dan pemegang-pemegang taruh, kementerian telah mengumumkan pendekatan Model Sukan Baru pada 12 Februari yang lalu di hadapan ke semua persatuan sukan sebelum sesi *town hall* tertutup dengan jurulatih-jurulatih dan atlet-atlet bagi mendapat input daripada mereka. Inti pati utama program ini adalah Program Podium di mana atlet-atlet terbaik Malaysia yang memenangi pingat emas di temasya Sukan SEA akan diserapkan ke dalamnya. Program ini akan dikendalikan sepenuhnya oleh Institut Sukan Negara di mana atlet-atlet ini akan mendapat kemudahan kejurulatihan, kebajikan, khidmat sains dan perubatan sukan secara menyeluruh serta program latihan dan pertandingan yang lebih menyeluruh sekali gus memberi fokus kepada *major game*, dengan izin.

Selain itu kementerian juga telah mengumumkan penstrukturan semula Majlis Sukan Negara dan Institut Sukan Negara yang kini dalam proses perincian.

■1020

Antara inti pati utama program ini adalah peranan MSN sebagai medium pembangunan atlet daripada umur 12 tahun hingga mereka menyertai Program Podium, pengambilalihan pengurusan dan penganjuran acara oleh Jabatan Belia dan Sukan Negara daripada MSN serta Akademi Kejurulatihan yang diambil alih oleh ISN bagi meletakkan sains sukan sebagai elemen utama pembangunan dan kejurulatihan sukan.

Di samping itu, kementerian juga telah menyeru persatuan-persatuan sukan untuk merangka strategi jangka panjang, memberi pendekatan kepada pegawai sepenuh masa dan memperbaiki urus tadbir kewangan. Akta Pembangunan Sukan Negara juga akan diperkukuhkan bagi meningkatkan keberkesanan tadbir urus badan-badan sukan di negara ini.

Sebuah *task force* akan diwujudkan bagi merangka *blueprint* model sukan baru secara keseluruhan sebelum Jawatankuasa *Command and Control*, dengan izin, mengambil alih tugas penyeliaan dan pemantauan. Jawatankuasa ini akan dipengerusikan sendiri oleh saya selaku Menteri.

Dengan kerjasama semua pemegang taruh, model ini dapat mengangkat martabat sukan tanah air ke peringkat yang jauh lebih tinggi daripada sebelum-sebelum ini. Walaupun begitu, kementerian sedar bahawa kesannya mungkin tidak akan datang bergolek dengan cepat dan serta-merta terutamanya pada Sukan SEA tahun ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kota Bharu, Sukan SEA ke-28 Singapura 2015 akan berlangsung pada 5 hingga 16 Jun. Sebanyak 36 jenis sukan akan dipertandingkan merangkumi 402 acara terdiri daripada 209 acara lelaki, 179 acara wanita, 14 acara campuran terbuka. Kontinjen Malaysia akan menyertai 35 jenis sukan daripada 36 sukan yang dipertandingkan kecuali sukan lumba bot tradisional. Kontinjen Malaysia dijangka akan menyertai sebanyak 315 acara tertakluk kepada pemilihan akhir beberapa jenis sukan tertentu.

Walaupun impak model baru yang saya sebutkan tadi belum dapat dirasai, kementerian akan berusaha sehabis baik untuk memastikan pencapaian yang boleh dibanggakan rakyat Malaysia tatkala menantikan penganjuran Sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur.

Selari dengan Transformasi Sukan Negara, pihak kementerian mengambil pendekatan bahawa temasya Sukan SEA adalah merupakan platform pendedahan kepada atlet-atlet muda negara. Sukan SEA dianggap sebagai *developmental game*, dengan izin. Justeru itu, pendekatan yang diambil adalah memberi penekanan kepada atlet khususnya atlet-atlet pelapis negara untuk memenangi pingat tanpa mengira warna.

Berdasarkan rekod lima temasya Sukan SEA yang lalu, secara puratanya kontinjen negara berjaya memperoleh 55% pungutan pingat keseluruhan berbanding dengan jumlah acara yang disertai. Secara realistiknya, sasaran kontinjen negara untuk temasya Sukan SEA pada kali ini adalah untuk kita menyamai atau memperbaiki purata peratusan tersebut berbanding jumlah acara yang disertai. Terima kasih.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Penjelasan tentang *post mortem* itu memang kami hargai. Ada dua isu yang saya hendak tekankan. Satu adalah tentang sasaran untuk sukan-sukan ini dan satu lagi ialah *magic hands*, tangan-tangan ajaib, sekejap lagi saya terangkan.

Pertama adalah tentang sasaran. Saya selalu berpendapat bahawa kita selalunya di luar sasaran. Untuk negara maju seperti Malaysia, sepatutnya sasaran kita patut letak lebih tinggi. Ini sasaran yang rendah dan kita juga gagal. Bayangkan di Sukan Komanwel, kita di tangga 13, manakala *Singapore* di tangga 11 dengan lapan emas, tiga perak dan empat gangsa. So, kemerosotan mutu sukan bermula dengan bola sepak, seterusnya hoki dan kini dalam temasya-temasya sukan, martabat dan maruah negara dalam bidang sukan amat tercalar. Saya ingin tekankan, kita pernah kalah bola sepak dengan Vietnam, *Myanmar*, Laos, manakala hoki dengan Trinidad dan Tobago. So, sasaran itu saya harap boleh diletakkan dengan satu sasaran yang lebih tinggi.

Saya hargai penerangan Yang Berhormat mengatakan Sukan SEA terlalu dekat dan sasaran kita adalah Sukan SEA di Kuala Lumpur 2017, tetapi sepatutnya pendekatan Yang Berhormat Menteri ambil adalah sasaran kita untuk Sukan Olimpik 2016 di Rio de Janeiro, Brazil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar, panjang-panjang.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: So, soalan saya adalah apakah sudah ada sasaran untuk Sukan Olimpik 2016 di Rio de Janeiro, Brazil? Kalau ada, kita sepatutnya terangkan di Dewan yang mulia ini bahawa inilah sasaran kita. Itu soalan yang pertama.

Soalan kedua, Tuan Yang di-Pertua. Ini penting. Saya rasa banyak tangan ajaib dalam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya peraturan, soalan tambahan hanya satu.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Soalan, soalan. Saya terangkan kemudian terus soalan. Tangan ajaib ini Yang Berhormat Menteri, bukan sahaja di peringkat tinggi tetapi di peringkat sekolah lagi. Ramai atlet di peringkat sekolah mempunyai kecenderungan dan kemampuan serta kebolehan tetapi tangan-tangan ajaib ini, disebabkan oleh kronisme, disebabkan oleh ibu bapa

kenal guru-guru yang mendidik, maka pelajar yang mempunyai mutu dan kebolehan tidak dapat mewakili sekolah. So, terbantut dekat sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Apakah pemantauan yang telah dilakukan oleh kementerian? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khairy Jamaluddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kapar atas keprihatinan terhadap sukan.

Soalan pertama berkenaan dengan sasaran dan perlunya kita letak sasaran yang lebih tinggi. Kami di kementerian berpendapat bahawa biarlah sasaran itu realistik dan sasaran itu tidaklah sasaran yang terlalu berdasarkan kepada cita-cita yang tidak berasaskan kepada kebolehan atlet kita. Sebab itu bila kita buat sebarang sasaran sebelum temasya besar, kita tidak petik sasaran itu daripada apa yang kita hendak melihat tetapi apa yang kita mampu melaksana.

Sebab itu pada tahun yang lepas bila kita umumkan sasaran, sasaran itu tidak jauh lari daripada trend prestasi kita tahun-tahun sebelum ini. Contohnya di peringkat Sukan Komanwel, kita sasarkan lapan, Sukan Asia kita sasarkan lapan sedangkan sebelum itu kita telah menang dalam sembilan, sepuluh, hingga 12. Jadi, dia tidak lari jauh daripada trend kita sebelum itu. Kita juga berdasarkan kepada prestasi terkini atlet-atlet kita. Tidak guna kita letakkan sasaran 15 pingat emas sekiranya kebolehan, trend, prestasi atlet kita selama dua tahun sebelum temasya besar itu tidak menunjukkan bahawa mereka boleh mencapai prestasi yang tinggi.

Saya hendak sebut contoh yang diberi oleh Yang Berhormat tadi iaitu Singapura telah dapat kedudukan yang lebih tinggi daripada kita. Saya tidak mahu bagi alasan sebab itu memang keputusan muktamad dalam Sukan Komanwel tetapi perlu diberi penjelasan kenapa mereka dapat mencapai prestasi tersebut. Ini berkaitan dengan falsafah pembangunan sukan yang diguna pakai oleh negara tersebut.

Negara tersebut telah buat keputusan awal bahawa mereka akan melaksanakan proses *naturalization* ataupun diberikan kewarganegaraan kepada atlet-atlet untuk bertanding di bawah nama Singapura. Sebab itulah mereka berjaya menang beberapa pingat di temasya-temasya besar antarabangsa tahun lepas. Beberapa pingat yang sebenarnya datang daripada *naturalized athletes, not Singaporean-born athlete*.

Jadi, kita kena buat keputusan. Kalau sekiranya kita hendak ubah falsafah kita yang pada hari ini kita masih lagi bangga dengan *Malaysian athlete* atau pun atlet yang lahir sebagai warganegara Malaysia, maka kita tidak boleh buat perbandingan *apple to apple* dengan Singapura. Akan tetapi sekiranya kita hendak ambil pendekatan seperti mana kita memberi kewarganegaraan kepada atlet-atlet dan kita cari jalan pintas begitu rupa, maka barulah kita dapat buat perbandingan epal dengan epal dengan Singapura.

Akan tetapi buat masa ini, saya rasa kita masih lagi teruskan dengan sistem dan juga falsafah kita yang saya rasa lebih bermaruah dengan kita mencari bakat-bakat yang lahir sebagai warganegara

Malaysia untuk kita cari bakat-bakat di sini seperti mana Yang Berhormat sendiri kata di peringkat sekolah-sekolah banyak bakat. Tidak perlu kita bagi kewarganegaraan kepada orang lain untuk mendapat kegemilangan di peringkat sukan.

Untuk Sukan Olimpik 2016, dia punya matlamat dan juga objektif kita masih kekal seperti mana Sukan Olimpik yang lepas iaitu untuk memenangi pingat emas. Kita masih lagi belum menang pingat emas di peringkat temasya Sukan Olimpik lagi dan kita masih lagi meletakkan matlamat tersebut.

Berkenaan dengan tangan ajaib, saya hanya dapat memberi satu contoh untuk menjawab keresahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Memang perkara ini sering kali kita mendengar bahawa pilih kasih dan sebagainya yang berlaku sampai atlet yang betul-betul berbakat tidak diberikan peluang.

Saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada Program Pembangunan Bola Sepak Negara yang kementerian melaksanakan bersama dengan Kementerian Pendidikan. Salah satu ciri yang kita telah perkenalkan dalam Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) adalah *open selection*. Maksudnya, kita tidak pilih ataupun jurulatih tidak pilih berdasarkan kepada penilaian mereka sahaja dan kepada siapa yang datang jumpa dengan mereka.

■1030

Kita ada *open selection* yang mana pilihan pemain-pemain yang diserapkan ke dalam akademi-akademi di bawah Program Pembangunan Bola Sepak itu dibuat secara terbuka. *Anybody can come*, dengan izin kepada sesi uji bakat tersebut dan bukan hanya jurulatih yang pilih, malah kita ada ketua-ketua jurulatih daripada pusat, daripada MSN, daripada Kementerian Pendidikan yang akan audit pilihan tersebut. Sekiranya mereka tidak dapat menunjukkan kualiti yang berterusan dalam program, maka kita akan mengeluarkan pemain-pemain itu daripada program.

Jadi saya harap dengan pendekatan ini, yang kita harap dapat diguna pakai untuk sukan-sukan lain bahawa isu pilih kasih, tangan ajaib, kronisme dalam pemilihan ini dapat kita kurangkan. Ini disebabkan akhirnya yang kita hendak melihat adalah *the real talent* ataupun bakat yang sebenar dapat diberi pendedahan. Terima kasih.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya pun hendak ambil kesempatan hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana baru dapat anak lelaki.

Seorang Ahli: 'Leo'.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Kita hendak sebut nama pun, Raif 'Leo' Averroes. So kalau nama anak Yang Berhormat Menteri ini kalau bukan bin Khairy kita ingat Amerika Selatan sudah ini. *[Disampuk]* Jadi ini memberi satu keyakinan kepada saya bahawa Yang Berhormat Menteri memang benar-benar untuk merubah keadaan. Cuma Yang Berhormat Menteri dengan Akta Pembangunan Sukan, dengan jawatankuasa penyeliaan yang sedang dibuat ini, sejauh mana Yang Berhormat Menteri ada *political will*?

Ini kerana kita terima hakikat Yang Berhormat Menteri - saya sudah beritahu tadi, tiga sebab kegagalan kita adalah pengurusan sukan di peringkat persatuan. Persatuan-persatuan ini sudah

menyeleweng duit, menyeleweng pengurusan sama ada secara terancang ataupun terjadi. Sampai hari ini, kalau kita tengok 50 tahun kebelakangan ini, mana ada persatuan yang kerajaan berani mengambil tindakan, mana ada persatuan yang kerajaan berani batalkan dan ambil alih pengurusan.

Oleh sebab itulah daripada bola sepak kita terhebat di Asia Tenggara, daripada hoki kita pernah menang nombor empat dalam dunia, sepak takraw kita dahulu cukup hebat, hari ini kita semakin lama semakin jauh. Sejauh mana ada *political will* Yang Berhormat Menteri ini untuk merubah keadaan?

Tuan Khairy Jamaluddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu. Sebenarnya terima kasih atas ucapan tahniah. Saya hendak bagi nama Aziz Sheikh Fadzir tetapi isteri saya tidak bagi. *[Ketawa]*

Soalan tadi berkenaan dengan iltizam politik untuk menangani pengurusan dan juga kepincangan yang berlaku dalam pengurusan persatuan-persatuan sukan. Sebenarnya Yang Berhormat, baru-baru ini kita telah gantung Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia kerana ada kepincangan dan juga kelemahan dalam pengurusan kewangan terutamanya peruntukan yang diberi daripada kementerian sendiri. Kita telah menghantar audit dan kita telah tegur dan kita telah minta supaya beberapa SOP peraturan diubah dan sebagainya.

Jadi, kita pernah dan kita akan *from time to time*, dengan izin kita akan ambil tindakan terhadap persatuan-persatuan sukan. Masalah yang lebih *structural* adalah berkenaan dengan kepimpinan persatuan-persatuan sukan ini. Daripada segi tadbir urus, daripada segi pelanggaran perlembagaan mereka, daripada segi kepincangan pengurusan kewangan, kita telah pun dan kita akan terus mengambil tindakan. Ia lebih kepada kepimpinan persatuan-persatuan sukan tersebut.

Sekarang ini saya dalam proses untuk mengemas kini Akta Pembangunan Sukan. *Insya-Allah*, mungkin penggal akan datang saya akan hantar ke Dewan yang mulia ini untuk dibahas. Dalam pindaan tersebut, antaranya, kita masih lagi dalam peringkat perbincangan. Kita mungkin akan cadangkan contohnya *term limit* kepada kepimpinan persatuan-persatuan sukan supaya tidak ada kepimpinan persatuan sukan yang terlalu lama dalam satu-satu persatuan.

Kita masih lagi sedang perhalusi cadangan tersebut sebab bagi persatuan-persatuan besar, sudah pasti akan ada ramai calon yang ingin menjadi presiden bagi persatuan tersebut. Akan tetapi masalahnya persatuan-persatuan kecil, tidak ada siapa hendak ambil. Jadi sebab itulah, bagi persatuan-persatuan kecil yang tidak ada glamor, yang tidak ada peruntukan ini, tidak ada sesiapa hendak jadi presiden. Oleh sebab itulah ia ada presiden sepanjang hayat ataupun ia ada presiden sampai 20 tahun, 30 tahun.

Jadi kita sedang memikirkan satu mekanisme supaya ada *rejuvenation* dalam kepimpinan. Apabila ada *rejuvenation*, mereka sudah pasti tidak akan anggap bahawa jawatan itu ialah jawatan jangka masa panjang, tidak ada KPI, tidak ada prestasi, tidak ada peningkatan dan akhirnya sukan tersebut merosot. Walau apa pun dalam pindaan tersebut, saya akan bantangkan dalam Dewan yang mulia ini. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana sebut bahawa itulah penting *political will* untuk kita tegur, untuk kita pastikan ada penambahbaikan pengurusan persatuan sukan. *Insya-Allah*, kita akan teruskan. Terima kasih.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat kepada jawapan Menteri tadi berkaitan dengan Program Podium yang mana program ini kalau dilihat daripada jawapan Menteri tadi memperinci, merangka dan mengatur strategi berkaitan pencapaian atlet dalam bidang sukan terutamanya menjelang Sukan Olimpik di Rio de Janeiro, Brazil kelak. Saya kira dengan kerjasama dari Institut Sukan Negara yang kita tahu *expert* dalam bidang Sains Sukan dan Perubatan Sukan ini, kita yakin pencapaian atlet nanti dijangka akan dapat diperbaiki untuk Sukan Asia dan juga Sukan Komanwel yang akan datang.

Cuma soalan saya Yang Berhormat Menteri, adakah Program Podium ini hanya sasaran 19 jenis sukan teras seperti badminton dan juga skuasy? Bagaimana dengan sukan-sukan yang ada peluang untuk kita mendapat pingat yang lebih tinggi seperti sukan angkat berat dan sebagainya? Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat juga adalah Ahli Lembaga Institut Sukan Negara. Jadi Ahli Yang Berhormat pun ada peranan yang besar untuk menjayakan Program Podium ini.

Program Podium ini Ahli Yang Berhormat tidak terikat dengan sukan teras. Ia terbuka kepada sesiapa, mana-mana atlet yang ada bakat dan ada potensi untuk menang pingat di peringkat temasya Sukan Asia, Sukan Komanwel dan ke atas. Maksudnya, kalau kita ada seorang atlet dalam sukan yang tidak tersenarai dalam sukan teras - kita ambil contoh yang *out of the box* sedikit. Mungkin ada seorang atlet Malaysia yang sudah pun lama berlatih di luar negara dalam bidang *downhill skiing* contohnya, maka beliau boleh tersenarai dalam *Podium Programme*. *Podium Programme* ini ialah usaha kita untuk kita meletakkan satu lagi barisan elit atas lapisan atlet elit yang sedia ada.

Ini disebabkan kita dapati bahawa pendekatan untuk kita bangunkan atlet kita dengan pendekatan yang sama secara pukal tidak berjaya terutamanya di peringkat yang teratas sekali. Jadi atlet-atlet seperti Nicol David, Pandalela, Azizul dan lain-lain lagi yang layak, yang ada kelayakan daripada segi ada bakat ataupun pernah menang pingat emas, pingat perak dan pingat gangsa di Sukan Asia, di Sukan Komanwel diletakkan dalam Program Podium ini. Program Podium ini ada *dedicated Sport Science advisors*, ada *dedicated* Perubatan Sukan untuk mereka supaya mereka tidak perlu untuk berkongsi *resources*, dengan izin dengan atlet-atlet yang lain. Barulah kita akan dapat melihat di peringkat yang tertinggi itu, kita akan dapat melihat lonjakan dalam kalangan atlet-atlet kita.

Senang kata ini ialah satu program yang *specialize* bagi atlet-atlet kita yang tidak terikat dengan sukan teras yang terbuka kepada mereka yang betul-betul *world class*. Terima kasih.

3. Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar] minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah peratusan mereka yang gagal semasa menduduki ujian berkomputer untuk mendapat lesen memandu. Apakah kaedah terbaik untuk bakal-bakal pemandu mendapat pengetahuan tentang undang-undang lalu lintas selain daripada menduduki ujian berkomputer yang dilihat begitu mengelirukan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) adalah didapati sebanyak 57% calon yang lulus ujian undang-undang berkomputer bagi kali pertama dan

seterusnya 38% bagi kali kedua dan 31% bagi kali ketiga. Manakala sebanyak 18% ialah calon yang gagal melebihi tiga kali. Terdapat pelbagai faktor yang menjadi punca kegagalan iaitu sikap calon sendiri yang tidak membuat persediaan dan latihan serta ulang kaji yang tidak mencukupi selain mutu pengajaran yang perlu ditambahbaikkan.

■1040

Ujian undang-undang berkomputer adalah bertujuan untuk menilai dan menguji tahap kompetensi bakal pemandu dalam aspek pengetahuan berkaitan peraturan lalu lintas. Konsep pemanduan berhemah yang diperlukan bagi melahirkan bakal pemandu-pemandu yang berkualiti dan bertanggungjawab. Ujian yang dijalankan ini mengguna pakai sistem berkomputer selaras dengan perkembangan teknologi dan mendukung konsep *paperless* ke arah teknologi hijau. Penggunaan sistem berkomputer ini dapat meningkatkan sistem penyampaian JPJ, di mana tempahan untuk menduduki ujian dapat dilakukan secara atas talian selain keputusan ujian berkenaan yang akan diketahui segera oleh calon sebaik sahaja ujian selesai diduduki.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kerajaan melalui JPJ sentiasa membantu orang ramai yang kurang mahir dalam penggunaan komputer termasuklah penduduk luar bandar dan juga warga emas untuk mendapatkan lesen memandu dengan memperkenalkan sistem ujian bertulis atau lisan yang memberi tempoh yang lebih panjang kepada calon untuk sesi menjawab soalan. Antara saluran yang disediakan adalah seperti berikut.

Pertama mengadakan ujian undang-undang bahagian satu secara bertulis di pejabat-pejabat JPJ seluruh negara untuk keperluan calon-calon yang gagal ujian berkomputer melebihi tiga kali. Semua calon ujian yang gagal melebihi tiga kali di pusat ujian e-khidmat layak menduduki ujian secara bertulis yang dikendalikan oleh pihak JPJ.

Kedua, JPJ juga mengadakan program 1Komuniti 1JPJ ataupun singkatannya SKSJ di mana melalui program ini, pemohon yang memenuhi kriteria yang ditetapkan dibenarkan mengambil ujian khas berkelompok secara lisan dan bertulis. Program-program ini biasanya kita buat di luar bandar untuk yang berumur melebihi 45 tahun dan untuk di Sabah dan Sarawak umur melebihi 40 tahun.

Seterusnya yang ketiga mengadakan ujian undang-undang bahagian satu khas bagi pemohon yang buta huruf ataupun lembam yang memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan oleh pihak JPJ. Terima kasih.

Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Daripada peratusan yang gagal dalam ujian berkomputer sehinggakan 57% yang gagal pada kali pertama, jadi kita berpendapat bahawa pengetahuan ataupun sikap pemandu berkaitan dengan undang-undang jalan raya perlu dipertingkatkan. Jadi saya mencadangkan sebagai soalan tambahan saya, adakah kementerian ada menjalin kerjasama dengan Majlis Keselamatan Jalan Raya MKJR dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat untuk meningkatkan lagi pengetahuan pemandu berkaitan dengan undang-undang jalan raya dan seterusnya dapat mengurangkan lagi kemalangan jalan raya.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, kita di JPJ memang sentiasa menjalin hubungan dengan semua *stakeholders* ataupun yang berkepentingan dalam program-program untuk

meningkatkan penyertaan rakyat. Maka sebab itu kerajaan mengadakan program SKSJ iaitu Satu Komuniti Satu JPJ yang kita anjurkan di luar bandar bersama dengan komuniti-komuniti tempatan. Untuk makluman, dalam program SKSJ ini kita memberi kemudahan kepada khususnya masyarakat yang gagal untuk mendapat kelulusan secara normal. Setakat ini kita telah meluluskan boleh dikatakan hampir setiap tahun 15,000 calon yang telah lulus melalui Program SKSJ ini yang mana kita membuat kerjasama dengan *stakeholders* yang lain, terima kasih.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Untuk menduduki hendak mendapat lesen memandu, hari ini bayaran nampaknya dikenakan amat tinggi menyebabkan orang yang hendak meminta lesen yang baru menjadi masalah. Sekarang ini pun seseorang yang hendak mengambil lesen motor dan kereta perlu menduduki dua kali ujian. Ini sesuatu yang bertindih ataupun *redundant*. Ini menyusahkan calon tersebut di samping menambah kos dan masa. Apakah tiada cara lain yang lebih mudah untuk rakyat di bawah, terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai calon pemohon lesen motor dan lesen kereta memang berbeza kerana kajian mendapati bahawa kemalangan 60% daripada penunggang motosikal dan kereta hanya 20%. Maka *syllabus*nya berbeza. Sebab itu kita membezakan ujian antara motor dan kereta. Walau bagaimanapun, kita telah mendapat aduan dan kritikan mengenai perkara ini. Untuk makluman, pihak kerajaan, JPJ telah mengambil perkara tersebut dan pihak JPJ sedang menggubal untuk memberi pilihan kepada kedua-dua calon ujian motosikal dan ujian kereta ini untuk disatukan. Jadi untuk memberi kemudahan dan seterusnya mengurangkan kos. Kerajaan dijangka akan melaksanakan ujian disekalikan antara lesen motor dan lesen kereta ini pada bulan hadapan, bulan Mei. Terima kasih.

5. Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Menyatakan:

- (a) apakah status terkini berhubung isu pembinaan rumah baru bagi memindahkan para penduduk Flat Taman Permata, Dengkil sepertimana yang dijanjikan oleh pihak kementerian; dan
- (b) berapakah jumlah rumah yang akan dibina oleh kementerian untuk tujuan pemindahan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Di dalam peraturan mesyuarat tiada jual beli pantun. Sila Yang Berhormat Menteri.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Abd. Rahman Dahlan]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu nasib saya pagi ini, dua-dua soalan dimulakan dengan pantun. Tetapi pantun dari Yang Berhormat Sepang ini agak susah, panjang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian pada dasarnya setuju dan komited untuk menyelesaikan isu penempatan semula penduduk-penduduk di Flat Taman Permata, Dengkil ini. Pada masa ini kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara sedang dalam proses untuk menyelesaikan urusan permohonan tanah dengan Kerajaan Negeri Selangor. Untuk makluman,

Kerajaan Negeri Selangor telah pun bersetuju menyediakan 30 ekar tanah di kawasan Ampar Tenang dengan kos RM13 juta yang ditanggung oleh kerajaan negeri.

Selain itu, kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara telah berbincang dengan wakil penduduk pada Mac 2014 bagi mendapatkan aku janji penduduk. Persetujuan atau aku janji ini diperlukan untuk memastikan semua penduduk di kawasan berkenaan berpindah ke rumah yang baru setelah siap kelak. Walau bagaimanapun, sehingga kini proses mendapatkan aku janji ini belum diselesaikan kerana hanya 330 ketua isi rumah sahaja yang menandatangani borang aku janji berkenaan. Setelah isu tanah dan aku janji ini diselesaikan, Kerajaan Persekutuan akan membina sebanyak 400 unit rumah teres satu tingkat di kawasan tersebut seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan Barisan Nasional, terima kasih.

■1050

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya, apakah terma-terma aku janji tu. Keduanya, saya juga ingin meminta supaya kalau dalam segala perundingan dengan penduduk ataupun selepas ini kalau ada apa-apa mesyuarat ataupun apa-apa surat yang pihak kementerian ataupun Jabatan Perumahan Negara berurusan, saya minta sangat supaya pihak kementerian dapat membuat salinan satu kepada Ahli Parlimen Sepang.

Saya ingin juga tanya kepada Yang Berhormat Menteri, bilakah *time framework* yang telah pun dipersetujui sekiranya proses ini telah selesai, berapa lamakah proses pembinaan rumah itu akan siap dan bagaimanakah, apakah kos setiap perumahan itu. Jadi sebagai penutupnya, saya hendak berpantun satu lagi;

Tetak tebu tiga batang;

Sayang sebatang dimakan punai;

Beribu petang rumah tak datang;

Air mata sepanjang sungai.

Terima kasih.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Mentang-mentang saya orang Sabah, banyak pula pantun hari ini Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya Yang Berhormat, saya agak terkejut jugalah sebab Kerajaan Negeri Selangor tidak menghubungi Yang Berhormat. Kerana hubungan urusan rasmi adalah di antara Jabatan Perumahan Negara dengan Kerajaan Negeri Selangor.

Sepatutnya mereka memberikan pandanganlah ataupun memberitahu kepada Yang Berhormat ataupun mungkin Yang Berhormat ini ada masalah sedikit dengan Kerajaan Negeri Selangor, saya tak tahu. Mungkin kem lain kot. Tak apalah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Ketawa]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Sepatutnya kerajaan negeri bagi tahulah kepada Yang Berhormat kerana Yang Berhormat adalah Ahli Parlimen daripada Kerajaan Pakatan Rakyat. Akan tetapi walau bagaimanapun, surat akuan ini kalau boleh saya baca, *very a short* dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya dengar.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Adalah surat akuan yang menyatakan, *"Saya yang pemilik rumah telah menjelaskan keseluruhan bayaran harga rumah sebanyak RM20,000 yang dahulu dan menjelaskan sebahagian harga rumah sebanyak beberapa banyak yang dia telah bayar kepada bank, kemudian tidak pernah membuat sebarang bayaran harga rumah di Flat Taman Permata Dengkil"*. Itu satu.

Keduanya, *"Saya bersetuju untuk menerima tawaran Kerajaan Persekutuan untuk membeli satu unit rumah teres kos rendah setingkat yang akan dibina di atas sebidang tanah di Ampar Tenang di Dengkil, Selangor, dengan harga RM20,000."* RM20,000 harga yang kita bagi kepada mereka. Harga yang sama yang mereka beli unit rumah yang bermasalah ini. Kemudian, *"Saya bersetuju membayar harga rumah teres kos rendah setingkat yang ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan tertakluk kepada jumlah yang telah saya bayar bagi unit rumah di Flat Taman Permata, Dengkil, Selangor."*

Kemudian, *"Saya bersetuju untuk mengosongkan dan menyerahkan unit rumah serta hak milik unit rumah di Taman Permata Dengkil yang didaftarkan di atas nama saya ataupun waris saya kepada kerajaan negeri mengikut peruntukan dan kanun tanpa sebarang tuntutan sebagai balasan kepada unit rumah teres kos rendah setingkat yang akan ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan."*

Bermakna mereka kosongkan kawasan tersebut, kerajaan negeri akan mengambil kawasan tapak flat di Dengkil dan mereka akan berpindah. Akan tetapi saya minta sangat, kalau Yang Berhormat ingin membantu kementerian saya, bantu kami untuk mendapatkan lagi 58 tandatangan yang belum lagi diturunkan oleh penduduk di situ bagi membolehkan keseluruhan mereka dipindahkan ke kawasan rumah baru yang telah kita tetapkan. Harganya...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Soalan saya tentang bilakah sekiranya selesai prosedur ini, rumah akan disiapkan?

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Kita jangkakan suku ketiga tahun ini. Suku ketiga tahun ini kita akan memulakan kerja-kerja pembinaan dan mungkin kalau kita gunakan, kalau mereka terdesak, kita akan berbincang, masih berbincang dengan kerajaan negeri. Kalau mereka mahukan rumah itu cepat, maka kita terpaksa gunakan teknologi yang berlainan sedikit daripada pembinaan rumah yang biasa. Itu mungkin memakan masa setahun, dalam masa setahun. Akan tetapi teknologi yang berbeza sedikit seperti teknologi yang ditawarkan oleh syarikat IRIS contohnya dan saya akan meminta nanti, wakil penduduk untuk melihat kualiti rumah dalam dengan teknologi baru ini supaya mereka berpuas hati.

Jangan pula nanti, kita buat dengan teknologi itu, mereka tidak mahu berpindah ke situ. Ataupun kalau mengikut normal ataupun kadar biasa, rumah biasa akan memakan masa mungkin hampir dua tahun. Jadi terpulang kepada wakil penduduk. Akan tetapi kita anggapkan bahawa kes ini mendesak. Jadi kita gunakan teknologi baru yang pasang siap yang cepat dan akan dapat diselesaikan dalam masa setahun, *insya-Allah*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Can I get the copy of the aku janji? The copy of the aku janji.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Kerajaan negeri, saya minta kerajaan negeri nanti bagi dan kementerian saya pun boleh bagi, tiada masalah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Baling sekapol dengan Yang Berhormat Sepang, sila. *[Ketawa]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih tetapi Baling ini moden, tak reti pantun macam itu. Itu kampung punya Sepang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. *[Disampuk] [Ketawa]* Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan, syabas dan tahniah kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mana baru-baru ini banjir, bomba mereka begitu aktif dalam bantuan menyelamatkan dan juga bantu. *[Disampuk]* Mereka ini – kita kena terima kasihlah, itulah. Ini angkuhlah, tak berterima kasih, tak bersyukur sebab saya berjuang, saya bela orang banjir. Saya tahulah bomba buat kerja macam mana. Yang Berhormat Kapar tidur, mana Yang Berhormat Kapar ada? Kita pun sudah tahu apa yang bomba buat waktu rakyat sedang memerlukan bantuan dan sokongan. Syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan seluruh anak buah, khususnya bomba. *[Dewan riuh]*

Soalan saya, apakah strategi jangka masa panjang berkaitan dengan pembinaan rumah? Saya tengok tadi Yang Berhormat Sepang tanya berkaitan dengan rumah flat dan sebagainya. Saya hendak bagi– saya dengar juga jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, mungkin Ahli Parlimen Sepang ini ada masalah sedikit. Akan tetapi Baling tak ada masalah. Baling tetap penyokong setia kementerian dan Kerajaan Barisan Nasional. *[Tepuk]* Jadi saya hendak minta apakah langkah strategi jangka masa panjang, adakah pelan untuk melakukan atau melaksanakan rumah-rumah flat ataupun rumah murah di kawasan-kawasan luar bandar khususnya di kawasan saya di Baling, di Kuala Ketil dan sebagainya.

Kalau boleh kita adakan *National Ocean Blue Strategy* (NBOS) tadi dengan pihak KKLW untuk kita fikirkan kerana Yang Berhormat Menteri kena ingat, Tuan Yang di-Pertua, *this is fixed deposit* kepada Barisan Nasional. Hak Sepang itu belum tentu lagi, yang Baling ini tentu *fixed deposit*. Jadi saya fikir adalah wajar kalau Yang Berhormat Menteri boleh fikirkan satu strategi untuk jangka masa panjang untuk membina flat-flat lima tingkat dan rumah murah di kawasan luar bandar khususnya di kawasan saya Parlimen Baling. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Asyik bodek 24 jam.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Pertamanya tentang kerja kuat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia tetapi saya tidak bersetuju kalau Yang Berhormat mengatakan Sepang bukan akan milik Barisan Nasional dalam GE-14. *[Disampuk]* Itu kita akan ambil balik, *insya-Allah* dalam GE-14 nanti.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Welcome, you are welcome, you are welcome.*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang akan PRU Ke-14, saya janji kita akan menang balik.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Dia balik bertanding di Sepang, kalau dia berani.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Baling, Kapar pun kita akan ambil balik, *insya-Allah*. [Dewan riuh] [Ketawa] Kalau prestasi macam ini.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: *Welcome, welcome.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Tuan Yang di-Pertua, Pokok Sena sekali pun kita ambil.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baling pun kita bagi pinjam sat ya. Baling pun bagi pinjam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila, sila.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Okey tenang. Tuan Yang di-Pertua, untuk menyelesaikan isu perumahan untuk rakyat ini, kerajaan mengambil pendekatan yang berbagai-bagai. Betul, Jabatan Perumahan Negara telah dipertanggungjawabkan untuk membina rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) tetapi pada masa yang sama, banyak lagi program yang telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan.

PPR ini pada dasarnya adalah untuk memindahkan setinggan di kawasan bandar dan juga kawasan pinggiran bandar. Akan tetapi untuk luar bandar, Baling bukan luar bandar lagi Yang Berhormat. Baling sudah di bawah kepimpinan dan juga kepimpinan yang teratur dan tersusun oleh Yang Berhormat Baling. Baling sudah menjadi sebuah daerah, bandar yang agak membangun. Pada masa yang sama, selain daripada PPR, kita ada Projek Perumahan 1Malaysia (PPA1M) untuk penjawat awam, satu lagi ialah projek MyHomes yang juga dipelopori oleh kementerian saya untuk memberikan insentif kepada pembeli dan juga pemaju perumahan secara *direct cash transfer* untuk membina rumah yang lebih banyak.

Dulu kita ada PR1MA dan juga SPNB. Jadi Kerajaan Persekutuan Yang Berhormat, bukan sahaja penduduk di luar bandar, di bandar tetapi di luar bandar juga dibantu dengan SPNB sekali. Kemudian, bukan sahaja yang miskin tetapi kita juga telah mengambil pendekatan bahawa selama ini kita hanya membantu rakyat yang berpendapatan rendah. Tidak boleh lagi, kita kena bantu juga mereka yang berpendapatan sederhana rendah, sederhana yang mana mereka ini banyak tersepit dan juga tertekan dengan kos sara hidup baik di kawasan bandar dan luar bandar.

Jadi pendekatan kita bukan lagi untuk rakyat yang berpendapatan rendah tetapi juga yang berpendapatan sederhana rendah dan sederhana seperti yang ada di Baling yang pembangunan yang banyak dibawa oleh Yang Berhormat sendiri. Terima kasih Yang Berhormat.

■1100

5. Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh mana kesan Kempen Penjelasan Mengenai GST dan apakah persediaan akhir sudah dibuat menjelang pelaksanaan GST pada 1 April depan.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Sipitang. Ingin saya menjawab soalan dari Yang Berhormat Sipitang, bersama-sama soalan Yang Berhormat Libaran dan Yang Berhormat Beruas, dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini kerana menyentuh isu-isu yang sama iaitu berkaitan dengan GST.

Kerajaan telah bersiap sedia untuk pelaksanaan GST yang bermula semalam. Pelbagai langkah untuk mendidik orang ramai mengenai GST telah dibuat iaitu menerusi ceramah, menerusi iklan media cetak, elektronik, televisyen, radio, *banner*, *billboard* serta secara *online*, media sosial dan portal. Bagi terus mempromosikan GST, video berbentuk kapsul turut diedarkan kepada GLCs dan agensi-agensi kerajaan bagi membuat pendedahan kepada rakyat secara berterusan.

Program seperti siri jelajah GST turut dijalankan di seluruh negara termasuklah Sabah dan Sarawak dan pegawai GST turut ditugaskan meneruskan program berkenaan agar orang awam dapat memperoleh maklumat GST secara telus dan tepat. Menerusi promosi tersebut, maklum balas kepada orang awam turut dikumpul dan majoriti mengakui bahawa kesedaran mengenai GST sudah meningkat berbanding dahulu. Kastam juga telah mengadakan Program Hand Holding membantu syarikat-syarikat yang telah mendaftar GST.

Program Hand Holding ini dijalankan oleh kastam negeri dan lebih menjurus kepada sektor-sektor bagi memudahkan pemahaman yang terperinci mengenai pelaksanaan GST. Program ini telah bermula pada tahun lepas sehingga 31 Mac, sebanyak 333 Program Hand Holding telah dijalankan. Dalam pada itu, kerajaan juga menyediakan geran latihan GST bagi membolehkan dewan-dewan perniagaan, persatuan profesional dan persatuan industri menganjurkan lebih banyak program pemahaman GST kepada pihak industri. Sehingga 31 Mac, sebanyak 6,500 program telah dilaksanakan.

Kastam dan KPDNKK juga telah menubuhkan bilik gerakan khas GST yang beroperasi 24 jam, khusus untuk menjawab isu-isu berkaitan GST. Bilik gerakan yang diuruskan oleh Kastam memberi tumpuan kepada aspek teknikal dalam pelaksanaan GST. Manakala, bilik gerakan di bawah KPDNKK menumpukan kepada isu-isu harga barang yang dinamakan Pusat Gerakan Anti Pencatutan, meliputi *call centre* bagi menerima aduan pengguna dan menyelaras tindakan penguatkuasaan anti pencatutan di seluruh negara.

Aplikasi MyKira GST dan EZ-Adu telah dilancarkan bagi memudahkan kiraan dan aduan tentang GST. KPDNKK dan kastam juga telah mengeluarkan buku Garis Panduan Mekanisme Margin Keuntungan Bersih dan Penandaan Harga di dalam pelaksanaan GST kepada peniaga. Untuk makluman Yang Berhormat, sidang media diadakan pada setiap hari dalam masa beberapa hari pertama GST mula dilaksanakan bagi menjelaskan kekeliruan ataupun persoalan yang dibangkitkan mengenai isu-isu pelaksanaan GST.

Sidang media pertama telah pun diadakan semalam oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan serta Pengarah GST, Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Berkenaan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Beruas, pindah milik harta komersial ataupun harta industri adalah tertakluk kepada GST sekiranya penjual telah mendaftar GST dengan Kastam. Berhubung dengan pindah milik harta komersial atau harta industri daripada ibu bapa kepada anak, ia tidak tertakluk kepada GST sekiranya pindah milik tersebut bukan merupakan aktiviti perniagaan seperti mana yang dimaksudkan di bawah GST.

Di bawah GST, suatu aktiviti akan dianggap sebagai perniagaan jika memenuhi syarat berikut:

- (i) jika aktiviti tersebut dijalankan secara aktif dan berterusan;

- (ii) jika aktiviti tersebut dijalankan dengan cara yang teratur dan diukur dengan nilai pembekalan cukai yang dibuat secara berkala; dan
- (iii) jika aktiviti yang dijalankan adalah diiktiraf dan berdasarkan prinsip-prinsip perniagaan.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sipitang.

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. April bermula satu sejarah negara yang tercatat hari ini dalam sejarah, pelaksanaan sistem cukai baru iaitu pelaksanaan GST. GST adalah satu sistem percukaian yang efisien dalam memperkukuhkan ekonomi negara. Malaysia melaksanakan sistem cukai mesra rakyat dan pengguna dalam pelaksanaannya kerana telah mengecualikan lebih 900 barangan tanpa cukai.

Pengurangan *tax* individu dan juga pelaksanaan BR1M. Soalan saya ialah berapakah aduan yang telah diterima sejak semalam, walaupun baru semalam? Saya difahamkan aduan yang paling popular, yang paling *top* ialah kad pra bayar atau *top up* dan harga barang-barang di kedai serbaneka yang menjual barangan dalam stok yang ada SST dan dikenakan juga GST. Apakah langkah drastik mengatasi masalah ini? Apakah langkah mengatasi kekeliruan rakyat terhadap langkah-langkah yang begitu baik pelaksanaan GST ini terhadap rakyat? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat. Aduan semalam 815 aduan. Kita jangkakan mula-mula 8,000 aduan atau 18,000 aduan atau 80,000 aduan sebab rakyat Malaysia ini 30 juta. Akan tetapi kami terperanjat, aduan cuma 815, bukan 18,000 aduan. Jadi, ia adalah satu permulaan cukup baik tentang GST di Malaysia. Daripada 815 aduan itu, lebih kurang 40% aduan ialah mengenai seperti mana Yang Berhormat sebut, *prepaid*, prabayar atau *top up* yang diketahui umum. Apakah yang menjadi isu kepada *top up* prabayar ini?

Sebagaimana kita maklum, sebelum ini ada SST. SST ini sistem yang banyak kelemahan. Itu sebab kita ganti dengan GST. SST ialah sistem *Sales and Services Tax* yang melindungi ekonomi gelap. Dengan GST, ekonomi gelap 30% daripada KDNK itu kita boleh kurangkan kepada 10% hingga 15%. Apakah maksud ekonomi gelap? Mereka yang lari cukai, yang tak bayar cukai dan yang tipu cukai. Mereka yang mempunyai 3 buku akaun, buku akaun pertama buku akaun peribadi, itu yang tepat sekali, buku akaun kedua untuk bank, agak tepat, buku akaun ketiga ialah kepada KPDNKK, sentiasa rugi buku akaun itu.

Jadi, sistem SST dulu melindungi perkara begini, sistem GST tidak boleh hendak menipu cukai seumpama ini. Itu di antara sebab utama kenapa kita laksanakan GST dan sistem SST juga ada cukai atas cukai, 5% jadi 8%, cukai SST 10% jadi 15%. Kita hendak turunkan cukai rakyat ini, daripada 10%

kita hendak turunkan kepada 6% GST. Cukai pendapatan kita hendak turunkan 1 hingga 3 mata peratus, cukai korporat kita turunkan 1%, cukai koperasi kita turunkan 1% dan cukai PKS kita turunkan 1%.

Akan tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat di sana, tidak suka turun cukai ini. Kita Ahli-ahli sebelah sini, suka cukai diturunkan. GST menurunkan cukai-cukai yang saya sebut itu. Ya, lepas ini boleh tanya, 40% aduan itu ialah mengenai *top up*. Pada saat dan ketika saya menjawab ini, kastam memanggil syarikat telco. Kita ingin berikan kata dua kepada mereka ini, mereka kena memahami, tolak dulu SST, baru campur GST. *Top up* sebelum ini ada SST 6%. Apabila kita laksana GST, 6% itu kena tolak dulu, baru campur 6, 6 tolak 6 kosong. Maksudnya, tidak berubah, kalau harga *top up* itu RM10 sebelum ini, maka selepas 1 April juga RM10. Kalau RM5, bukan jadi RM5.30 tetapi RM5.

Kalau mereka berdegil, kita akan bawa mereka ke mahkamah. Ini adalah kes anti pencatutan GST yang pertama. Kalau mereka terus berdegil tidak mahu mengikut arahan kastam dan juga KPDNKK. Saya kira Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju tentang perkara *top up* prabayar ini.

Beberapa Ahli: Setuju.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Kemudian, adalah aduan-aduannya ialah tentang salah *rate*. Misalnya, ada suatu itu meletakkan- 7-Eleven meletakkan GST kepada surat khabar. Sedangkan surat khabar itu 0% GST. 7-Eleven telah memohon maaf kerana ada sedikit masalah teknikal dan perkara itu dibetulkan.

■1110

Sesiapa yang telah membayar GST kepada surat khabar di mana-mana tempat 7 Eleven, pergi semula dan bawa resit semalam tuntutan balik, tuntutan balik yang dibayar itu. Begitu juga dengan *top up* ini, kita telah membuat keputusan sehari dua ini sesiapa yang telah membayar RM10.60, RM5.30 tuntutan balik apa yang telah diambil lebih itu kepada syarikat-syarikat yang berkaitan. Saya rasa itulah dulu.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya mengenai GST kepada yuran *maintenance*, yuran penyelenggaraan rumah kos sederhana dan rendah. Sebelum pelaksanaan GST saya ingat dalam mesyuarat yang lepas, saya telah membangkitkan isu ini dan jawapan yang saya dapat dalam surat khabar mungkin katakan bahawa rumah-rumah kos rendah dan sederhana dikecualikan daripada GST. Namun, ada pihak-pihak pengendali JMB dan sebagainya mengatakan bahawa mereka tetap akan menaikkan yuran penyelenggaraan pangsapuri ini disebabkan mereka terpaksa membayar GST kepada *supplier of services*. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: *Maintenance* untuk semua pangsapuri Ahli Yang Berhormat sama ada mewah, sederhana mewah ataupun yang biasa, kosong peratus GST, tidak ada GST. Kita telah membuat keputusan tentang perkara itu. Akan tetapi *maintenance* untuk *gated community*, *banglo-banglo* mewah tempat orang kaya itu ada GST. Saya kira itu adalah satu keputusan yang adil yang telah dibuat oleh kerajaan dan mereka mengenakan juga, itu juga satu kesalahan dan aduan boleh dibuat. Kita ada *call centre* 1300-888-500 dan ada banyak soalan seperti soalan Ahli Yang Berhormat itu yang boleh dijawab dalam dengan izin, *frequently asked questions* yang ada dalam portal www.gst.customs.gov.my.

Kita boleh buka sekarang ini menggunakan komputer di hadapan kita itu ataupun menggunakan *smart phone* yang kita ada pada saat dan ketika ini. Kaedah untuk kita memastikan resit itu sama ada sah atau tidak, kita lihat ID nya dan kita pergi ke portal www.gst.customs.gov.my ada *Taxpayer Assistant Portal (TAP)* di situ boleh letakkan angka dan nombor GST sama ada betul atau tidak, kalau kita waswas terhadap angka yang diletakkan resit yang kita terima pada saat dan ketika ini. Terima kasih. Ada lagi soalan?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan ada beberapa perkara yang kita dengar hari ini bagaimana cara mereka hendak menipu untuk mengelak GST ini. Di mana mereka memecahkan syarikat. Kalau dulu mereka ada sebuah syarikat, yang mungkin perniagaan mereka RM1 juta, hari ini mungkin dia buka tiga buah syarikat supaya akaun mereka itu dipecahkan menjadi tidak melebihi RM500 ribu. Jadi apakah langkah kerajaan untuk mengatasi perkara ini? Adakah pihak kerajaan mengeluarkan sijil GST yang besar-besar kalau boleh tampal di tempat kaunter membayar supaya orang tahu dia sudah daftar GST. Sekian.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Itu *viral* dalam media sosial bagaimana ada kaedah memecahkan akaun syarikat. Sebenarnya strategi itu strategi yang silap kepada mereka. Apabila mereka memecahkan syarikat kepada bawah RM500 ribu jualan setahun, mereka tidak boleh *claim* apa yang dipanggil sebagai *input tax credit*, 6% terhadap barangan yang mereka jual.

Sebagai contoh, kilang perabot, ada 6% besi perabot dia itu— 6% itu boleh *diclaim* balik, ada 6% pada *sponge* ataupun kain perabot kerusi dia itu boleh *diclaim* balik. Ada 6% kepada elektrik di kilang perabotnya itu boleh *diclaim* balik. Kalau syarikat itu RM500 ribu dan ke atas yang mendaftar GST. Kalau mereka pecah, tidak boleh *claim* balik *input tax credit* dan mereka akan menyebabkan kos perniagaan mereka meningkat 6% dibandingkan dengan pesaing mereka.

Itu sebab oleh kerana ada *input tax credit* inilah jangkakan kita cuma 240,000 buah syarikat mendaftar GST tetapi sehingga semalam yang mendaftar GST ialah 364,862 *registerance* atau individu atau agensi atau syarikat yang mendaftar GST. Untuk apa mereka mendaftar? Untuk mendapatkan *input tax credit*, untuk mengurangkan kos perniagaan mereka. Apabila kos perniagaan turun, maka harga-harga barang *insya-Allah*, dalam masa beberapa bulan ini akan turun.

Ini teori GST yang semakin benar kita lihat apabila ada syarikat kereta misalnya menurunkan harga kereta mulai semalam. Harga kereta itu kenapa turun? Sebelum ini ada SST 10 % pada harga kereta. Apabila GST dilaksanakan, 10% tinggal 6%. Oleh sebab itu harga kereta turun dan bukan itu sahaja, syarikat-syarikat kereta boleh mendapatkan *input tax credit* 6% yang menyebabkan kos perniagaan mereka turun. Apabila harga turun ini, yang paling dikhuatiri ialah pembangkang yang paling khuatir harga barang turun ini, bukan begitu? Oleh sebab mereka kata, GST barang naik. Apabila harga turun, cukup menakutkan pihak pembangkang.

Semalam saya pergi ke Tesco Ahli-ahli Yang Berhormat. Semalam saya pergi ke Tesco, separuh daripada 50,000 barangan Tesco itu barangannya sama harga dan ada banyak barangan di Tesco yang

turun harga. Saya pergi ke Mydin dua hari lepas, Mydin membayarkan GST. Dengan lain perkataan harga pada 31 hari bulan dengan harga pada 1 hari bulan sama di Mydin. Ini satu perkara yang amat menarik. Begitu juga syarikat-syarikat makanan segera misalnya, KFC menurunkan beberapa menu mereka dan di Domino Pizza saya melawat, 92% daripada produk di Domino Pizza turun harga. Ini satu perkara yang menarik. *[Tepuk]* Dalam persaingan *price war* ini, mereka akan – sesiapa yang boleh menurunkan harga menjadi *market leader* dengan izin, dan lain-lain akan menuruti. Ini perkara yang amat menakjubkan yang berlaku di Malaysia bermula semalam dan mudah-mudahan perkara baik ini akan diterima baik oleh rakyat kecuali pembangkang. Terima kasih.

6. Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta Menteri Kesihatan menyatakan rancangan kementerian sama ada bersedia membina satu bangunan letak kenderaan di sekeliling Hospital Awam Sandakan memandangkan masalah tempat letak kereta yang amat tidak mencukupi.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan mengambil maklum akan isu kesesakan tempat meletak kereta di Hospital Duchess of Kent di Sandakan. Pada ketika ini kementerian dalam perancangan untuk membina tempat letak kereta bertingkat di beberapa buah hospital di kementerian yang mempunyai isu yang sama termasuk Hospital Duchess of Kent. Perkara ini akan dibawa ke mesyuarat peringkat pihak berkuasa tempatan. Ini kerana isu ini adalah menyeluruh sejajar dengan pertumbuhan penduduk serta peningkatan sosial ekonomi di negara kita.

Kementerian juga mencadangkan alternatif lain seperti meningkatkan akses pengangkutan awam ke hospital serta mewujudkan tempat meletak kereta di kawasan luar hospital. Cadangan alternatif diharapkan dapat diterokai oleh pihak berkuasa tempatan bagi mendapatkan penyelesaian jangka panjang yang lebih berkesan. Satu cadangannya ialah untuk mengorbankan satu bidang tanah lapang yang digunakan sebagai padang bola di hospital ini sebagai satu tempat untuk membina satu tempat letak kereta.

■1120

So, inilah beberapa cadangan yang telah diambil kira oleh kementerian. Akan tetapi isu ini bukan terhad kepada hospital di Sandakan sahaja tetapi di lain-lain hospital di seluruh negara dengan pertumbuhan penduduk dan pertumbuhan kereta maka jumlah tempat letak kereta yang ada di banyak hospital ini tak mencukupi. So, kami sedang seberapa banyak yang boleh mencari pelbagai jenis kaedah untuk menyelesaikan isu ini, salah satu daripadanya di mana ada hospital yang mempunyai tanah lapang, untuk membina tempat letak kereta yang bertingkat melalui kaedah *build, operate and transfer* di lain-lain tempat untuk minta pihak swasta untuk menguruskan *parking* yang tersedia ada. Selain daripada itu, untuk minta kerajaan negeri, kalau berhampiran dengan hospital tersebut, kalau ada tanah lapang untuk bantu kita menyediakan tempat letak kereta. Terima kasih.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi sememangnya jawapan daripada Yang Berhormat Menteri itu, kita sentiasa dengarlah, sama juga. Sandakan menghadapi satu keadaan yang susah untuk

parking kereta, kita sudah membangkitkan ini beberapa tahun lalu tetapi ini sampai sekarang masih belum ada satu tetap punya jawapan, bila tempat letak kereta ini punya tempat boleh dimulakan? Jadi, saya punya soalan bila kementerian ini boleh memberi satu perjanjian atau janji tempat letak kereta ini dapat itu boleh dibina?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Jawapan saya sama juga iaitu kerana isu paling besar di Hospital Sandakan, tanah yang terhad dan kerana tanah terhad, kita kena lihat kepada kaedah-kaedah yang berbeza termasuk kaedah gunakan tempat di luar hospital dan salah satu daripada nya ialah untuk membuat perubahan kepada trafik *flow* yang tersedia ada supaya ini boleh mengurangkan kesesakan trafik di dalam kawasan ini. Termasuk untuk mencari tempat-tempat lapang di luar dan di dalam hospital seperti yang telah saya jelaskan tadi. Cuma satu tanah lapang sahaja yang ada di dalam hospital iaitu yang digunakan sebagai padang bola.

So, kalau ada kesudian daripada pihak hospital dan daripada penduduk tempatan, bahawa ini boleh mengorbankan, kerajaan memang sedia secara cepat mungkin dalam Rancangan Malaysia Kesebelas untuk membina tempat letak kereta di kawasan Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tak perlulah Yang Berhormat Ipoh Timur, tadi dah kata pusing-pusing itu juga jawapan.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Kerana ada soalan yang berkaitan, penting mengenai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah, ini Yang Berhormat Sandakan. Saya jemput Yang Berhormat Datuk Raime Unggi. Minta maaf ya, soalan nombor tujuh, Yang Berhormat Lenggong tidak ada dalam dewan dan soalan nombor lapan telah dijawab bersekali dengan soalan nombor dua. Saya jemput Yang Berhormat Tenom.

[Soalan No. 7 – Y.B. Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah (Lenggong) tidak hadir]

9. Datuk Raime Unggi [Tenom] minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan bilakah projek Hidro Ulu Padas dapat dijalankan seperti yang telah diumumkan oleh YB. Menteri di Kemabong.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tenom yang telah membangkitkan soalan berkaitan dengan projek Hidro Ulu Padas.

Tuan Yang di-Pertua, projek Hidro Ulu Padas di dalam kawasan Tenom telah dikenal pasti sebagai sebuah projek hidro elektrik yang paling berpotensi di negeri Sabah bagi membekalkan tenaga elektrik yang berdaya harap untuk jangka masa panjang. Kajian kebolehlaksanaan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan sejak tahun 2010 mendapati bahawa projek ini dengan kapasiti terpasang 180 megawatt mempunyai potensi untuk menjana elektrik sebanyak 1,118 gigawatt jam setahun.

Pembinaan stesen hidro elektrik bukan hanya melibatkan takungan air sekitar 590 hektar sahaja. Kawasan takungan ini tidak sebegitu luas jika berbanding dengan stesen-stesen hidro yang lain. Pada masa ini, kementerian bersama dengan Suruhanjaya Tenaga sedang meneliti dan mengkaji kaedah pelaksanaan yang bersesuaian bagi pembangunan projek Hidro Ulu Padas ini bagi memastikan pembangunan ini dapat dimulakan pada tahun 2016.

Mengikut perancangan, projek ini dijangka dapat mula tugas pada tahun 2023 dan akan memenuhi keperluan permintaan jangka panjang bekalan elektrik di negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita memang amat-amat mengharapkan supaya projek yang telah dirancang oleh pihak kerajaan dapat dilaksanakan mengikut masa yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, jika tadi projek ini akan dilaksanakan pada tahun hadapan. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian peka kepada soal-soal tentang *environment*, yang mana saya kira hari ini amat penting bagi kita untuk melihat secara holistik. Ini supaya *environment* kita tidak mendapat kesan daripada pembinaan hidro yang bakal dibina yang mana Yang Berhormat Menteri mengatakan tadi, 590 hektar yang akan melibatkan kawasan yang terlibat.

Saya ingin memaklumkan kepada pihak kementerian bahawa Tenom selalunya ada banjir. Jadi, memang pada hakikatnya saya melihat projek ini secara tidak langsung boleh membantu untuk mengurangkan masalah banjir dalam jangka masa panjang. Akan tetapi apakah pihak kementerian melihat bahawa laporan EIA ini sudah dibuat dan kita tidak mahu nanti apabila projek ini dilaksanakan, pihak-pihak tertentu akan menentang pula projek-projek ini sebagaimana projek-projek hidro yang ada di negeri Sabah. Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tenom dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sememangnya bahawa dalam pelaksanaan projek Hidro Ulu Padas ini di Tenom yang saya sebutkan tadi, kajian-kajian kemungkinan, kajian-kajian awal telah dibuat pada tahun 2010 yang melibatkan agensi kerajaan termasuklah juga keperluan daripada segi alam sekitar. Kemudiannya, pihak yang telah membuat kajian telah mengesyorkan kepada kerajaan kalau boleh dibuat pada sekitar 600 hektar kawasan yang akan ditenggelamkan.

Akhirnya satu lagi bentuk kajian telah dibuat yang dikenali sebagai kajian kejuruteraan terperinci yang telah dibuat pada tahun 2013. Selepas kajian dibuat dengan alam sekitar dan kemudian satu lagi kajian yang dibuat iaitu kajian kejuruteraan terperinci bagaimana boleh dilaksanakan projek Hidro Ulu Padas. Mengambil keputusan daripada kedua-dua kajian itu, kerajaan telah membuat keputusan untuk meneruskan projek Ulu Padas dengan kapasiti sebanyak 180 megawatt dan Ulu Padas ini adalah sebuah kawasan yang sungainya telah melalui kawasan Tenom dan juga sungainya telah melalui kawasan Beaufort.

Jadi, sedikit sebanyak Ulu Padas Hidro ini akan dapat mengurangkan bebanan banjir yang dihadapi oleh kawasan Tenom dan juga kawasan Beaufort. Saya boleh memberi jaminan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa semua perkara yang berkaitan dengan alam sekitar yang melibatkan

penduduk, yang melibatkan tanah dan apa juga urusan yang berkaitan dengan pembangunan sosial yang berdekatan dengan tempat itu diambil kira sebelum projek ini dilaksanakan. Terima kasih.

■1130

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang saya kasihi, terima kasih kepada Menteri. Ini bukan kacau ya. Ini kucing jangan mengiau-ngiau ya.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini Yang Berhormat Seputeh pun jangan bising.

Beberapa Ahli: Soalan, soalan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Soalan, soalan. Kerana dia tidak sedia, saya sedia.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini Yang Berhormat Ipoh Barat pun, duduk dulu Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Boleh beri peluang?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini, ini Ulu Padas ...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kerana dia tidak ingin kemukakan soalan. Mungkin tidak sedia.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *You* tak tahu di mana Ulu Padas. Ini *you* tahu Ipoh Barat sahaja. Ini Ulu Padas punya hal.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Jadi, Menteri. Saya dengar Menteri cakap tadi, duduk lah. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Penyelidikan dan usaha untuk mengenal pasti Hidro Ulu Padas ini bukan tahun 2010. Ini dikaji semasa tahun 80-an lagi, saya terlibat. Itu satu fakta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, soalan.

Seorang Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Jadi soalan dia, ini kenapa tidak dilaksanakan? Ini semenjak tahun 80-an lagi baru hendak kaji 2010 dan kawasan *flooded* itu, dibanjiri itu bukan setakat 600 hektar sahaja, luas, melibatkan tanah-tanah orang kampung, melibatkan perladangan di sana. Jadi saya mahu tanya Menteri, apa kekangan yang sebenar dan kos sebenar kalaulah kita mulakan pada 2016 ini dan di siap pada 2023. Dan apa terkena dengan Ulu Liwagu yang sudah dilaksanakan melalui *consultant* daripada China semasa itu terpaksa diberhentikan. Minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri kenapa itu dihentikan. Oleh kerana kerja-kerja permulaan sudah sedia di Liwagu ini. Kalau tidak boleh jawab, bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Menteri.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih Yang Berhormat dari Putatan, jadi saya ingat semua sekali itu saya jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat Putatan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat, selesai sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan. Saya dengar Yang Berhormat Ipoh Timur kata sudah habis.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Seorang Ahli: *Last day lagi.*

Seorang Ahli: *Last day lah.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila Setiausaha.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERHUBUNGAN PERUSAHAAN (PINDAAN) 2014

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. **[1 April 2015]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Langat ada? Ya, sila Yang Berhormat Kuala Langat menyambung ucapan.

11.33 pg.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Meneliti daripada pembentangan yang dibuat oleh Menteri dalam pindaan di bawah Akta Perusahaan (1967) menampilkan satu anjakan paradigma atas keberanian Menteri, kementerian untuk menzahirkan dalam menghadapi keadaan masa depan yang lebih teratur dan cemerlang. Dalam aspek ini, saya mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah, terutama sekali bab perkara kedua yang telah akan dipinda. Dalam pindaan yang pertama berhubung dengan *title* perkataan “*Principle Assistant Director of Industrial Relation*” ditukar kepada “*Deputy Director*”. Itu adalah satu perubahan yang sepatutnya dibuat lebih awal untuk memastikan posisi itu dapat menyertai dengan tanggung jawab yang harus digalas oleh pegawai-pegawai yang diberikan penyesuaian nama itu atas deskripsi kerja yang melebihi daripada apa yang diperuntukkan dalam perkara itu pada tahun 1967, yang membolehkan proaktif perjawatan itu dikenal pasti untuk meningkatkan produktiviti dalam posisi yang ada.

Merujuk kepada perkara kedua yang hendak dipinda di bawah penggantian seksyen 23A, ini dalam konteks *Qualification of President and Chairman of Industrial Court*, sebenarnya perkara ini Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya dilakukan lebih awal lagi. Kerana apa, satu ialah peluang kepada *practitioner* di Sabah dan Sarawak itu tidak pernah difikirkan sebelum ini. Sebab itu saya katakan anjakan paradigma yang membolehkan Semenanjung, Sabah dan Sarawak itu diberi peluang yang sama. Tidak boleh kita

bezakan wilayah ataupun negeri dan perkara ini satu-satunya yang boleh memikirkan kita untuk mensolidarkan dalam konteks hak yang saksama dalam memberi penilaian, *promotion* kepada setiap mereka yang ada di wilayah masing-masing.

Kalu sekiranya tidak diubah perkara 23A ini, untuk melayakkan mereka dinamakan sebagai Pengerusi ataupun *President of the Board*, sampai bila mereka boleh diberi peluang dan sampai bila kita boleh mengangkat peluang dan martabat rakyat Sabah dan Sarawak. Sebab itu saya memikirkan, adakah sebab kerana Menteri daripada Sabah dan Sarawak, dia fikirkan Sabah dan Sarawak. Tidak, yang saya fikirkan hak kesaksamaan mereka diberikan peluang untuk menyertai dalam proses kenaikan pangkat ataupun melayakkan mereka duduk sebagai *Chairman* ataupun *President of Industrial Court* di Sabah dan Sarawak. sebelum ini semuanya datang daripada Semenanjung Malaysia.

Oleh yang demikian, saya kira sudah 52 tahun berlalu episod untuk mereka meraikan 'separti' atau menghargai mereka yang mempunyai kebolehan itu telah pun termeterai pada pembentangan *bill* ini. Peluang ini juga saya ambil setelah saya melihat daripada keluhan pengamal-pengamal undang-undang di sebelah Sabah dan Sarawak yang sudah ada peluang besar mereka ini. Tidak akan berlaku selepas ini diskriminasi di peringkat wilayah di Sabah dan Sarawak.

Syabas kepada Menteri kerana memberi sedikit ruang atas pindaan ini, sekurang-kurangnya Sabah dan Sarawak boleh mempamerkan kebolehan mereka dan melaksanakan prosiding mahkamah itu dengan lebih cepat. Saya juga mengambil peluang ini kepada kementerian, untuk kementerian juga memikirkan terutama sekali untuk mempercepatkan dan juga mempermudah kes-kes di Mahkamah Industri, walaupun merujuk kepada negara-negara yang telah pun ke depan dalam soal merujuk kes ini ke mahkamah. Di bawah seksyen 20, Akta Perusahaan 1967 itu membolehkan seseorang itu membuat rayuan atau memfailkan kes itu dalam masa 60 hari untuk Menteri mengakui sama ada kes itu boleh dirujuk ke mahkamah atau tidak.

Saya memohon kepada kementerian apalah sudi kiranya kementerian memikirkan semula 'seksyen 20(3)' ini untuk dikenal pasti bahawa perayu itu boleh bawa terus setelah proses mengemaskinikan failnya itu terus ke Mahkamah Perusahaan. Jadi yang demikian, tidak lah sekurang-kurangnya mereka terpaksa merujuk kes kalau ditolak oleh Menteri ke Mahkamah Tinggi yang dibebankan dengan kos yang terlalu tinggi, yang tidak berkemampuan kebanyakan pekerja yang membuat aduan itu, membolehkan mereka diberikan hak dalam memastikan mereka itu terbela. Sebab itu saya juga ingin mengaitkan sebab Akta Perusahaan ini Tuan Yang di-Pertua, ianya mencerminkan ataupun mengatakan dengan jelas bahawa akta ini berkebolehan, hanya layaknya ialah Kesatuan Sekerja. Di bawah seksyen 20 itu sahaja yang melebar luaskan kepada mereka yang tidak ada kesatuan.

Jadi, saya mengambil peluang ini untuk mengulangi rayuan saya kepada kementerian, untuk membolehkan 'seksyen 20(3)' juga dikaji semula untuk diberikan hak kepada mereka yang kita tidak tahu kemampuan untuk mereka, kalau ditolak, dirujuk ke Mahkamah Tinggi. Dan juga dalam proses 24 bulan yang diperuntukkan di bawah seksyen 30 yang saya lihat bahawa sudah berlaku banyak tempoh yang tidak munasabah. Ada yang lebih daripada tiga tahun, empat tahun, tujuh tahun, lapan tahun. Ini tidak

memberikan satu isyarat bahawa sasaran pada seksyen 30 yang membolehkan hanya 24 bulan pampasan tuntutan itu dibuat oleh perayu dikaji semula.

■1140

Ini kerana atas kelewatan pihak peguam, ketidakadaan pengerusi, presiden mahkamah ataupun kelewatan atas perayu itu sendiri dan majikan, membolehkan atau menzahirkan keputusan bahawa perayu itu yang akan dibebankan dengan tuntutan yang hanya terhad 24 bulan. Walaupun kita tahu 24 bulan ini ilhamnya datang daripada Allahyarham Tan Sri Harun Jay tetapi kita juga harus ingat bahawa tidak semuanya berkebolehan seperti mana Allahyarham Tan Sri Harun Jay.

Apa yang jelas ialah kita berdepan dengan kepelbagaian dan watak para *chairman* yang tidak boleh kita baca. Ada kala *chairman* itu seorang yang efisien, ada *chairman* itu yang kurang sederhana efisien dan ada *chairman* itu terlebih efisien hinggalah terbalap beberapa kes yang tidak boleh dilalui dengan kadar 24 bulan.

Maka saya ingin juga mengaitkan seksyen 30 ini untuk pihak kementerian mengkaji semula atas sifatnya yang boleh membawa *bill* itu untuk dipertimbangkan. Maka saya melihat daripada sudut hak itu perlu diberikan juga atau difikirkan semula apakah keperluan seksyen 30 itu dikekalkan. Bagi saya, seksyen 30 dan juga seksyen 20(3) itu adalah seksyen mendesak yang perlu diberikan tumpuan atau dibuat kajian semula untuk memberikan ruang lebar luas kepada mereka yang membuat rayuan untuk pengadu atau mereka yang teraniaya atas sikap pekerjaan yang dibebankan oleh si mangsa ini.

Maka yang demikian, persoalan untuk meminda atas sikap seksyen 23A ini, saya bersetuju dan saya mengakui bahawa sudah tiba waktunya Menteri membuat satu anjakan paradigma yang membolehkan anak Sabah dan Sarawak seiring dan setinggi sabar dengan mereka yang mengamal di Persekutuan.

Saya juga mengambil peluang ini untuk membicarakan soal pindaan yang telah dicadangkan di bawah seksyen 56. Pindaan seksyen ini yang *title* nya ialah *award* atau perjanjian kolektif yang tidak dipenuhi, a *non compliance with the collective agreement*. Jadi saya melihat bahawa untuk “*May*” ditukarkan kepada “*Shall*” itu, itu sudah pun sepatutnya, saya ulangi, dibuat terlalu awal sebelum ini. Akan tetapi tahniah kerana mengetatkan proses, dipercepatkan tujuh hari setelah keputusan mahkamah itu dibuat. Satu langkah bijak dan berani oleh pihak kementerian yang tidak boleh berkompromi waktunya.

Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini tidak ada tempoh yang membolehkan pegawai itu memfailkan segera atas keputusan yang dibuat tetapi di atas sikapnya seksyen 56 dicadangkan untuk dipinda ini, membolehkan perkara itu diketat dan disuaikan dengan cara untuk memastikan bahawa pihak syarikat tidak boleh berlengah waktu dan berperanan biadab dengan keputusan mahkamah diabaikan.

Jadi saya mengambil peluang ini, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada kementerian di atas sifatnya yang memahami kedesakan yang berlaku atas keputusan yang dibuat dan mereka yang menghadapi suasana itu terpanggil untuk disegerakan sekiranya berlaku pelanggaran atau kebiadaban satu pihak yang tidak menghormati keputusan yang dibuat.

Oleh yang demikian, secara keseluruhan pindaan yang dibuat ini, saya boleh mengatakan bahawa sekalung tahniah di atas sikap keberanian atas tiga pindaan yang dibuat tetapi yang lebih cemerlang adalah di bawah tiga akta itu dalam seksyen 20(3)...

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Yang Berhormat Kuala Langat, Hulu Rajang.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ya.

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Sebagai rakyat Sarawak, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian dan amat tepat untuk rang undang-undang pindaan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 pindaan tahun 2014.

Sebagai contoh Yang Berhormat Kuala Langat, adik saya sendiri dengan 20 orang perayu yang telah dilaporkan dalam tahun 2013 tetapi dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan dalam pertengahan tahun 2014. Namun, perbicaraan akan dilakukan dalam bulan Ogos 2015. Ini kelewatan pelaksanaan kes. Maka mangsanya adalah perayu-perayu yang masih belum mendapat pekerjaan. Jadi Yang Berhormat Kuala Langat, saya ingat tepat padanya pindaan rang undang-undang ini. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang. Tuan Yang di-Pertua, contoh yang kita katakan tadi bahawa keperluan terdesak di bawah seksyen 30 itu perlu difikirkan semula. Yang berlaku itu boleh beri 24 bulan dan hanya 24 bulan sahaja yang boleh dibenarkan dalam tuntutan itu. Dalam proses ini, keperluan itu saya lihat sudah menjadi wajib, bukan sunat lagi, bukan makruh, wajib. Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Hulu Rajang bahawa anjakan ini tidak boleh dikompromikan.

Saya sekali lagi membuat rumusan dan juga menunggu seksyen 30 dan 20(3) itu boleh dibentangkan dalam pindaan yang akan dibuat di masa depan. Akan tetapi setakat ini, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada kementerian kerana membuat satu anjakan dan peluang kepada Sabah dan Sarawak untuk dibina sama taraf dengan Semenanjung.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

11.46 pg.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan rang undang-undang meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Saya dengar ucapan daripada Yang Berhormat Kuala Langat, saya kira saya juga hampir setuju dengan apa yang beliau cakap sebagai Timbalan Presiden MTUC, bukan sebagai Ahli Parlimen Kuala Langat kerana beliau Timbalan Presiden MTUC. Jadi memang itulah suara daripada masalah-masalah pekerja.

Pertama, memang tepat sekali pindaan ini dibuat kerana bila pindaan seksyen 23A ini dibuat, ini menunjukkan integrasi nasional kita pertingkatkan di mana Sabah, Sarawak dan Semenanjung, mereka akan diberikan peluang yang sama. Walau bagaimanapun, saya lihat beberapa peruntukan lain haruslah kita lihat kembali.

Saya ingin tegaskan sekali lagi seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kuala Langat, seksyen 23 ini iaitu kuasa Menteri. Kita tahu hari ini ISA pun, undang-undang yang baru ini sudah tidak ada kuasa eksekutif kepada seseorang. Kita sudah pinda semua. Semua ada jawatankuasa. Jadi sama ada kita kena bentuk jawatankuasa atau memberi hak terus kepada pekerja untuk mereka merujuk kes mereka ke Mahkamah Perusahaan. Kalau kita berikan kepada Menteri – saya tidak tahulah itu.

Hari itu saya tanya soalan di dalam Dewan yang mulia ini. Kalau ikut jawapan daripada kementerian yang memberikan jawapan kepada saya, kes-kes yang dirujuk ke Mahkamah Perusahaan, saya tengok tahun 2012 ada 1,587 kes, tahun 2013 ada 1,592 kes, tahun 2014 ada 1,001 kes. Kes-kes yang tidak dirujuk ke Mahkamah Perusahaan pun masih banyak lagi. Ada 998 tahun 2012, tahun 2013 ada 866 dan tahun 2014 ada 357. Akan tetapi, apa juga angka yang diberi oleh pihak kementerian, namun kita masih mendengar rungutan dan sungutan daripada pekerja-pekerja yang hendak menuntut hak mereka.

Tadi Yang Berhormat Hulu Rajang membuat contoh adiknya sendiri, katanya. Dengan saya pun banyak kes yang kita dapati bahawa sampai ada empat tahun kes yang masih tidak dirujuk ke Mahkamah Perusahaan. Ada tiga tahun. Sedangkan di dalam seksyen yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Langat tadi, seksyen 30(6A) ini, kalau kata kes itu dirujuk empat tahun, tetapi *award*nya atau pampasan yang boleh diberi dalam tempoh dua tahun, dalam tempoh pendapatan atau gaji dua tahun yang terakhir.

■1150

Kemudian, kena tolak lagi daripada dua tahun itu. Jadi, ini akan memberikan tekanan kepada pekerja-pekerja. Oleh sebab itu sudah sampai masanya seksyen 20(3) yang memberikan kuasa kepada Menteri secara *personal* untuk merujuk kepada kes Mahkamah Perusahaan haruslah kita kaji balik.

Saya rasa elok kita pinda supaya memberikan kemudahan kepada mana-mana pekerja yang rasa mereka ditindas untuk membawa kes mereka ke Mahkamah Perusahaan. Dalam masa yang sama, kita juga lihat apabila kes ini pergi ke Mahkamah Perusahaan, katalah pekerja ini menang. Bila pekerja ini menang bahawa majikan selalunya tidak duduk diam, mereka akan pergi ke Mahkamah Tinggi. Bila pergi ke Mahkamah Tinggi, kalau majikan kalah lagi, tidak mustahil dia akan pergi ke Mahkamah Rayuan, mungkin sampai ke Mahkamah Persekutuan. Ini kerana majikan dia ada kewangan yang cukup, dia ada panel *lawyer* dan dia mampu untuk membayar apa juga yuran untuk guaman bagi pihak majikan.

Akan tetapi bagaimana nasib pekerja-pekerja yang rasa tertindas? Apabila mereka hendak lawan kes ke Mahkamah Tinggi, selalunya mereka kena mengambil peguam. Apabila mereka mengambil peguam, mereka kena bayar yuran sendiri. Kalau pergi ke mahkamah lebih tinggi, lagi mahal yuran guamannya. Akhirnya, pekerja walaupun mereka menang dan mereka ada hak, tetapi kerana proses undang-undang dan mereka terpaksa membayar yuran guaman, akhirnya mereka *give up*.

Apabila mereka *give up*, maka majikan akan menang dalam kes itu. Oleh itu saya hendak mencadangkan, kalau betul-betul kita hendak membela nasib pekerja ini, kementerian atau pihak kerajaan kena memikirkan, memberi juga bantuan guaman kepada pekerja-pekerja yang hendak mencabar keputusan di Mahkamah Tinggi, di Mahkamah Rayuan dan mahkamah seterusnya supaya pekerja-pekerja ini dapat pembelaan yang adil.

Kita tahu kos guaman ini bukannya murah. Saya biasa kena. Saya lawan dengan Yang Berhormat Sepang dahulu saya *spent* hampir RM200,000. Saya bayar *lawyer*. Saya menang Mahkamah Tinggi, saya menang. Saya kena bayar hampir RM100,000. Yang Berhormat Sepang rayu ke Mahkamah Rayuan, saya terpaksa lawan lagi. Walaupun saya menang, tetapi hampir RM200,000 saya belanja. *[Disampuk]* Ini yang saya nyatakan bahawa kos yuran. Kalau bagi RM1,000 kepada Shafee Abdullah, Yang Berhormat Shah Alam marah pula, dipertikai lagi pula yuran murah. Jadi pembangkang ini, kita yuran murah pun dia marah, yuran mahal pun dia marah. Oleh sebab itu, bantuan guaman, saya ingat elok difikirkan kepada pekerja-pekerja ini.

Hari ini kita lihat bahawa hak berpersatuan ini mesti kita kena berikan sepenuhnya kepada pekerja walaupun kita tahu kerajaan mungkin dalam keadaan yang serba salah. Kalau kita terlalu memberikan muka, membela nasib pekerja-pekerja, mungkin majikan rasa bimbang hendak datang melabur ke Malaysia kerana *union* kita kuat. Bila *union* kita kuat, mungkin majikan tidak berminat untuk melabur.

Akan tetapi kita kena ingat, walaupun majikan atau pelabur-pelabur asing datang tetapi kalau pekerja-pekerjanya tidak diberikan layanan yang adil, maka tidak ada makna negara kita maju tetapi rakyat kita tertindas. Kita tidak mahu seperti kata pepatah Melayu, '*Kera di hutan disusukan, anak di pangkuan mati kehausan*'. Jadi kita lihat hari ini, sebagai contoh, banyak juga rayuan dan aduan yang kita dapat mengenai gaji minimum. Gaji minimum kalau pekerja-pekerja asing, nampaknya diberikan kelebihan. Majikan pastikan gaji minimum dibayar, bukan sahaja bagi gaji minimum, dipastikan pula asramanya mesti ada.

Saya difahamkan ada duta-duta dari negara-negara tertentu yang pekerjaanya ramai di sini pergi siasat, turun, tengok majikan. Betul atau tidak betul dia bagi gaji minimum. Kemudian dia tengok pula tempat tinggal, ada asrama kah atau tidak. Akan tetapi pekerja tempatan, siapa yang hendak beri pembelaan? Ini sebab ada juga yang *double standard*, yang akhirnya pekerja asing menjadi anak emas, pekerja tempatan seolah-olah tertindas.

Kalau ikut perangkaan yang diberi pada saya dalam soalan yang saya tanya dalam Dewan ini, berdasarkan rekod yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia bagi tahun 2014, seramai 77,146 orang pekerja asing yang dikategorikan sebagai pekerja mahir ataupun *expatriate* telah masuk dan bekerja di negara ini di pelbagai sektor yang dibenarkan. Ertinya, pekerja mahir dia hampir 77,000. Pekerja separuh mahir dan tidak mahir hari ini sudah mencecah 2,057,651 orang. Dua juta lebih Tuan Yang di-Pertua. Ini yang berdaftar. Mereka yang datang seludup tanpa izin, saya ingat mungkin hampir satu juta lebih.

Ini sebab apa berduyun-duyun datang ke negara kita? Ini kerana mereka lihat kemudahan yang diberi cukup baik dan majikan-majikan pula nampaknya mereka lebih suka mengambil pekerja-pekerja asing. Semalam kita lihat, kita ucap tahniah kepada Kementerian Pendidikan yang telah membuat satu peraturan untuk melahirkan lebih ramai tenaga-tenaga mahir. Akan tetapi saya percaya bahawa kalau pihak majikan boleh memberikan layanan yang adil dan sama seperti mana mereka berikan pada pekerja-pekerja asing, tidak mungkin sampai dua juta pekerja asing datang ke negara kita. Hari ini pula kita lihat, ada pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang diberikan hak di bawah akta ini untuk mereka memperjuangkan masalah pekerja-pekerja mereka.

Kita lihat hari ini, ramai pula pekerja-pekerja, pemimpin-pemimpin *union* yang diambil tindakan. Ada yang dibuang kerja, ada yang didakwa sampai empat tahun atau lima tahun, pemimpin pekerja didakwa tidak ada keputusan sampai sekarang ini. Saya ada kes kita lihat bukannya sedikit. Kalau saya tengok yang ada pada saya ini, ramai. Ini daripada pemimpin Keretapi Tanah Melayu Berhad pun. Pemimpin *union* pun diambil tindakan. Apakah salahnya? Hanya buat *picketing*. Piket ini hak dia dan kita tahu bahawa piket ini hak pekerja. Piket pula tidak tertakluk di bawah Akta Perhimpunan Aman, tidak perlu mendapat permit polis, asalkan dia buat di luar waktu kerja.

Akan tetapi kita dapati bahawa dan ini juga kita minta pihak polis supaya siasat. Saya juga dapat aduan. Kadang-kadang bila piket ini dibuat, kadang-kadang pihak polis pun dia mungkin pergi itu untuk menjaga keselamatan. Akan tetapi kadang-kadang, ada juga tekanan-tekanan diberi kepada pekerja-pekerja yang membuat piket. Kita tahu bahawa apabila pekerja-pekerja ini membuat piket, sudah tentu majikan ini akan malu, lebih-lebih lagi apabila masuk dalam surat khabar, dalam media.

Akhirnya yang menjadi mangsa ialah pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja, banyak ini. Saya tengok yang ada pada saya ini, *President of National Union of Flight Attendants Malaysia (NUFAM)* pun kena. Bukan sahaja dia kena, ada lagi lima orang member *union* pun kena. Ini *leader of National Union of Bank Employees (NUBE)* pun kena, presiden bank pun kena tindakan buang kerja.

Ini lagi ramailah yang kalau saya hendak tengok, yang ada pada saya tidak kurang daripada sembilan persatuan, pemimpin-pemimpinnya. Jadi, apa kesannya? Kesannya ialah akan menyebabkan pekerja-pekerja lain akan takut untuk menjadi pemimpin kesatuan. Kita tahu - saya percaya kalau kementerian jawab, dia akan beritahu bahawa pemimpin-pemimpin *union* ini diambil tindakan, bukan kerana dia bertindak sebagai pemimpin *union*.

■1200

Tentulah dia kata bahawa pemimpin *union* diambil tindakan kerana kesalahan-kesalahan tatatertib sebagai contoh salah guna *email*. Sebelum dia jadi pemimpin *union* dia boleh guna *email* dua tahun. Bila dia jadi pemimpin *union* dia guna *email* bila dia mengambil tindakan piket wah sudah salah guna *email*. Waktu dia tidak jadi pemimpin *union* boleh guna *email*, tidak salah. Bila dia jadi pemimpin *union* dia salah kerana *email* sebab itu dia jadi sebab untuk dia dibuang kerja.

Ini akan memberikan tekanan kepada pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja. Akhirnya tidak ada siapa yang berani menjadi pemimpin *union*. Kalau kita sudah tidak ada siapa yang berani pemimpin *union* bagaimana kita hendak menegakkan keadilan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan ini yang

kita sudah 3-4 kali pinda ini. Jadi saya harap pihak kementerian kena lebih adil kepada pemimpin-pemimpin *union* ini kerana saya percaya mereka bersuara, mereka bertindak ialah kerana untuk menuntut keadilan yang dijamin di bawah peruntukan ini.

Akan tetapi kalau pemimpin *union* sudah mula ditekan, sudah mula diambil tindakan dibuang kerja dan tidak ada pembelaan sampai empat tahun, lima tahun kesnya tergantung macam itu sahaja, maka bagi saya ini satu ketidakadilan kepada pemimpin-pemimpin pekerja. Jadi kita mahu supaya saya percaya pekerja-pekerja ini yang menyebabkan majikan ini kena. Ini kadang-kadang macam MAS lah kalau salah pihak pengurusan yang di atas salah, pekerja yang kena buang ini. Pengurusan ini silap dekat atas, rugi syarikat, pekerja jadi mangsa. 5,000-6,000 pekerja dibuang, akan diberhentikan.

Jadi sebab itu saya percaya bahawa apabila pemimpin kesatuan menyuarakan pandangan mereka itu datang daripada suara hati mereka sebagai pekerja dan mereka mestilah diberikan layanan yang adil dan kalau mana-mana pemimpin kesatuan sekerja diambil tindakan tatatertib ataupun diambil tindakan buang kerja, yang ini saya minta sangat-sangat supaya pihak kementerian mestilah memberikan *benefit on the dot* kepada pemimpin-pemimpin kesatuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya tengok Seksyen 59(2) yang mana hukuman kalau mana-mana majikan yang tidak mematuhi undang-undang ini kalau kita tengok ialah hukuman yang terlampau ringan. Kalau tidak 59(2) ini hukuman penjara tidak lebih satu tahun atau denda tidak lebih RM2,000 atau kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua, majikan kalau dia kena denda RM2,000, dia kena bayar denda tidak lebih RM2,000, apa ada hal, dia syarikat besar. RM2,000 dia boleh bayar. Jadi sebab itu saya hendak cadang juga denda yang dikenakan kepada majikan ini juga mesti ditinggikan. Bukannya RM2,000, sekurang-kurangnya RM200,000 kalau dia tidak mematuhi segala peraturan-peraturan yang telah pun ditetapkan di bawah akta ini. Kalau setakat bagi denda RM2,000, penjara 2 tahun, denda RM2,000 macam tidak berapa adillah saya ingat.

Jadi kalau hendak kita bagi denda macam penting sekarang ini kita lihat kalau tidak silap saya di bawah undang-undang mana-mana peniaga-peniaga yang menaikkan harga. Saya ingat kalau tidak silap saya dendanya tinggi sampai ada yang kalau syarikat sampai ada yang ke RM100,000-RM200,000. Jadi yang ini juga mestilah dilihat balik hukuman-hukuman yang dikenakan kepada majikan-majikan supaya majikan-majikan ini lebih bertanggungjawab dan apabila pekerja ini menuntut hak mereka, mereka mendapat penilaian yang seadilnya.

Begitu juga dengan Seksyen 59(3), kita tengok kuasa Mahkamah Perusahaan. Ini pun kena tengok balik kerana di bawah Seksyen 59(3) Mahkamah Perusahaan di ada dua pilihan. Sama ada dia tentukan supaya bayar ganti rugi ataupun dia mengambil – sama ada bayar ganti rugi atau dia suruh *reinstate* suruh ambil kerja balik pekerja-pekerja yang dibuang.

Jadi apa yang berlaku kalau kata mahkamah membuat keputusan, saya difahamkan kebanyakan Mahkamah Perusahaan sekarang ini dia suruh berbincang. Ada kata *you* berhenti kerja sama-samalah, *you* bincang untuk bayar *award*. Kalau dia suruh bagi *award*, saya kata tadi *awardnya* tidak lebih

daripada 2,4 bulan. Dia sudah kena tindakan sudah lama sudah lebih kurang empat tahun. Apa pampasan yang dapat? Sebab itu saya hendak cadang ini pun mesti dikaji balik.

Kalau mana-mana pekerja yang didapati tidak bersalah, *unlawful dismissal* ini, maka terus dijadikan satu undang-undang di mana bahawa pihak majikan mesti ambil dia kerja balik, *reinstate* balik. Bayar balik apa hak-hak yang dia patut dapat seperti mana kita tengok bawah kakitangan kerajaan kalau pergi ke mahkamah biasa. Kalau siapa yang buang kerja, maka dia kena diambil kerja semula dan dia kena dibayar segala pampasan yang dia sepatut dapat. Kalau dia kes lima tahun, kesnya empat tahun, maka gaji dia empat tahun mesti dibayar balik dan wajib dan *is mandatory* mesti ambil balik dia kerja.

Akan tetapi kalau saya rasa Seksyen 59(3) ini dia ada pilihan sama ada hendak bayar ganti rugi ataupun hendak *reinstate*, sudah tentu majikan akan pilihan untuk bayar ganti rugi. Bila dia bayar ganti rugi, tidak lebih 24 bulan gaji dan mungkin kurang lagi tetapi pekerja ini akan hilang pekerjaan walaupun dia menang kes. Jadi yang ini juga saya ingat patut kementerian kaji balik supaya memberikan benar-benar keadilan kepada pekerja-pekerja yang dibuang kerja, *unlawful dismissal* ini kerana kita lihat hari ini kita tidak mahu majikan mengambil tindakan sesuka hati kepada pekerja-pekerja mereka.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin bangun, Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi saya peluang. Saya hendak ucap tahniah kepada Yang Berhormat Tanjong Karang yang banyak memperjuangkan nasib pekerja kerana pekerjalah menjadi satu aset kepada satu-satu majikan. Akan tetapi dalam masa yang sama, perhubungan ini mestilah dua pihak di antara pekerja dan majikan. Kita kalau hanya memperjuangkan pekerja sahaja tidak memikirkan kebajikan majikan, maka apabila runtuh majikan, pekerja pun akan hilang jawatan.

Apa yang saya hendak sebut di sini Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat banyak daripada kakitangan kerajaan yang sebagai pekerja kepada majikan kerajaan yang menghentam kerajaan yang sebenarnya kurang bekerja tetapi bercakap sahaja. Jadi mereka sebenarnya bukan sahaja merugikan majikan tetapi tidak produktif. Kita tidak boleh ambil tindakan kerana mereka ada mempunyai berbagai-bagai peraturan yang memberi sebenarnya mengekang kita untuk mengambil tindakan kepada mereka. Ini kerana dalam masa yang sama kita dapat lihat kita tidak dapat menarik pelaburan kerana pelabur-pelabur asing melihat apakah kualiti pekerja-pekerja kita pada ketika ini.

Sekarang adakah Yang Berhormat Tanjong Karang sedar, kita sudah jatuh nombor 4 dalam ASEAN sekarang. Nombor 1 yang dapat FDI sekarang ialah Singapura, keduanya Indonesia, nombor tiga – Vietnam dan Malaysia jatuh nombor 4 sekarang ini. Jadi maknanya kalau kita tidak kompetitif, kita tidak akan berjaya menarik pelabur-pelabur asing datang ke negara kita. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Sebenarnya yang saya cakap dari mula tadi kita faham bahawa yang mana satu yang kita hendak jaga.

Macam telur dengan ayam. Kita tahu saya kata tadi majikan penting. Kalau majikan tidak ada pelabur-pelabur datang, maka ekonomi kita akan jatuh. Itu kita tidak nafikan.

Akan tetapi dalam masa yang sama kita juga kena menjaga hubungan harmonis ini di antara majikan dengan pekerja-pekerja kerana kita telah pun ada undang-undang ini. Kita sudah ada Akta Perhubungan Perusahaan dan dalam undang-undang ini telah pun diberikan beberapa jaminan hak berpersatuan dan sebagainya. Jadi apa yang saya hendak tegaskan di sini ialah kita kena pastikan bahawa di dalam menghormati undang-undang *both side*.

■1210

Majikan kalau hendak buang kerja, mesti berlaku adil. Itu maksud saya ialah menegakkan keadilan kepada pekerja. Kita juga hendak kena tengok betul-betul sampai ada 2 juta ini pekerja-pekerja mahir dan tidak mahir sudah ada di dalam negara kita. Sebab apa perkara ini berlaku? Jadi, sebab itu saya setuju supaya pihak kerajaan juga kena tengok balik ke Jawatankuasa Kabinet mengenai perkhidmatan asing, kena tengok balik peraturan-peraturan daripada kerajaan, sumber manusia, daripada imigresen yang kita sedia maklum telah pun dipersetujui oleh Kabinet untuk melihat balik pendatang-pendatang, kebanjiran pendatang-pendatang asing ke negara kita.

Dia bukan saja akan menutup peluang pekerjaan kepada pekerja-pekerja tempatan tetapi kita bimbang juga ancaman-ancaman daripada keselamatan. Mereka pula hari ini saya tengok dalam surat khabar dah tubuh pula persatuan merekalah. Tubuh persatuan 'Benggala' kalau tidak silap sayalah. Sudah ada persatuan-persatuan mereka sudah hari ini. Jadi, saya percaya kalau pihak majikan memberikan keadilan yang seperti mana yang dijamin di bawah akta ini, sudah tentu akan memberikan keharmonian hubungan di antara majikan dengan pekerja.

Jadi, kalau pekerja sudah *happy*, dia pun rasa seronok bekerja dan tidak rasa tertekan, maka sudah tentu syarikat ini boleh maju. Apabila syarikat ini maju, sudah tentu akan memberikan faedah kepada pekerja. Walau bagaimanapun, *point* daripada Yang Berhormat Jasin, saya setuju juga kerana kita juga tidak mahu ada pekerja-pekerja yang mengambil kesempatan menggunakan sebagai pemimpin. Sebagai contoh, yang cuba hendak menimbulkan keadaan tidak tenteram, tidak harmonis dan yang boleh menyebabkan majikan mereka rasa tertekan dan akhirnya majikan boleh rugi.

Jadi, apa yang saya hendak tekankan ialah keadilan. Di dalam keadilan ini kita tidak boleh nafikan bahawa majikan merupakan kuasa yang lebih besar daripada pekerja. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong akta ini. Kita juga dapat di atas meja ini, pindaan terhadap rang undang-undang yang dibawa oleh Ahli Parlimen daripada Sungai Siput.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Tanjong Karang, sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat ya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Jadi, kalau...

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Sikit saja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya melihat perkara yang dibangkitkan Yang

Berhormat Tanjong Karang ini sangat penting, terutama sekali dalam memastikan dengan pindaan akta ini hubungan majikan dan juga pekerja dapat diperkukuhkan. Dalam usaha untuk memastikan produktiviti sama ada di peringkat syarikat dan negara dapat dijana. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Tanjong Karang, pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang, terutama sekali dari segi prosedur pembuangan kerja ini. Oleh kerana saya dapat juga aduan yang mana ada kalanya majikan menggunakan kuasa sewenang-wenangnya dari segi pembuangan kerja. Oleh kerana sebagai pekerja bawahan dalam sebuah syarikat, ada kalanya mereka tidak faham dari segi undang-undang. Dari segi prosedur ini pula dilihat tidak sekata atau selaras dengan syarikat-syarikat yang lain.

Jadi, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang, perlukah pendekatan yang bersepadu digunakan oleh pihak kementerian untuk memastikan pembelaan kepada pekerja-pekerja bawahan dalam syarikat-syarikat ini? Saya pohon pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Kuala Selangor, saya sudah cakap tadi iaitu mengenai keadilan kepada pekerja-pekerja. Di mana prosedur kita tahu, dia pergi ke Jabatan Perhubungan, lepas itu dia pergi Mahkamah Perusahaan, yang mana hendak pergi Mahkamah Perusahaan ini hendak ada kuasa Yang Berhormat Menteri yang saya cadang tadi supaya dikaji balik. Kemudian kalau majikan ini kalah pula, dia akan pergi pula ke Mahkamah Tinggi yang menyebabkan tertekan lagi kepada pekerja-pekerja.

Jadi, saya setuju dengan Yang Berhormat Kuala Selangor. Beberapa yang saya cadangkan tadi, pindaan seksyen 20(3), seksyen 59(2) dan beberapa seksyen tadi, seksyen 30. Ini hendak kena tengok balik supaya ia memberi lebih keadilan kepada pekerja-pekerja. Sebab itu saya tengok cadangan yang dibuat oleh Ahli Parlimen Sungai Siput, dia hanya buat satu pindaan 56 saja. Saya ingat kalau pindaan 56 ini pun, ia tidak boleh hendak selesai masalah.

Jadi, saya harap kalau hendak tengok, baik tengok semua balik beberapa seksyen yang tadi Yang Berhormat Kuala Langat telah pun cadangkan. Supaya ia lebih menyeluruh dan juga memberikan lebih keadilan. Supaya di antara pekerja dengan majikan akan wujud satu keadaan yang harmonis, yang akhirnya akan boleh menambahkan produktiviti kepada syarikat-syarikat dan juga kepada majikan. Akhirnya, akan boleh meninggikan ekonomi negara kita. Terima kasih banyak. Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

12.15 tgh.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mulakan dengan apa yang telah dicadangkan di rang undang-undang ini. Walaupun dari *on the face of it*, nampaknya satu pindaan yang tepat pada masa. Akan tetapi yang lebih mustahak yang ditanya oleh pekerja-pekerja di negara ini dan juga pihak-pihak *stakeholders* dalam negara ini, adakah pandangan mereka juga telah diambil kira sebelum pindaan ini dibuat dan niat kenapa pindaan ini dibuat? Saya berpendapat dan kita semua tahu oleh kerana kita ada satu Yang Berhormat Menteri dari Sarawak, maka *the meaning* sekarang untuk pelantikan Presiden dilonggarkan supaya orang Sabah dan Sarawak dibenarkan untuk dilantik sebagai Presiden.

Itu pada dasarnya bagus. *Although we are late by 50 years. Better late than never* tetapi apa niat dia? Saya difahamkan di kalangan peguam ada mengatakan kepada saya dalam diskusi bahawa Yang Berhormat Menteri sendiri ada orang-orang, calon beliau yang ingin dinaikkan pangkat ke Presiden selepas penukaran maksud ini untuk merangkumi orang-orang dari Sabah dan Sarawak. Adakah ini benar?

Saya juga difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri terlibat dalam pelantikan pengerusi-pengerusi, *chairman-chairman*. Di mana pengerusi yang sedia ada di Sarawak, ada yang dinaikkan pangkat kemungkinan besar kepada JC dan orang kanan beliau akan dilantik sebagai pengerusi di Sarawak. Adakah ini tohmahan betul, setuju atau satu perkara aneh yang pernah kali Yang Berhormat Menteri dengar hari ini? Oleh kerana ini adalah di antara perkara yang sedang hebat di sembang, di diskusi di antara peguam-peguam *Industrial Court*.

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah satu orang peguam yang terlibat dalam kes-kes *Industrial Court*, bukan baru, *more than 30 years* semasa ia di permulaan. Kalau kita tengok daripada soalan-soalan 10 tahun dulu, kerajaan telah memberi aku janji bahawa akan membawa perubahan kepada *industrial relation practice*. Di antara cadangan bertulis yang saya dapat adalah kerajaan akan mengadakan appeal court dalam kes-kes pembuangan kerja, *cases-cases* yang telah di *refer* dari *Industrial Court* akan ke satu *appeal* tribunal. Ini pada masa itu.

Hakikatnya adalah sebab kes-kes yang *Industrial Court* yang *refer* ke Mahkamah Tinggi nampaknya ramai di antara kita perlukan pandangan itu, kita perlukan hakim-hakim yang *specialist* dalam pembuangan kerja, *industrial matters*, maka pendapat Yang Berhormat Menteri pada masa itu bahawa cadangan untuk menubuhkan satu *Appeal Court* dalam kes *industrial* patut dilaksanakan seperti yang sedia ada di beberapa luar negeri.

Akan tetapi lebih dari 10 tahun. Masa itu Yang Berhormat Menteri *was just an ordinary backbencher*. Dia mungkin tahu, mungkin arif dalam perkara ini tapi tidak ada tindakan, *already 10 years*. Akan tetapi bila Yang Berhormat Menteri dari Sarawak dilantik, *the meaning, the scope* dilonggarkan supaya orang-orang kanan, orang-orang yang dari Sabah dan Sarawak boleh dilantik. *In principal, it is a good suggestion, no harm*. Akan tetapi walaupun pada hakikatnya, peguam-peguam dari sini tidak boleh menjalankan tugas sebagai peguam di Sabah dan Sarawak. *But, the* kelonggaran ini dibuat khusus kepada orang-orang yang kena.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hairan. Walaupun dengan pelantikan satu presiden, satu *Industrial Court Chairman* yang baru, apa yang mereka pada asasnya ditugaskan untuk bekerja? *What is the basic fundamental matters diassigned* kepada *Industrial Court Chairman*? *To decide* di mana kes-kes pembuangan kerja, *where there is no security or tenure*.

■1220

Bermakna, pekerja-pekerja yang disingkirkan, dibuang kerja atas alasan atau *constructive dismissal, or retrenchment* dan sebagainya, ini yang diputuskan oleh *Industrial Court Chairman*. Akan tetapi anehnya mereka sendiri tidak ada *security of tenure*. *They decide on the whole fact of the whole nation but themselves don't have security of tenure. Are we now a laughing stock? Bukankah Menteri*

saya telah bangkitkan perkara ini beberapa kali. Adakah Yang Berhormat Menteri faham mengenai perkara ini?

Apakah ulasan yang dibuat *have discussion* dengan *stakeholders* dalam negara ini kepada *trade union*, kepada *law practitioners* dan orang-orang lain *or they got no right at all*. Apa tindakan, apa ulasan yang telah diambil kira? Bila saya cakap *security of tenure*, semua *Industrial Court Chairman* dilantik dengan kontrak dua tahun. Ramai di antara mereka adalah dari *practitioners*. Mereka lepaskan *practice* mereka, ramai di antara *Industrial Court Chairman* negara ini yang telah berkhidmat sebagai peguam lebih dari 20 tahun. *They have close down the firm or sell the firm and come to serve for two years. Now, the former Minister is coming. He should be also aware on this.* Sekarang Menteri Kesihatan, mungkin untuk mendapatkan ubat yang lebih kuat. Dari dahulu *industrial court* lawan, lawan saya tidak perlu. Ini satu di antaranya.

Apa yang dibuat untuk mereka? *Security of tenure*? Okey, satu *it is already a drawback* mula dari 1967 sampai sekarang *practice* yang sama. Tidak ada Menteri yang berani membuat satu dasar, satu inisiatif yang luar biasa untuk bercakap, berbincang mengenai hal ini kepada Peguam Negara, kepada Perdana Menteri kepada *stakeholder* supaya satu pembaharuan dibuat. Supaya mereka yang membuat keputusan untuk *security of tenure*, mereka sendiri ada *security of tenure*. *Because* selepas 24 bulan, mereka boleh dibuang kerja atau *were not renewed*.

Kita tahu tahun dahulu saya sudah bangkitkan perkara ini di mana empat pengerusi tiba-tiba setelah habis kontrak dua tahun, dua tahun dan dua tahun mereka tidak *direnew* kontrak tersebut. Tidak ada alasan diberi walaupun pengerusi-pengerusi *Industrial Court Chairman* perlu memberi sekurang-kurangnya enam bulan notis bahawa mereka berniat untuk menyambung kontrak tersebut. Keempat-empat orang itu, individu-individu itu saya boleh namakan mereka, sekarang saya boleh namakan. Dahulu saya tidak ingin kerana dia terlibat.

Satu di antaranya Dato Sulaiman Ismail, Encik Frederick Indran XA Nicholas, Dato' Mary Shakila Azariah dan Encik Rajendran Nayagam. Keempat-empat orang ini apa yang terjadi? *It is fair*? Seorang Ahli Parlimen dia tahu, dilantik, dipilih untuk lima tahun. *We know* untuk mereka lepas satu setengah tahun, sebelum itu diberi notis untuk membaharui kontrak mereka. Saya boleh katalah ramai di antara mereka layak untuk dilantik balik tetapi selepas perkara itu dibangkitkan di Parlimen, keempat-empat orang itu dilantik balik sebagai *Industrial Court Chairman*. Sekarang berulang alik perkara yang sama. Ada lebih kurang lima pengerusi, keadaan yang sama, rumit lagi Tuan Yang di-Pertua. *Shame*, diberi kontrak berapa lama, *six months*. *They treated like kuli in the nation. No shame*. Menteri tidak tahu? Apa dia buat? *It is fair*?

Bukan marah, *if you're in that situation, you will know. You leave legal practice, you give up everything*. Tanya Yang Berhormat Tanjong Karang *to be fair*. Saya tidak kenal keempat-empat orang ini. *I don't go to industrial court* tetapi *to be fair to them. You say as a procedure ...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat *be fair to the Minister also* Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Boleh, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Be fair to the Minister* juga. Jangan *attack Minister* macam itu. Soalan boleh dibuat dalam...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Bukan *attack Minister*, saya bagi cadangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: ... Nada yang bagus Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan kali pertama. *This not a first time.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh buat dalam nada yang bagus.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *If it first time it's hearing, I can understand. If it's a virgin boy, different matter.* Ini sudah lama punya orang, dahulu tahun. Perkara yang sama saya bangkitkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, tetapi kita ada peraturan. Boleh buat dalam nada yang bagus.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Rintangan, rintangan. *You must understand the tears, they are going through, the shame they are going through. Have you considered? You are staying here, you are sitting here and deliberating on their future, not integrate their gut.* Ini bukan kali pertama. Tahun dahulu, selepas sebelum itu ini ada satu di antara perkara. Jadi apa yang dibuat? Kalau mahu nama-nama mereka, saya tahu, saya ada di sini.

Ada pengerusi yang dilantik kurang dari enam bulan. Kontrak. *You wait, wait.* Selepas itu boleh kita pergi ke mahkamah. *"Oh, sorry kes tidak akan didengar kerana pengerusi on leave."* Tipu, tipu. *Not pengerusi on leave, contract expire. The new contract has not come. Is it fair? No shame.* Apa yang dibuat oleh Menteri dan Timbalan Menteri dan KSU, ASU, PSU, DSU, macam-macam SU semua ada. Apa mereka buat? Apa yang dibuat oleh Dato' Saripuddin Kasim, *Human Resources Ministry Secretary General.* Dato' Saripuddin Kasim *said he was working to resolve the issue, the vacancy should be filled up very soon he said.*

Hello, ini berapa lama? Berapa lama sebelum *contract expire?* Apa *you* buat? Berapa kes *you* ada macam ini? Ribu-ribu kes kah macam kita? Macam kita. Kita ada pengundi-pengundi lebih 100,000 orang. Susahlah, *difficult but not even done practical* kita balik kawasan buat kerja. Ini *Industrial Court Chairman* berapa? *You can count, you can mean* tidak sampai 50 orang lah. *Be fair to them. If your ministry don't have power, tanya kuasa. Don't just sit there.* Adakah keputusan ini hanya dibuat oleh *Attorney General?* *He's so busy.* Kalau sedemikian, *empower yourself.* Ada *Minister* tidak buat, tidak apa sebelum ini. Perkara ini telah diingatkan.

Yang dirumitkan Tuan Yang di-Pertua adalah di mana ramai di antara mereka selepas meluangkan kerja sebagai peguam atau dari *Attorney General posting.* Ramai di antara mereka yang *renewal of contract if you go and check* adalah *backlog of cases.* Berapa? 30 cases, 50 cases yang di mana *award* belum ditulis. Apa tindakan diambil? *Renewal of contract.* Kenapa? Malaysia boleh. Itulah, orang yang betul-betul boleh kerja, boleh berfungsi *can write the award, no renewal of contract.* Apa kriteria dia? *It's not what you know, it's who you know. These are the systems that should mahu* fikiran

yang baru, nafas yang baru dalam kementerian. *Secretary General, you go the website. You go website, bahasa semua bahasa because ramai di antara yang dibuang kerja are not as lucky as we are* fasih dalam bahasa Malaysia, Inggeris dan sebagainya.

Akan tetapi dalam itu *you can convert the language. Very IT oriented, show one officer, super skilled appointed there. Fantastic. You go there check, check* dalam Tamil tidak ada. Dalam Hindi ada. 'Dey', berapa orang Hindi baca di dalam negara ini? Tidak sampai 100,000, 20,000 pun tidak ada. *There 2 million Tamil, nothing in Tamil.* Kalau hendak *discriminate* pun jangan *discriminate* macam ini. Cari jalan yang lebih baiklah. Ini Parlimen banyak pandai.

Jadi, ini kita hendak tanya kepada *Secretary General Mister Dato' Saripuddin Kasim.* So, mungkin dia boleh jawab, dia akan bagi satu jawapan kenapa. Ada lagi, *you go to the website or article and newsletters.* Saya hendak pergi baca *opinion, trend of thinking.* Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri pergi tengok Tobago punya. *Whereas in this how many years behind us.* Tengok dia punya *articles*, tengok dia punya *newsletter* bukan macam kita. Kita punya *last one* pergi ke Johor Bahru, *do briefing on e-mailing*, ambil kuih muih, itu yang dibuat *put up on the newsletter.*

■1230

Akan tetapi *criticism* yang ada dalam *Industrial Court Journal*, *criticism* yang ada dalam surat khabar, *nothing is uploaded. Why? There most feedback isn't it? You must be ready to face the challenges. To change, you must change yourself.* Tidak ada, *don't have a world class website with enough first class mentality.* Itu antara perkara yang perlu diambil kira. Kita punya Parlimen *website* ada *standard* kerana kita ada Menteri yang *standard*. Itu sebabnya. *Standard*, bagus, sesekali sahaja tidak ada *standard* [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Niat bagus.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Dia *threaten*?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Niat yang baik.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Niat yang baik [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, persepsi dan pandangan...

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Mencelah Yang Berhormat?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat apabila bercakap, Yang Berhormat tekan merah itu, jadi ada *record*. Saya bercakap tidak ada *record*. Yang Berhormat cakap tadi? Saya tidak faham.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Ketawa]... Dia ada *standard*.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Dia niat hendak menjadi Menteri Sumber Manusia Tuan Yang di-Pertua, saya tahu tetapi orang Sarawak lagi kuat ini.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, ini sangkaan baik.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Menteri, tolong lepaskan jawatan, *please vacate it. There is one more person, more qualified, he said.* Bekas timbalan Menteri Besar.

Tuan Yang di-Pertua, *stakeholders* dalam hal ini *expected something, a gift to a nation* apabila membawa rang undang-undang ini, *but what happen? Nothing, nothing touches. Just touch the surface.* Hanya dua perubahan, yang mustahak sekali adalah kepada pekerja-pekerja kita dalam negara ini yang lebih daripada 10 juta orang. Kita mendiskriminasikan mereka.

Tuan Yang di-Pertua *we have* dari tahun 1967, *we have section 30.* Ini yang selalu dibangkitkan oleh presiden-presiden dan *Industrial Court Chairman.* Seksyen 31, seksyen 33 dengan izin *"The court shall make its award without delay and where practicable within thirty days from the date of reference to it of the trade dispute or of a reference to it under section 23". I challenge the minister,* berapa kes sudah selesai dalam tempoh ini? *Let me know, 100%? How many cases* sejak Yang Berhormat menjadi Menteri dan Yang Berhormat menjadi Timbalan Menteri dan juga KSU, ASU, PSU, mana-mana 'U' berapa kes? Apa niatnya? *What is the meaning? This is a part of law or part of rubbish?* Apakah yang diambil tindakan? *We know it doesn't happen* tetapi muslihat kerajaan, undang di sebalik batu. Bawa satu perundangan untuk mengehendkan, *award* kepada pihak-pihak yang dibuang kerja. Pekerja-pekerja dibuang kerja. *What is upper limit? 24 bulan.*

Banyak antara kes Tuan Yang di-Pertua yang saya sendiri tahu di mana saya sendiri telah buat *over the years.* Mustahil *can finish within 24 months.* Jadi selepas 24 bulan apa jadi? Makan angin, *no compensation nothing.* Apakah yang dibuat oleh kementerian? Tahu atau tidak tahu? *What is the effect section 33?*

Kalau tidak boleh jangan buatlah, jangan cakap *but not effective, not done.* Sekarang *for the president* kita mahu meningkatkan merangkumi beri peluang lebih kepada orang Sabah dan Sarawak tetapi kepada pekerja-pekerja mereka tersepit. Pampasan yang patut diterima, yang sedia ada untuk kes-kes lama untuk 48 bulan, 50 bulan sekarang semua. Ini antara faktor *and the president* walaupun kita melantik seorang presiden, Menteri melantik seorang presiden *powerless. Nothing can be done.*

Itu yang lebih mustahak, itu yang patut diberi lebih perhatian oleh kerajaan. Tidak! *That was not given priority. That is the most important to be focus in the country.* Sayang Tuan Yang di-Pertua. *I want to ask* adakah ini *Minister of Labor or Minister of Anti-Labor?* Kalau dia birokrat, *that is meaning of amendment. If he is Minister of Labor, Menteri Parlimen cannot say...*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, ini sangkaan buruk.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tidak, ini sangkaan yang baik. *Are you Minister of Labor or Minister of Anti -Labor? Minister of Parliament or Minister of Anti-Parliament?*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak, ini cakap tidak betul. Tarik balik.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *You are Minister of Parliament. No, I agree you Minister of Parliament.*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, tarik balik.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: *You have the best Minister now...*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *No, I agree with you.*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ini *Minister* sayang *labor* tahu?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, ini kawan. Menteri Sumber Manusia *is my very old friend. I know him. It is nothing very personal* Tuan Yang di-Pertua. *I just carried out my duty as a Member of Parliament. Nothing very personnel against you. That is why we have caucus for workers, I have invited the minister, the Deputy Minister* untuk membuat perbincangan. *How many time perbincangan telah dibuat, kenapa? At least the former Minister help. There must be more discussion. You like it, you don't like it, we also stakeholder.* Ya, pengerusi kita Yang Berhormat Hulu Langat- Kuala Langat. *I peguam yang mengendalikan kes-kes macam ini, long before you knew the meaning of Industrial Court, I was already in Industrial Court.* Ini antara perkara yang patut perlu ada.

There must be a bridge, there must be discussion tetapi golden opportunity are lost. Tuan Yang di-Pertua, *we do not know everything, and we cannot pretend to know everything. This are thing* yang perlu diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah beritahu mengenai seksyen 30(3). Saya juga ingin bangkitkan di mana pandangan MTUC, pandangan peguam-peguam di mana mereka telah- faktor yang saya bangkitkan bukan kali pertama. Saya sendiri, saya ingat mungkin 10 kali telah bangkitkan dalam Dewan ini semasa Datuk Seri Fong Chan Onn, semasa Datuk 'Mah' was *Minister*.

Salah satu di antaranya adalah di mana kita ada *appointment* daripada *Attorney General Chambers*. Ramai di antara mereka saya difahamkan perlu- bukan sahaja dari *Attorney General Chambers* tetapi juga peguam-peguam yang dilantik sebagai pengerusi atau presiden tidak atau melambat-lambatkan menulis *award*. Kalau tengok satu di antara *award* di *Industrial Court* di mana nama saya sendiri dikatakan oleh *Industrial Court Chairman* hingga saya terpaksa menerima peguam membawa kes itu ke Mahkamah Tinggi untuk menyingkirkan penglibatan saya kerana saya dengan sangkaan yang baik membawa perkara itu ke Parlimen dan menamakan *Industrial Court Chairman*. Selepas itu kontrak dia tidak *direnew*.

Akan tetapi yang saya hendak bangkitkan ialah saya hendak tahu yang pertama, berapa kes di mana *under* seksyen 33 telah diselesaikan dalam tempoh enam bulan *in the Industrial Court*? Kedua, berapa kes yang telah dirujuk oleh *department* kepada Menteri untuk membuat keputusan merujuk *under section 20* ke mahkamah untuk tahun 2013, tahun 2014 dan tahun 2015.

■1240

Adakah kes-kes ini semasa dirujuk kepada *Industrial Court Chairman, Industrial Court President*, adakah Yang Berhormat Menteri sendiri membuat keputusan, dan kenapa melambatkan? *Because*, ini terikat dengan seksyen 33 di mana perlu menyelesaikan hajat mereka untuk menyelesaikan kes-kes ini dalam tempoh enam bulan. Ia tidak boleh dicapai apabila Menteri, mungkin *duty-duty* beliau, perkara ini tidak boleh dirujuk. Ada beberapa kes telah dirujuk atau kes yang tidak dirujuk dan kes yang oleh sebab tidak dirujuk oleh Menteri, selepas itu telah pergi ke Mahkamah Tinggi di mana Mahkamah Tinggi mengarahkan Yang Berhormat Menteri merujuk perkara itu kepada *Industrial Court Chairman*?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, boleh gulung ya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Jadi ini adalah satu *change*, satu perubahan yang disanjung tinggi oleh pekerja-pekerja negara ini. *The 11 million workers wanted this*. Akan tetapi yang kita bawa adalah satu yang remeh-temeh, *very small amendment, but far ranging consequence* untuk perkara ini.

Saya juga ingin tahu dalam pelantikan *President* dan *Chairman Industrial Court*, adakah Yang Berhormat telah mengambil kira beberapa faktor dalam pelantikan? Dalam pelantikan ini, apakah proses yang dimainkan oleh Menteri atau Timbalan Menteri? Atau ini dirujuk oleh *AG Chambers* tanpa diskusi, tanpa pengetahuan, *you are just no actor, no relevance* dalam kes ini?

Dalam kes-kes yang dirujuk Tuan Yang di-Pertua, saya juga mula dengan mengatakan bahawa lebih kurang 12 tahun lalu, satu jawapan kepada soalan saya di mana kerajaan kata Kementerian Sumber Manusia. masa itu *Minister of Labor*, Menteri Buruh, telah mengatakan bahawa akan menyediakan satu mahkamah rayuan. Apakah terjadi kepada perkara tersebut? Setakat ini adakah Yang Berhormat tahu bahawa banyak antara kes ini walaupun ada *points of law, points of public interest* tetapi tidak boleh dibawa ke Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan yang sedia ada adalah kerana isu kos dan isu peguam? Jadi apakah pertolongan yang dibuat atau *the helping hand* yang dibuat oleh Menteri supaya perkara ini boleh diselesaikan?

Akhir sekali, semasa perbahasan semalam Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri telah bermula dengan mengatakan sangat kesal bahawa cara penyelesaian yang dicadangkan *not effective, the consolation. What is not effective?* Kalau kita tengok sistem yang sedia ada dengan *Civil Court*, kalau diimplementasikan di *Industrial Court*, perkara ini mustahil. Ini semua boleh diselesaikan. *We have the practice scenario* yang sedia ada. Saya harap itu boleh diambil kira.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Ipoh Barat, boleh mencelah sedikit?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya tertarik dengan poin yang diujah oleh Yang Berhormat Ipoh Barat dan saya ingin buat cadangan dan minta pandangan daripada Yang Berhormat Ipoh Barat, iaitu sudah sampai masa, *in fact* sebenarnya sudah lama sudah sampai masa sistem yang sedia ada ini ditamatkan dan- maksud saya di mana pekerja yang dipecat daripada jawatan mereka mesti melalui proses *conciliation* sebelum kes dirujuk ke Mahkamah Perusahaan. Kita mesti beri mereka hak seperti pekerja di seluruh dunia. Seperti pihak-pihak yang lain yang pergi ke mahkamah untuk menuntut keadilan, kita harus memberi mereka hak untuk pergi terus ke mahkamah.

Di mahkamah, kalau kita secara polisi, secara dasar kita hendak beri mereka peluang kepada dua-dua pihak, majikan dan pekerja, untuk buat perundingan atau timbang tara, *conciliation process*, itu boleh dibuat di mahkamah. Biasa kita buat *mediation* di mahkamah sivil. Pihak semua pergi terus ke mahkamah, tidak perlu merujuk melalui Menteri seperti sekarang, buang masa dan sebagainya. Kalau perlu *mediation*, kita buat di mahkamah. Kalau berjaya, kes selesai. Kalau tidak berjaya, kes itu dirujuk kepada Hakim Mahkamah Perusahaan yang lain untuk membicarakan kes itu yang tidak dapat diselesaikan.

Bagi pendapat saya, sistem ini akan jauh lebih efisien daripada apa yang dijalankan sekarang dan kita akan habiskan kes-kes kita dalam tempoh yang jauh lebih pendek seperti yang berlaku di United Kingdom di mana hampir semua kes pertikaian pemecatan kerja dan sebagainya diselesaikan lebih kurang enam bulan dari tarikh dirujuk ke mahkamah. Saya minta pandangan dari Yang Berhormat Ipoh Barat. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Itu satu pandangan yang bagus dan terkini. Saya pohon agar ucapan Yang Berhormat Subang masuk dalam ucapan saya. Saya setuju bahawa di mana kalau kita tengok negara-negara lain, ia dirujuk terus.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Peraturan Mesyuarat. Tadi saya dengar ucapan Yang Berhormat Ipoh Barat. Dia kata dia jadi peguam, pergi Mahkamah Perusahaan semua. Kalau ikut P.M.35(6) ini, "*Seseorang Ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada dalamnya faedah kewangan yang tepat bagi dirinya, selain daripada perkara gaji menurut apa-apa syarat dalam Perlembagaan, jika tidak diterangkannya sebagaimana faedah bagi dirinya dalam perkara ini.*" Jadi boleh Yang Berhormat bagi tahu tidak, berapa kos guaman yang Yang Berhormat dapat apabila membela pekerja-pekerja ini? Ini peraturan mesyuarat ini.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Banyak itu.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Tanjong Karang, soalan yang saya takut hendak jawablah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini peraturan mesyuarat. Yang Berhormat tidak boleh...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Duduklah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya nak minta *ruling*. Ini peraturan mesyuarat *personal interest*. Dia kena *clear personal interest* dia, baru dia boleh cakap.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Nombor satu, Yang Berhormat, saya tidak buat apa-apa keslah. *I don't do any Industrial Court's cases.*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Sebab Yang Berhormat mengaku Yang Berhormat mengendalikan banyak kes.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kalau saya buat pun, *it's a pro bono cases. If I can ask back*, berapa banyak *pro bono cases you are doing?*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Bukan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Don't do* lah. *On this side, we do. So many cases we do free of charge. No money at all.*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Oh, *free?* Yang Berhormat bagi *free?*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Kalau *free*, macam ini sajalah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kalau Yang Berhormat kena buang kerja, mari jumpa saya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Jadi Yang Berhormat, ini kena rekod. Sesiapa yang kena buang kerja, Yang Berhormat Ipoh Barat bagi *free service*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia *declare pro bono cases*, Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Dia bagi *free service*, okeylah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Those are irrelevant matters*. Isu Yang Berhormat Subang yang lebih berkenaan. Saya rasa apabila kita mula akta ini pada tahun 1967, *we need a filtering process*. *That's why we has* seksyen 20 supaya Menteri adalah orang kanan untuk membuat keputusan merujuk kepada mahkamah dan sebagainya. Akan tetapi, itu tidak guna lagi. Itu patut dihapuskan, patut diberi untuk pekerja sekarang *more knowledgeable, IT oriented* dan sebagainya supaya terus merujuk perkara ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, adalah mengenai di mana pada tahun 2002 *Bar Council* dengan kerajaan telah bersetuju bahawa 50% daripada pelantikan *Industrial Court Chairman* adalah dari *members of the Bar*. Saya difahamkan itu hanya diimplementasikan pada tahun satu dua tahun, dan selepas itu telah dilupakan, dan harap ia akan diimplementasikan. Boleh Yang Berhormat Menteri juga memberi statistik di mana beberapa peratus di antara *Industrial Court Chairman* adalah daripada peguam-peguam dari *Bar*, dari *AG Chambers* dan pihak-pihak yang lain?

Itu sahaja untuk sementara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Titiwangsa.

12.49 tgh.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membawa beberapa perkara tentang cadangan pindaan akta ini.

Pertama, saya melihat bahawa agak tidak praktikal untuk kita menekankan pada Lembaga Pengarah untuk bertanggungjawab dalam soal pemberhentian kerja ini kerana kita boleh menekankan pada Lembaga Pengarah sekiranya syarikat itu masih beroperasi. Kalau syarikat sudah tidak beroperasi, kalau saya tengok daripada cadangan ini, untuk kita hendak mengambil pada Lembaga Pengarah yang dua tahun sebelum kes bermula.

■1250

Kalau saya ambil kepada contoh Yang Berhormat Ipoh Barat tadi, bayangkan kalau sesuatu kes itu telah berjalan hampir lima tahun dan campur dua tahun sebelum kes ini diambil, lembaga-lembaga pengarah dalam masa tujuh tahun ini, ia mengandungi ramai lembaga pengarah, berkemungkinan besar. Akan tetapi kalau syarikat-syarikat ini ialah syarikat-syarikat yang besar, syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, syarikat-syarikat yang dimiliki oleh pemegang-pemegang saham institusi, saya rasa itu tidak ada masalah.

Akan tetapi banyak syarikat yang ada hari ini kalau kita *check* dalam SSM, banyak mereka ini terdiri daripada syarikat-syarikat yang kecil, SME. Kadang-kadang industri yang mereka terlibat ini, kemungkinan besar tindakan diambil ke atas kakitangan atau pemberhentian kerja kerana struktur perniagaan itu telah berubah. Kemungkinan besar dalam masa lima tahun atau enam tahun, jenis perniagaan itu sudah tidak menguntungkan. Akhirnya, syarikat itu terpaksa ditutup dan segala tindakan

undang-undang yang diambil oleh kakitangan sebelum itu, lembaga-lembaga pengarah yang tidak terlibat daripada segi pengurusan, juga terlibat.

Saya ingin komen daripada segi cuba mengaitkan cadangan ini kepada klausa Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini agak berbeza sedikit kerana setiap bulan, lembaga pengarah kena bertanggungjawab memastikan selagi syarikat itu beroperasi, *contribution* kepada pekerja-pekerja perlu dibayar. Sedangkan dalam soal kes litigasi pampasan pekerja ini yang perlu dibawa kepada mahkamah, ini adalah di luar bidang kuasa lembaga pengarah terutama kalau lembaga-lembaga pengarah yang bukan berstatuskan eksekutif. Kemungkinan mereka ini duduk sebagai lembaga pengarah pada satu ketika, perniagaan itu bersesuaian dengan mereka.

Akan tetapi apabila syarikat itu berjalan dalam masa lima tahun atau enam tahun atau tujuh tahun dan ia telah bertukar daripada segi konsep ataupun jenis perniagaan mereka, maka agak tidak munasabah kita hendak mengenakan kepada lembaga pengarah yang berkhidmat sebelum ini dengan begitu sempurna, bayar segala apa yang *due*, tiba-tiba bila keputusan dibuat oleh Mahkamah Perusahaan yang kerana mengambil masa yang begitu lama, kenapa lembaga pengarah yang syarikat sudah tidak beroperasi atau tidak untung, perlu dipertanggungjawab. Yes, yes.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa dan Tuan Yang di-Pertua. Saya bawa pindaan ini, akan dibincang selepas ini, kerana saya nampak ada beberapa buah syarikat, bila mereka ada masalah dengan *business*, sebelum mereka jadi muflis, mereka pindahkan aset mereka ke syarikat-syarikat lain yang dimiliki oleh pemilik yang sama. Mereka sudah *planning*, mereka sudah tahu beberapa bulan sebelum itu tidak bagus. So mereka pindah semua aset, mereka jual barang dan pindahkan kepada syarikat lain. Bila jadi *bankrupt*, pekerja pergi ke mahkamah minta untuk pampasan, mereka menang di mahkamah. Akan tetapi dikatakan, "*Saya tidak ada duit untuk bayar kerana itu empty share company*". So inilah masalah kita hadapi, *practically to know*.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Saya bersetuju daripada segi pandangan tersebut. Akan tetapi kita kena melihat, dua perkara yang berbeza.

Satu, adalah keputusan untuk melarikan tanggungjawab ini kepada satu keadaan yang mana kita *restructure* syarikat. Maka kalau itu ada buktinya, maka *restructuring entity* ini perlulah juga menjadi pati kepada *compensation*. *You have to proof. That is another legal battle you have to go through. You have to proof that these are the common shareholders, the common so-called the executive yang manage* syarikat ini dan telah mengubah entiti syarikat ini kerana mengelakkan pembayaran pampasan. Akan tetapi yang paling penting bagi saya ialah bagaimana kita melihat sesuatu kes perusahaan ini dikendalikan secepat mungkin. *Where is the straight forward Letter of Employment or contract of employment* tetapi mengambil masa yang begitu lama sampai lima bulan atau enam bulan. Syarikat yang masih beroperasi yang begitu efisien tetapi industri telah bertukar, sudah tentu dia akan tutup.

Kalau *genuine case*, saya rasa kita telah mengubah landskap undang-undang dalam negara kalau kita cuba membawa perkara ini untuk diketengahkan sebagai satu undang-undang yang tidak munasabah bagi saya. Kalau saya ambil contoh seperti MAS. Entiti yang lama, kemudian memberhentikan pekerja dan mewujudkan satu entiti baru, kita boleh mengambil tindakan undang-

undang. Kita mengatakan bahawa *the restructured entity are the same entity. Asset are the same. Then you have to bring the proof.* Kalau tidak, *you* akan berdepan dengan keadaan yang mana kalau dalam masa tujuh tahun, kita ada 18 atau 19 *directors* yang duduk dalam syarikat tersebut. Hari ini 18 atau 19 *directors* tersebut terpaksa terlibat dan bertanggungjawab dengan keputusan yang telah lewat dibuat oleh *Industrial Court*. Jadi saya ingat kita kena lihat benda ini lebih daripada segi keseluruhannya, *not only for specific clause* yang kita hendak melihat sebab saya rasa implikasinya sangat besar.

Saya cuma ingin mencadangkan kepada Dewan ini, saya rasa, lebih baik kalau kita mempunyai undang-undang yang mana apabila wujud sahaja sesuatu kes *Industrial Court* ini, *industry case* ini, maka selepas tempoh 24 bulan, kalau syarikat itu masih beroperasi, kes belum selesai, mungkin kita kena pertimbangkan suatu undang-undang yang mana syarikat itu terpaksa menandatangani *a minimum amount of money. Say 24 months or 36 months or 48 months, how long they go.* Berapa lama dia akan pergi, kita depositkan duit tersebut dan tidak boleh diusik sebagai satu *security* kepada kes-kes pekerja-pekerja yang terlibat ini. Ini adalah salah satu daripada benda yang perlu kita lihat, satu.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Nombor dua, kita juga kena lihat, bagaimana kerajaan melihat *creating a sinking fund to help all these workers* terutama syarikat-syarikat yang di saman dan kementerian melihat bagaimana syarikat-syarikat ini boleh *create sinking fund* kepada *every case* yang dibawa oleh kakitangan ini dengan *amount equivalent to the salary of the workers. Create a sinking fund, instead of* kita bagi penalti kepada lembaga-lembaga pengarah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Langat bangun.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Sepertimana yang umum tahu, kita pernah cadangkan yang dipanggil *retrenchment fund. Retrenchment fund* ini sebenarnya telah diamalkan di banyak negara dan ia menjadi amalan kebaikan dan juga manfaat kepada pekerja yang *current* syarikat itu melarikan diri dan tidak mampu untuk memberi pampasan kepada mereka yang terlibat, pembuangan yang tidak adil ini. Peluang ini yang saya anggap Yang Berhormat Titiwangsa maksudkan ialah apabila syarikat ini tidak mampu untuk bayar pampasan, mereka boleh ambil daripada tabung ini bersesuaian dengan pendapatannya untuk mereka ini dibela dan diberikan habuan untuk mereka tidak tercicir daripada pampasan yang sepatutnya mereka nikmati. Apakah pandangan Yang Berhormat Titiwangsa? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Terima kasih Yang Berhormat. Daripada segi mekanik ini, saya rasa kita boleh fikirkan lebih *detail*. Akan tetapi apa yang saya hendak tekankan, adalah tidak adil untuk kita mengenakan tindakan kepada pengarah-pengarah yang bukan eksekutif, yang mana kes ini mengambil masa mungkin lima tahun atau enam tahun. Jadi saya ingat, lebih baik kalau kita memikirkan cara yang mana kalau kita boleh *create sinking fund*. Mana-mana syarikat yang beroperasi apabila ada tindakan mahkamah yang diambil, dalam masa 24 bulan kalau tidak selesai kes ini, *you have to create the sinking fund.*

Then kementerian mesti melihat kes-kes yang sebegini, bagaimana kita boleh mempercepatkan kes ini. Ini disebabkan saya pun lihat, banyak kadang-kadang sampai lima tahun atau enam tahun tidak selesai dan ia akan menyebabkan implikasi yang besar kepada kakitangan, hendak minta kerja pun susah sebab kes *outstanding*. *They do not know which way they are going. So these are all the issues* yang kita rasa kita perlu tengok untuk kepentingan pekerja-pekerja terutamanya kepada mereka yang sebagai pemegang saham majoriti. Pemegang saham majoriti ini adalah menguasai syarikat.

Saya tidak takut kepada syarikat-syarikat yang disenaraikan atau syarikat-syarikat yang dikuasai oleh institusi-institusi tetapi syarikat-syarikat yang dikuasai oleh individu yang dia boleh *shift one asset to another*. Akan tetapi kita tidak dapat tangkap mereka ini atau memaksa mereka ini untuk membayar pampasan-pampasan dikenakan. *We have to create that sinking fund from company* yang menerima tindakan-tindakan mahkamah daripada kakitangan tersebut.

Jadi akhir sekali, saya minta kita kena melihat semula sebab *these are not solutions* untuk kita menyelesaikan masalah daripada segi pekerja ini kerana *at the end of the day, you* hendak kena berdepan dengan suatu keadaan *even sometimes the banking industry cannot force the director. Because if they can establish the fact that they are not involve in the management and operation of the company*. Saya mohon, itu pandangan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

13.00 ptg.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada empat orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai pindaan kepada akta iaitu perburuhan.

Tuan Yang di-Pertua,...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kita mula petang Yang Berhormat ya.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

2.32 ptg.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk menyambung penggulungan perbahasan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Yang Berhormat Kuala Langat telah memberi kata-kata puji kepada kementerian atas usaha Kementerian Sumber Manusia untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Dalam pada itu Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak saya sendiri dan bagi pihak seluruh warga Kementerian Sumber Manusia ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas kata-kata puji itu. Saya percaya kata-kata puji itu akan memberi semangat dan suntingan yang lebih kuat dalam usaha kita untuk mengawal selia perhubungan perusahaan serta mengekalkannya.

Tuan Yang di-Pertua, keharmonian perusahaan mesti ada *industrial relation*, keharmonian di antara majikan, pekerja dan kita sebagai Kementerian Sumber Manusia sebagai kementerian yang bertanggungjawab atas usaha itu hendaklah memastikan bahawa keharmonian perindustrian itu dikekalkan.

Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Ipoh Barat telah menuding jari kepada saya sama ada saya *Labour Minister* atau '*Anti-Labour Minister*'. Jawapannya Tuan Yang di-Pertua, saya Menteri Sumber Manusia. Menteri Sumber Manusia harus ditekan-tekan di sini bahawa perkataan "keharmonian perindustrian" menjadi dasar utama kementerian kita. Dalam pada itu, kita memastikan bahawa keharmonian di antara majikan dan pekerja hendaklah sentiasa dikawal selia. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Barat ada di sini, terima kasih. *I'll go further into speech later on.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Penjelasan, penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, bila saya mengatakan bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sebentar Yang Berhormat Ipoh Barat.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Saya tidak duduk, Yang Berhormat Ipoh Barat. *You have been here for many years, you know the standing order.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya, boleh saya dapatkan penjelasan?

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Saya tidak duduk, maka saya tidak memberi.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *You're Minister of Anti-Labour or Minister of anti-Parliamentarian?*

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *No, no. Please.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: No, senang sahaja. Bila Yang Berhormat menjawab, itu berkaitan.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *Please* jangan sekali-sekali jolok-jolok sarang tebuan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya nak kata *you cannot just make a sweeping statement. Don't play semantic* di sini.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *No, those words you exact what just now.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *No, you are correct*

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *No, you shut up.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: No, bila kita kata Yang Berhormat itu *Minister of Labour or Minister of Anti-Labour*, merangkumilah perkara ini. *It is together.*

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, *this is* Dewan yang mulia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Bukan *isolated*, Sumber Manusia *and all that* serupa, berkaitan juga.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, *if he's emotional*, saya juga boleh emosional.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Complete to it, I am rational.*

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya saya pergi tentang syor yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Kuala Selangor dan juga Yang Berhormat Setiawangsa yang telah menyarankan agar *retrenchment* atau *sinking fund* dibuat iaitu untuk membela nasib para pekerja yang diambil tindakan sebelum keputusan mahkamah dibuat. Dalam pada ini Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Sumber Manusia melalui *employment insurance scheme* yang bakal dibentangkan di Dewan yang mulia ini dalam persidangan mungkin pada bulan Julai telah mengambil kira akan nasib malang yang menimpa para pekerja yang telah diambil tindakan sama ada digantung kerja ataupun dibuang kerja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Langat telah membangkit isu prosedur pembuangan kerja yang tidak sekata atau seragam di antara syarikat-syarikat yang berbeza. Memang Tuan Yang di-Pertua, setiap syarikat ada yang besar dan ada juga yang kecil. Syarikat yang besar memang sudah mempunyai pegawai sumber manusia, maka melalui *human resource manager* ini, tindakan-tindakan diambil memang termasuk pembuangan kerja adalah teratur manakala yang kecil itu yang tidak mempunyai *Human Resource Department*, maka sudah tentu ia tidak boleh berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah undang-undang disediakan di mana mana-mana pihak yang tidak berpuas hati boleh membuat aduan kepada Kementerian Sumber Manusia. Walaupun tidak seragam tetapi yang lebih penting keadilan kepada semua pihak untuk membela diri. Yang Berhormat Kuala Langat juga menyentuh tentang beberapa perkara yang lain iaitu termasuk ini juga ada sangkut paut dengan pembuangan kerja iaitu tentang peranan yang boleh dimainkan oleh MTUC. Peruntukan sedia ada memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk memutuskan sama ada merujuk atau

tidak merujuk sesuatu kes ke Mahkamah Perusahaan dan ini bukan bermakna hak pekerja untuk membela diri dinafikan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebelum Menteri membuat keputusan sama ada untuk merujuk atau tidak merujuk sesuatu kes, pekerja yang terlibat diberi hak untuk memperjelaskan kes mereka semasa sesi rundingan damai yang dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Perusahaan. Semasa sesi rundingan damai juga, pekerja berkenaan boleh dibenarkan untuk diwakili oleh pihak kesatuan kerja termasuk MTUC.

■1440

Keputusan Yang Berhormat Menteri untuk merujuk atau tidak merujuk sesuatu kes pula adalah berdasarkan kepada fakta sesuatu kes. Sekiranya kes berkenaan mengandungi persoalan fakta atau persoalan undang-undang sivil yang serius, kes berkenaan akan dirujuk ke Mahkamah Perusahaan untuk diadili. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, kenyataan bahawa hak pekerja untuk membela diri seolah-olah hanya akan diperoleh di Mahkamah Perusahaan adalah tidak tepat. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya iaitu mengenai had bayaran gaji ke belakang atau *back wages* kepada 24 bulan dan 12 bulan bagi pekerja dalam tempoh percubaan. Kementerian berpandangan peruntukan jadual kedua, Akta Perhubungan Perusahaan, perlu dikekalkan atas alasan-alasan berikut.

Award yang dikeluarkan oleh Mahkamah Perusahaan bukanlah bertujuan untuk menghukum atau *penalize* mana-mana pihak ataupun menguntungkan mana-mana pihak. Oleh sebab itu, adalah wajar suatu had atau garis panduan ditetapkan. Had gaji kebelakangan 24 bulan adalah selaras dengan nota amalan Mahkamah Perusahaan nombor 1, tahun 1987, yang sudah menjadi amalan di Mahkamah Perusahaan sejak 20 tahun yang lalu. Nota amalan ini bertujuan untuk mengelakkan pemberian gaji kebelakangan *back wages* secara sewenang-wenangnya.

Faktor-faktor yang ditetapkan oleh jadual kedua untuk dipertimbangkan oleh Mahkamah Perusahaan semasa mengeluarkan *award* akan menjadikan *award* lebih konsisten dan teratur. Ini kerana prinsip-prinsip yang sama terpakai kepada semua pihak. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya telah nyatakan seawal-awal tadi, Yang Berhormat Kuala Langat telah memuji kita. Dalam pada itu beliau juga telah menanyakan sesuatu, itulah yang kita harus buat di Dewan yang mulia ini. Bukan semata-mata untuk menghentam mana-mana pihak.

Bahkan, di dalam Dewan yang mulia ini kita harus sama-sama membangkit isu-isu untuk kepentingan rakyat. Memberi saranan atau pandangan yang akan memberi keuntungan kepada negara amnya. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong Karang telah membangkit beberapa isu. Terima kasih saya ucapkan. Pertamanya, isu yang telah dibangkitkan ialah isu penginapan, termasuk gaji minimum. Walaupun Tuan Yang di-Pertua, isu ini bukanlah isu-isu atau seksyen-seksyen yang dipinda dalam rang undang-undang ini akan tetapi saya memilih untuk menjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, adalah lebih sesuai penginapan disediakan oleh majikan kepada pekerja asing yang bekerja di negara ini. Ini kerana mereka hadir di negara ini atas permohonan pekerjaan oleh majikan dia. Kemudahan penginapan juga tidaklah begitu tinggi nilainya. Memandangkan pekerja asing diperlukan, disediakan kemudahan penginapan yang sesuai, mereka tidak perlu mencari penginapan

sendiri yang bakal mengganggu keharmonian di taman-taman perumahan. Tuan Yang di-Pertua, mengenai gaji minimum. Harus dinyatakan di sini bahawa gaji minimum tidak boleh di diskriminasikan kepada warga asing. Oleh sebab ia akan bertentangan dengan undang-undang buruh dan norma antarabangsa, *International Level Organization Convention*.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat dan juga Yang Berhormat Tanjong Karang mengenai *award* pampasan perusahaan yang saya sebut tadi sebanyak 24 jam. Tuan Yang di-Pertua, jika seseorang pekerja berjaya dalam kes di Mahkamah Perusahaan, *Industrial Court* dan diberi *reinstatement to the last position*, beliau akan mendapat gaji penuh mulai tarikh pembuangan kerja, sehingga tarikh *reinstatement*. Jika pekerja berjaya tetapi tidak diberi *reinstatement*, beliau akan mendapat *compensation in lieu of the reinstatement of last drawn salary, plus number of completed years of service*.

Back wages terhad kepada 24 bulan gaji. Walaupun begitu Tuan Yang di-Pertua, mereka masih lagi mempunyai- kita mempunyai bidang kuasa bagi budi bicara di dalam membuat pertimbangan dan keputusan seterusnya. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong Karang mencadangkan supaya dimansuhkan kuasa Eksekutif di bawah seksyen 23 untuk dirujuk atau tidak dirujuk dalam kes Mahkamah Perusahaan. Saya telah menjawab itu sebentar tadi. Kedua, beliau mencadangkan supaya kementerian memberikan bantuan guaman kepada pekerja yang hendak membuat rayuan mengenai kesnya.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini perlu dibincangkan dengan Jabatan Bantuan Guaman sama ada bantuan yang berbentuk sebegini boleh dipanjangkan kepada pekerja ataupun tidak. Satu lagi perkara atau isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang ialah supaya denda di bawah seksyen 59 ke atas majikan ditingkatkan. Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan mengkaji semula seksyen yang berkaitan iaitu seksyen 59 dan akan membincangkan bersama-sama *stakeholders* secara holistik iaitu di antara majikan, *trade union* dan juga pekerja sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke Yang Berhormat Ipoh Barat. Yang Berhormat Ipoh Barat telah membangkitkan banyak isu, terima kasih. Saya tahu dalam hati nurani Yang Berhormat Ipoh Barat, memang *workers are very close to himself. For your information, workers are also very close to my heart*. Tuan Yang di-Pertua, saya amat berterima kasih kerana pada mulanya Yang Berhormat Ipoh Barat agak *a bit over emotional. I understand how he feels, thank you very much*. Akan tetapi terima kasih kerana pada penghujung perbahasan beliau, daripada nada yang agak bukan biadab tetapi kurang manis, kurang sopan santun dan akhirnya, *towards the end of his debate he has tuned down*. Terima kasih.

That's the way, we are here for the nation, we are here for the workers. So, let us not get carried away, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pertama Yang Berhormat Ipoh Barat telah menyentuh dan telah menuding jari. *I saw him pointing*. Sama ada saya terlibat dan beliau menanyakan saya, *what is the answer from here*. Sama ada rang undang-undang ini dipinda semata-mata untuk memberi peluang kepada peguam dari Sarawak dan Sabah untuk sama-sama duduk di Mahkamah Perusahaan sama ada sebagai *chairman*, pengerusinya atau sama ada jadi presiden.

Sehingga beliau telah menyatakan, *are you part of it? I'm part of the process* untuk meminda akta ini. Mengenai calon yang bakal dilantik, *that is new to me*. Ini bererti saya tidak- Pindaan kepada akta ini adalah untuk apa yang kita panggil mencerminkan 1Malaysia.

■1450

Tuan Yang di-Pertua, harus diingatkan bahawa Sarawak dan Sabah bersama-sama dengan Semenanjung Persekutuan Tanah Melayu membentuk sebuah negara, *we did join* Malaysia. Membentuk sebuah negara iaitu negara Malaysia yang kita sama-sama cintai pada hari ini. Itu 62 tahun yang lalu, *60 years back*. Di sini di Dewan yang mulia ini, pada hari ini kita membentangkan supaya rang atau akta rang undang-undang ini dipinda dengan memberi peluang kepada peguam dari Sabah dan Sarawak. Apa salahnya? *It is not because I'm from Sarawak* tetapi sudah lama kita tunggu, 62 tahun.

Dengan pindaan kepada akta ini, ini akan memberi ruang dan peluang kepada anak-anak Bumi Kenyalang dan anak di Negeri Di Bawah Bayu untuk duduk, *"Tinggi sama tinggi, rendah sama rendah"* dengan rakan-rakan kita di Tanah Melayu. *So, we should welcome this* Tuan Yang di-Pertua.

Saya percaya rakyat-rakyat di Sarawak, rakyat-rakyat di Sabah termasuk rakyat-rakyat di Semenanjung Malaysia, menerima usaha baik Kementerian Sumber Manusia bukan *Labour Ministry*, bukan 'Kementerian Buruh', Kementerian Sumber Manusia dalam usaha kita untuk memastikan bahawa Mahkamah Perusahaan betul-betul mencerminkan 1Malaysia. Kita tidak boleh diabaikan lagi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, *so* saya menyangkal tuduhan itu. *But anyway he said if this is true, my answer is no. It is news to me. Okay.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih penjelasan. Nombor satu Tuan Yang di-Pertua, saya terima baik bahawa *the Minister said he has got the heart, so have I. So, we are not heartless of the workers of this country*. Saya terima baik. Saya sama-sama hal yang Yang Berhormat Menteri tetapi mungkin suara saya sedikit lebih. *That's some of my style*. Saya minta maaf kalau terlebih.

Akan tetapi yang mustahak saya terima dengan ikhlaslah bahawa pandangan Yang Berhormat bahawa tidak *"Ada udang di sebalik batu"* bahawa pindaan ini bukan kerana merangkumi sesuatu yang di dianjurkan oleh Yang Berhormat Menteri atau *there is a hidden agenda. Since there is no hidden agenda and assurance by the Minister*, saya terima dengan baik. Akan tetapi saya hendak tanya- saya juga ada cakap segala *rumors* di mana peguam-peguam dari negara kita tidak boleh *appear in Industrial Court*. Saya ada tanya di sana kerana dihadkan pada Sabah dan Sarawak. Adakah apa-apa yang dibawa oleh kementerian supaya- *this is an expertise* yang luar biasa? *Not many lawyers* yang ada di Sabah dan Sarawak untuk membuat kes-kes sedemikian, untuk membuka ruangan kepada kita dalam bahasa Yang Berhormat Menteri, 1Malaysia. Terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu setuju dengan pandangan Yang Berhormat kerana kita juga di negeri Sabah dan Sarawak. Kita mempunyai peguam-

peguam yang arif, peguam-peguam yang tidak kurang hebatnya dengan peguam-peguam di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya pergi masih ke Yang Berhormat Ipoh Barat, terima kasih iaitu mengenai Mahkamah Perusahaan berapakah keahliannya, berapakah peratus daripada kalangan peguam? Jawapannya Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat seramai 24 orang pengerusi Mahkamah Perusahaan atau *Industrial Court*. Daripada 24 orang ini, 18 orang atau 75% terdiri daripada perkhidmatan kehakiman dan perundangan. Manakala enam orang atau 25% adalah daripada kalangan peguam. Ini adalah berdasarkan waran perjawatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya pergi satu isu yang telah dibangkitkan lagi iaitu- ini telah saya jawab tadi tentang *sinking*...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga ada beritahu pada tahun 2002, di mana satu resolusi Majlis Peguam di mana tidak setuju oleh Attorney-General's Chambers di mana 50% dari- sekurang-kurangnya-kurangnya 50% pengerusi, *Industrial Court Chairman* patut dari golongan peguam dan lagi 50% dari golongan yang lain. Bolehkah ia diambil kira supaya ia diiktiraf dan diberi implementasikan dengan seberapa segera yang boleh. Itu syor yang baik, yang kena mengena dengan kes-kes industri di negara ini.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Kita akan mengambil perhatian Yang Berhormat Ipoh Barat tentang perkara itu. Satu lagi yang telah di- yang ada sangkut paut dengan apa saya telah sebutkan sebentar tadi iaitu tentang isu kontrak pengerusi. Isu kontrak pengerusi, untuk pengetahuan kita bersama kontrak- adalah kontrak. *Contract is a contract*. Dalam mana kalau isi kandungan dalam kontrak itu menyatakan pada tanggal atau 31 Ogos tahun ini ia akan tamat. Maka, tamatlah kontrak itu.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, dari 24 orang itu Pengerusi Mahkamah Perusahaan iaitu *Industrial Court*, *I just want to say here, coming back*- berbalik kepada apa yang saya nyatakan tadi tentang peguam dari Sarawak tidak kurang berpengalaman, tidak kurang cekap dari rakan-rakan mereka di Semenanjung ini kerana seorang yang telah duduk dan sedang duduk sebagai Pengerusi Perusahaan adalah Yang Arif dari Sarawak. Kalau diizinkan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Arif Gumis anak watan Bumi Kenyalang sendiri. Seorang lagi Yang Arif Puan Anna Ng. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Ipoh Barat bangun

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Sila.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri saya faham apa itu kontrak dan saya rasa ramai di antara kita faham. Pelantikan jika dibuat melalui kontrak, dia perlu mengikutinya. Akan tetapi dasarnya, prinsipnya apabila seorang Pengerusi Mahkamah Perusahaan membuat pengisytiharan mengenai *security of tenure* mengenai berapa lama seorang pekerja berhak bekerja di dalam negara ini dalam isu kontrak. Akan tetapi, dia sendiri *on contractual basis*, itu yang luar biasa- berbanding negara-negara lain, nombor satu.

Nombor dua, dua tahun itu terlampau pendek, *it's too short*. Bolehkah difikirkan bahawa mungkin pelantikan dibuat sebanyak empat tahun dan bertambah kepada satu tempoh yang lain. Ketiga, perkara yang telah saya bangkit, saya harap satu jawapan dibuat di mana *when the renewal come*, selepas *expiry* atau sebelum *expiry* dia tidak diberitahu bahawa selepas kontrak akan habis dalam tempoh 24 bulan, enam bulan sebelum tempoh itu habis dia patut memberitahu.

Industrial Court Chairman memberitahu kepada pihak berkenaan bahawa dia ingin melanjutkan kontrak, dia telah memberitahu hasrat dia tetapi tidak ada jawapan. Apa terjadi kerana banyak kes ditunda kerana nombor satu tidak ada *Industrial Court Chairman* semasa persidangan. Nombor dua, dia pun tidak tahu, *not fair to them. Be fair to them, so this is what the issue, they're very concern*. Di mana *vested group have spoken to me. Thank you*.

■1500

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Kita mengambil maklum tentang apa yang telah disuarakan oleh beliau. Namun yang demikian, saya ingin menyatakan di sini bahawa sebenarnya di bawah kontrak ini, kita mempunyai dua jenis perjawatan iaitu jawatan *task force* dan satu lagi jawatan sementara iaitu melalui kontrak. Dalam perkara dalam pada itu, melalui perjawatan *task force* sekarang, dua orang pengerusi perusahaan dan seorang lagi jawatan sementara, yang arif pengerusi di bawah sementara atau jawatan terbuka. Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang saya boleh jawab dalam penggulungan perbahasan pada ketika ini.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, saya ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya ada sentuh mengenai seksyen 33 di mana mengikut undang-undang, dia perlukan tidak lebih dari enam bulan selepas merujuk kes itu ke Mahkamah Perusahaan untuk penyelesaian. Akan tetapi ini *reality*, ini tak pernah dengar. Saya ada tanya soalan, berapa kah kes yang telah diselesaikan dalam tempoh enam bulan? Boleh Yang Berhormat memberi jawapan? Kalau tidak ada jawapan sekarang, melalui bertulis.

Saya telah meminta berapakah kes yang telah datang untuk pentafsiran oleh Yang Berhormat Menteri sejak menjadi Menteri dari tahun 2013? Berapakah kes yang telah dirujuk pada Mahkamah Perusahaan dan di antara yang tidak dirujuk yang telah pergi ke Mahkamah Tinggi dan lepas itu diarahkan kepada Yang Berhormat Menteri? Statistik tersebut. Terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Mengenai statistik, kalau saya tidak menjawab di Dewan yang mulia ini sekarang, saya mohon supaya saya menjawab secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, tentang bilangan kes yang diselesaikan oleh Mahkamah Perusahaan dalam tempoh enam bulan ini. Dalam tempoh enam bulan, tempoh selesai iaitu pada tahun 2000 sehingga Mac 2015 ini, diselesaikan dalam tempoh enam bulan, 105 kes yang telah diselesaikan melebihi enam bulan, 216 kes. Maka jumlah kes yang telah diselesaikan sehingga Mac 2015 ini ialah 321 kes.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan itu bagi pihak kementerian saya, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah mengambil bahagian dalam perbahasan tadi. Pandangan, saranan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian dalam kita merangka dasar dan program-program kementerian dengan lebih cekap dan berkesan. Sekiranya ada isu yang tidak saya sempat menjawab, saya memohon untuk menjawabnya secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

Fasal-fasal 1 hingga 3 -

3.04 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya dah bangun dah lama.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, mengenai pindaan kepada seksyen 2 di klausa 2 itu. Saya hendak sedikit fahaman yang mendalam mengenai perkara ini di mana dikatakan *words* yang akan digantikan dengan "*Principal Assistant Directors of Industrial Relations*", the words "*Deputy Directors of Industrial Relations, Principal Assistant Directors of Industrial Relations, Senior Assistant Directors of Industrial Relations*".

Saya hendak tahu berapa orang yang akan dilantik selepas pindaan ini dan kepada kategori apa? Adakah mereka di JUSA 'B', JUSA 'C'? Adakah mereka akan ditempatkan di seluruh negara atau hanya di Kuala Lumpur? Itu untuk seksyen 2, Tuan Pengerusi. Mengenai 23A, saya hendak tanya mengenai presiden di mana pada pindaan kita telah ini melonggarkan orang-orang yang layak untuk dilantik ke Sabah dan Sarawak. Saya sependapat dengan kementerian dan kerajaan bahawa ini satu

proses yang bagus. Akan tetapi saya hendak tanya, adakah presiden yang sedia ada sekarang ini akan digantikan selepas ini, undang-undang ini diluluskan oleh kedua-dua Dewan ini.

Nombor dua, apa pendirian mereka daripada segi penggajian, gaji mereka? Adakah dalam JUSA dan sebagainya?

Nombor ketiga, peranan yang dimainkan oleh presiden dalam kes-kes *industrial*, di mana adakah Yang Berhormat Menteri setuju bahawa perlu memainkan satu peranan yang proaktif. Di antaranya mengadakan sesi perbincangan dengan *stakeholders*, mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak yang lain? Adakah Yang Berhormat Menteri sudi dengar saranan saya dan juga peranan yang sedia dimainkan oleh presiden yang sedia ada dan presiden yang akan dilantik kemudian? Terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Pertama, pertanyaan tentang gred perjawatan itu. Akta ini, rang undang-undang ini untuk meminda akta yang sedia ada dan seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat tadi iaitu dalam mana, *"Is amended in paragraph 2A(2)(b) by substituting for the words "Principal Assistant Directors of Industrial Relations", the words "Deputy Directors of Industrial Relations, Principal Assistant Directors of Industrial Relations, Senior Assistant Directors of Industrial Relations"*.

Tuan Pengerusi, akta ini perlu dipinda dan tentang *scale* atau *scale*, perjawatan yang bakal dipinda ini adalah untuk memberi peluang agar mereka yang memegang jawatan sekian lama akan dapat dinaikkan, sama ada yang memegang Gred 'C' atau 'B' atau 'A'. Tuan Pengerusi, saya tidak dapat menjawab di sini tetapi sebagai peguam yang berpengalaman Yang Berhormat Ipoh Barat, sepatutnya beliau tahu bahawa dalam perkara ini ia tidak boleh disebut dalam rang undang-undang. *As an experienced good lawyer I think, he should not request on that.* Tentang apa yang telah dibangkitkan sama ada presiden mahkamah sekarang, *I am quite surprised that he knows so much even to who is the elder...* [Disampuk] Bukan *very clever*, ini mesti ada orang dalaman yang memberi maklumat, bukan *clever*. Kalau tidak, dia tidak tahu, bila beliau ini yang saya maksudkan Yang Berhormat...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Menteri, seperti yang saya kata, *30 years ago I already practicing in Industrial Court.*

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *No, no. Hold on.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Maybe at that time, Yang Berhormat Menteri do not know what is Industrial Court at all.*

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Akan tetapi, *it is nothing new for me.* Jadi, ini adalah satu di antara, *I am also talking with scale stakeholders.* Terima kasih, Tuan pengerusi.

■1510

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *Now, you see, I am very surprised.* Saya amat terperanjat. Sebab presiden sekarang dilahirkan pada 1955. *He was born in 1955,* ini bererti, *I think this is more of a personal,* lebih mirip kepada membela nasib seseorang yang bakal bersara dari memegang jawatan sebagai Presiden Mahkamah Perusahaan. Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, *actually I should not have even answered this.*

Tuan Pengerusi, kalau tidak ada apa-apa, itu sahaja jawapan saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya perlu *clarify*, nombor satu, saya rela mengatakan kalau perlu ambil sumpah pun sedia. Saya tidak dapat apa-apa, *there's no specific instruction* dari mana-mana, dari jabatan mereka. Kalau apa-apa yang saya kata adalah daripada ungkapan saya, daripada saya punya *experience* dan juga dari peguam-peguam yang mengatakan sebab apa hal-hal berkaitan. *There's nothing personal, I'm just doing my professional duty and* sebagai seorang Ahli Parlimen sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Pengerusi, orang tepuk di sebelah sana, di sebelah sana tak perlu tepuk pun tidak apa. Sekian terima kasih *[Ketawa]*

[Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Fasal 4 [Pindaan] -

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tujuan saya membawa subseksyen baru ini, 56(5) adalah untuk memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja yang dibuang kerja. Situasi sekarang ialah, apabila seorang pekerja dibuang kerja, dia boleh tuntutan pampasan 20 hari gaji setiap tahun kerja jika dia sudah kerja selama lima tahun ke atas. Jika majikan tidak bayar, dia boleh rujuk pada Mahkamah Buruh atau Mahkamah Perusahaan untuk dapat keputusan mahkamah. Akan tetapi masalahnya sekarang ialah banyak majikan mereka sembunyi di bawah Akta Syarikat, *Companies Act*, yang mengehadkan liabiliti majikan kepada harta syarikat itu.

So ada banyak contoh di mana sekarang ada satu kes Pikom, *subsidiary* untuk Time dotCom, di mana 540 pekerja dibuang kerja pada 2010. Walaupun mereka menang di Mahkamah Perusahaan dan Mahkamah Buruh, dia harus dibayar RM5 juta, tapi sampai sekarang, seorang pun tak terima duit itu kerana syarikat itu mengatakan dia sudah mufis. So, dia sembunyi di belakang *the Companies Act*.

Sama juga syarikat, Nikko?? di Pulau Pinang, 2008 seramai 1,000 orang pekerja tiba-tiba *dilock out* di Pulau Pinang kerana majikan syarikat itu sudah lari. Walaupun mereka pergi ke Mahkamah Buruh dan Mahkamah Perusahaan *during the case...*

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Yang Berhormat Sungai Siput, mohon laluan untuk saya mencelah dia punya perbincangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini Yang Berhormat belum bentang lagi. Bentang dulu.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Sudah bentang belum?

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Okay, saya bentang nanti.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bentang, selepas itu boleh kita bahas.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Sudah bentang belum?

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Belum, belum.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Oh, belum lagi. Ingatkan sudah masuk..

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila bentang. Sila, sila.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Ini syarikat Nikko pun sama. Seribu orang pekerja itu, walaupun mereka menang, dapat *paper victory*, tapi mereka tak dapat satu bayaran pun. Ini ada banyak contoh lagi, tapi apa yang berlaku ialah ini modus operandi, bila majikan tahu dia ada masalah, dia pindahkan aset dia kepada syarikat-syarikat lain di bawah nama dia, jadikan syarikat asal ini sebagai satu *shell company*. Bila dia buang pekerja, dia katakan muflis, tak perlu bayar. So, ini yang sedang berlaku.

Untuk menangani masalah ini, inilah pindaan yang saya bawa di mana kita mempertanggungjawabkan pengarah-pengarah majikan itu untuk membayar, jika katakan syarikat itu muflis. *So they can't run away*. Ini akan menjadikan mereka lebih bertanggung jawab daripada pakai kaedah ini untuk tipu pekerja dia, dengan memindahkan aset ke lain tempat. Ada banyak cara mereka boleh buat. Jika dia ada syarikat, dia boleh jual barangan dia dengan harga yang murah kepada syarikat yang lain. *So they can switch the assets out in many ways*. Dalam membawa pindaan ini, saya telah meminjam satu kaedah yang sedang dipakai dalam Akta KWSP, klausa 46 dalam KWSP menyatakan jika syarikat tidak membayar caruman KWSP dan selepas itu mengatakan dia muflis, KWSP boleh menangkap pengarah dan minta mereka membayar- *jointly and severely*.

Inilah kaedah yang saya sedang bawa di sini untuk memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja yang dibuang kerja. Saya tahu ada orang yang cakap ada banyak lagi isu-isu dalam Akta Perindustrian yang harus ditukar tapi saya rasa mungkin kita boleh buat ini *step by step*. Ini satu isu yang saya rasa kita boleh selesai hari ini. Ini lah usul saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Sungai Siput yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ya, Yang Berhormat Parit Buntar.

3.17 ptg.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyokong pindaan ini atas alasan pada tahun 2008 seperti mana yang telah dirujuk oleh Yang Berhormat Sungai Siput, pekerja kilang Nikko yang asalnya mereka itu di Parit Buntar telah ditutup kilangnya dan pekerja-pekerja di situ tidak diberikan pampasan. Saya adalah orang pertama yang mereka menemui, dan saya telah membawa isu ini sehinggalah rakan-rakan lain khususnya Yang Berhormat Sungai Siput menyambut permasalahan ini dan kes mereka telah pun masuk di dalam Mahkamah Buruh, Mahkamah Industri untuk dibuat satu ketetapan.

Walaupun kita melihat hari ini kita harus sokong pindaan ini di atas sebab saya rasa dengan adanya pindaan ini iaitu tanggungan bersama dan berasingan bagi pengarah ia akan menimbulkan rasa pengarah-pengarah ini daripada syarikat-syarikat yang mudah menutup hanya kerana di atas dasar

kepentingan *business* tetapi tidak memperjuangkan hak pekerja. Di Malaysia, amalan *industry relation* kita ini banyak tidak berpihak kepada pekerja. Dia lebih berpihak kepada majikan.

Bagi saya ini dalam konteks sebuah negara yang kita membela nasib para pekerja, saya rasa sudah masanya pindaan ini diberi perhatian oleh Menteri dan dapat membela mereka yang gaji tidak seberapa, tiba-tiba dibuang. Mereka ada keluarga, terpaksa turun naik ke mahkamah, tetapi akhirnya walaupun mahkamah telah memutuskan, mereka masih belum mendapat pampasan. Jawapannya ialah syarikat Nikko itu sudah tutup, gulung tikar dan dia tinggal sahaja begitu.

Bagi saya, saya menyokong pindaan seksyen 56 dan kes Nikko ini adalah merupakan *landmark* kes 2008 yang telah menimbulkan isu terhadap bagaimana kilang-kilang telah dengan sewenangnyanya menutup kilang tanpa membela pampasan kepada mereka dan saya menyokong ini kerana biar syarikat itu, pengarah-pengarah itu bertanggungjawab atas tindakan mereka supaya mendapat pembelaan daripada pekerja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

3.19 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bersependapat dengan Yang Berhormat Sungai Siput dan Yang Berhormat Parit Buntar. Saya rasa perkara ini adalah satu yang kita boleh berfungsi untuk menolong pihak yang berpendapatan yang kurang- *low income group*, di mana ramai antara kes-kes sedemikian yang berada di mahkamah, di mana *I would say conspiracy* yang dibuat oleh majikan untuk mengelak membayar.

What we say in law, you can leave the way to find out. Itu dalam kes-kes macam *Salomon vs Salomon* dari mula-mula. Seperti yang kita tahu, kalau EPF ada satu seksyen di mana bila majikan tidak membayar, iaitu syarikat sendirian berhad, boleh beralih kepada *director* untuk dia secara *personal* membayar sumbangan kepada EPF. Maka kenapa ia boleh menjadi wang pekerja, kenapa ia dibenarkan untuk mengelak membayar oleh kerajaan.

■1520

Kalau kita ada- sebelum itu Yang Berhormat kata *we must have the heart*. Saya kata *we have the heart, you have the heart, but let's not be heartless, let's not be pretentious*. Yang Berhormat perlu menjadi *Minister of Human Resources*, bukan *Minister of Anti-Human Recourses*.

Saya rasa mungkin ini perkara yang baru, mungkin Yang Berhormat Menteri boleh mengambil saranan dari ini. Ini kerana undang-undang yang dicadangkan, klausa yang dicadangkan kerap kali sekarang banyak negara ke belakang ini telah mengguna pakai rang undang-undang ini untuk mengelakkan- tidak ada apa-apa kerugian langsung kepada kerajaan, tidak ada langsung. *We will have a standard barrier* di mana ada komitmen oleh majikan bahawa mereka memulakan satu syarikat bukan sahaja dengan satu niat untuk cari makan untuk buat duit, tetapi juga untuk menolong pekerja sehabis-habisnya. *That is the commitment we want. That must be heart with the true heart, no heartless. That is why we want the push* dari kementerian. Mungkin hari ini kerana pembangkang membawa...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar bangun.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya ingin membawa perhatian kepada Dewan yang mulia ini bahawa Akta Perhubungan Perusahaan 1967 ini telah dipinda 10 kali sejak dikenalkan pada tahun 1967. Setiap kali pindaan dilakukan, kita dapati ia memperkasakan majikan. Akan tetapi setiap kali bila majikan diperkasakan, pekerja-pekerja nampaknya diabaikan. Saya pun menyokong pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Sungai Siput supaya kita juga bukan sahaja perlu memperkasakan majikan, tetapi juga desakan terhadap majikan untuk menjaga pekerja juga perlu diwajibkan. Apakah pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat? Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya setuju penuh dengan pandangan ini. Yang Berhormat Lembah Pantai pun setuju tetapi saya tidak tahu Yang Berhormat Kinabatangan setuju kah tidak. Mungkin dia orang majikan, mungkin dia ada bantahan kepada permohonan oleh Yang Berhormat Sungai Siput. *Maybe, I don't know.* Akan tetapi kalau ada *heart together, not heartless*, boleh semestinya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Setuju, setuju?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Pengerusi, kita ini ada hati, bukan tidak berhati. Saya melihat bahawa ini bukan soal setuju atau tidak setuju. Ini kita melihat kepentingan awan itu, kepentingan rakyat. Saya melihat bahawa di negara ini amalan dia di mana-mana syarikat, kadang-kadang mereka ini tidak bertanggungjawab Tuan Pengerusi, iaitu mahu berhenti bekerja dan sebagainya tetapi *at the same time* dia ada syarikat lain, dia masih membawa Jaguar, dia masih membawa kereta besar, dia tidak peduli dengan orang dibuang itu. Jadi di sini sebetulnya letaknya kementerian kena memikirkan. Bukan soal kerana cadangan ini daripada pembangkang, tetapi cadangan ini kerana ketentuan untuk menentukan kebaikan rakyat.

Jadi Yang Berhormat Ipoh Barat, kita memang mana perkara-perkara yang kita rasa boleh diterima oleh masyarakat, kenapakah kita tolak? Jadi saya sebetulnya selaku penyokong kerajaan, saya melihat perkara ini Tuan Pengerusi, memang boleh diterima pakai. Tidak ada yang tidak logiknya. Kenapakah kita perlu membela pemilik-pemilik syarikat yang menganiaya kepada pekerja-pekerja? Ini tidak penting. Rasa saya, yang perlu kita bela rakyat. Setujukah tidak Yang Berhormat Ipoh Barat?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya ini selalu tidak setuju dengan pandangan Yang Berhormat Kinabatangan tetapi hari ini saya *hundred percent* terima baik, *because you are man with heart.*

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Kinabatangan sudah bertaubat.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kinabatangan menyokong ya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Menyokong-menyokong. Menyokong pada asasnya. Praktikal saya tidak tahu. Akan tetapi yang saya katakan, perlu fikir bahawa banyak kes di mana...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Ipoh Barat...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Langat tidak mahu berucapkah?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Untuk memendekkan masa, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ini semata-mata untuk merakamkan pindaan yang cuba dimohon oleh Yang Berhormat Sungai Siput ini kenampakannya sungguh bersesuaian dengan alunan ataupun suara hati mereka-mereka yang telah mengalami peristiwa-peristiwa yang perit dan pengalaman-pengalaman yang telah kita lalui terutama sekali *practitioner* termasuk saya sendiri. Keperluan pindaan seksyen yang dicadangkan di bawah seksyen 56 ini kenampakan terlampau logik dan terlampau relevan.

Jadi saya berpandangan untuk direkodkan dalam cadangan ini, saya menyokong penuh atas cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Sungai Siput berdasarkan kepada keperluan yang dialami oleh pekerja-pekerja yang mendapat syarikat yang telah mengatur-jalurkan hidup, syarikat yang dia tahu dia akan lari, dia akan bawa semua harta pusaka dia keluar dari syarikat itu untuk mengelak mereka daripada membayar pampasan yang diperuntukkan di bawah seksyen 60 Akta Kerja 1955 ini yang membolehkan mereka membayar. Akan tetapi apa yang berlaku, mereka lari dan tidak ada hukuman terhadap mereka.

Maka yang demikian, saya menyokong penuh di atas pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Sungai Siput. Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat. Sebelum saya habis, saya hendak tanya dua hal sahaja.

Memandangkan apa yang dikatakan oleh beberapa Ahli Parlimen di sini, kita boleh bersetuju bahawa ada muslihat yang tertentu oleh ramai majikan, *maybe only two percent of the* syarikat-syarikat tertentu di mana saya perlu beritahu, ada banyak kes juga yang saya sendiri *over the many years* ada buat kes sedemikian di mana- kasihan, Yang Berhormat Menteri, *actually, pity them*. Berapa dia punya *claim*, Tuan Pengerusi? RM400, RM500, RM800.

Untuk ramai Ahli Parlimen di sini, *over dinner* kita belanja macam itulah. Bukan sayalah, ramai orang. Untuk dia, *retrenchment benefit*, untuk gaji ya, *that is what they are asking*. Kalau itu pun kita tak boleh hendak *satisfied*, apa guna kita ada undang-undang yang tertentu untuk menolong pekerja? Kita perlu memperkasakan pekerja di negara ini. *That is the primary factor*. Kalau kita kehilangan prinsip tersebut, tidak ada makna. *We are not a social thinking government. We must oriented of the fact*. Itu yang mustahak.

Saya kata sebelum ini, ada konspirasi tertentu kerana ramai di antara pekerja Tuan Pengerusi, di mana selepas dia mulakan satu syarikat mufliis, dia berani kata, *"You cannot touch me"*. Dia buat lagi sebuah syarikat di Temerloh, dia buat sedemikian di Mentakab, selepas itu dia datang ke Ipoh, *stop after three or four years*- saya tahu. *I don't want to mention. It is one country*, dari satu negara. Dia kata

Malaysia *allows that*. Apakah takut? Dia pergi ke Johor Bahru dia mula sebuah syarikat. *Very interesting!* Selepas itu dia pergi ke Pulau Pinang, macam itu. Cara dia, dia mengelakkan pembayaran ini. Jadi *the reverse* kalau kita tengok, Tuan Pengerusi, adalah- kalau kita tidak setuju dengan ini, menunjukkan bukan sahaja kita *anti-labour*, bukan sahaja kita tidak bersimpati dengan pekerja-pekerja yang sudah teruk dengan GST dan sebagainya, lagi diterukkan dengan sengaja. *We are not helping them* dengan sengaja.

Akhir sekali Tuan Pengerusi...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang bangun.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Yang Berhormat, kalau ikut pada pindaan ini, kita akan minta supaya pengarah syarikat juga diturut sertakan dalam pembayaran pampasan itu.

Cuma satu lagi aspek yang saya rasa kenapakah- saya menyokong pindaan ini. Cuma saya ingin minta pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat, selalunya dalam kes yang melibatkan antara pekerja dengan majikan ini, *is like David versus Goliath*, di mana kita berhadapan dengan keadaan, kita tahu pekerja ini sentiasa dalam keadaan terdedah kepada kerakusan oleh pihak *employer* ini. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Ipoh Barat, selalunya apabila berlakunya kes di Mahkamah Perusahaan, apabila keputusan itu atau *award* itu memihak kepada pekerja, biasanya pihak majikan akan memfailkan *judicial review* di Mahkamah Tinggi.

Selepas itu kalau mereka kalah pun atau mereka pergi ke Mahkamah Rayuan, maknanya sampai ke mahkamah yang paling tinggi, *they don't have any problem to pay legal fees*. Setuju tidak dengan saya, harus juga difikirkan, mungkin tidak sempat hendak pinda dah, bahawa kita perlu ada *cap*- satu penetapan kos di mahkamah itu? Makna kalau kita buat *judicial review*, sekiranya pekerja kalah, dia tidak perlu membayar. Maknanya kita tetapkan jumlah tertentu mungkin RM2,000 atau RM3,000 sahaja.

■1530

Otherwise, mereka di Mahkamah Perusahaan tidak perlu membayar apa-apa kos, tiba-tiba bila mahkamah *judiciary review*, mereka kalah. Kalau mereka hendak rayu ke Mahkamah Rayuan lagi di samping kena bayar *legal fees* kena bayar pula kos yang membebankan. Apakah pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya setuju pada pandangan Yang Berhormat Sepang. Sebenarnya, lebih kurang sepuluh tahun dahulu dalam satu jawapan sebelum ini, saya ada kata dengan Menteri bahawa Menteri ada kata bahawa kerajaan akan menubuhkan satu Mahkamah Rayuan untuk kes-kes *Industrial Court* sahaja supaya *the element of cost*, tidak menjadi satu isu yang besar. Kita tahu *lawyers* bahawa bila pekerja datang, mereka kata tidak ada wang untuk melawan syarikat, *they take the best of companies*, syarikat-syarikat yang terbesar di negara ini yang ada ruang dan sebagainya. Ini menjadi satu masalah. Saya harap Menteri akan ambil tahu, mungkin kita memperkasakan pekerja-

pekerja dengan membuat beberapa *amendment* yang tertentu. Saya terima baik dan saya kata itu ialah cadangan yang bagus.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya hendak beritahu sedikit sahaja mengenai syarikat-syarikat. Kita perlu sistem yang sedia ada bila satu syarikat- majikan mufliis, lepas itu bankrap, tidak membayar kepada pekerja. *No action!* Dia boleh guna sebuah syarikat. *It does not stop and hardly blacklisted. He is laughing at us.* Ramai di antaranya ialah majikan-majikan luar negara. *I got one specific country. It is not nice for me to mention that.* Dia pandai. Jadi menggunakan satu *lacuna in the law*, cuba. *At the end of the day*, siapakah yang rugi? Pekerja-pekerja kita. Kalau mereka macam kita Tuan Pengerusi, orang berpengalaman sedikit, ada wang sedikit dan sebagainya, okey. Ini *kais pagi makan pagi, kais petang makan petang...* [Disampuk] Kais malam makan malam [Ketawa] Yang Berhormat Lembah Pantai tambah itu. *This is the right word.*

Jadi inilah *this is the issue*. Saya harap mungkin Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Ipoh Barat kadang-kadang tidak kais pun.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *You can do it positively, let's have a win-win situation for the workers of the country. Let's work for the downtrodden, the lower income who was cheated, stampeded and give them- build a country. You stand up and speak for the workers* [Tepuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan, sila.

3.33 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Pengerusi, saya terpanggil untuk turut berhujah dalam pindaan iaitu terhadap rang undang-undang D.R. 26/2014, satu akta meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Walaupun mungkin akta pindaan ini dibawa oleh rakan saya dari Yang Berhormat Sungai Siput, mungkin kita terlepas pandang Tuan Pengerusi. Ini sebab saya bersetuju dengan Yang Berhormat Ipoh Barat dalam konteks ini, dalam sudut ini saya bersetuju iaitu kita seolah-olah, negara kita ini mengamalkan *double standard*. Bagaimana sebuah syarikat, *Board of Director* dia membuat satu perusahaan kemudian dia kumpul duit, lepas itu dia tipu staf dia, gaji tidak dibayar, lepas itu dia menghilangkan diri, dia pergi ke satu negeri, kita benarkan pula dia membuka lagi syarikat lain, menipu lagi.

Jadi undang-undang kita ini longgar. Buat apa kita *table* di Dewan Rakyat ini satu undang-undang untuk memperkasa buruh kita, pekerja kita kalau ada kelonggaran? Seharusnya kita buru mereka, *Board of Directors* yang sengaja menipu pekerja ini, kita memburu mereka, *blacklist* mereka, jangan benarkan lagi mereka berniaga. Ini sebab di negara kita ini terlampau longgar. Orang luar pun boleh datang menipu kita. Banyak kena tipu. Saya pun hairan kenapa negara seumpama kita ini senang dimanipulasi oleh orang. Undang-undang ada, hari-hari buat pindaan undang-undang, tetapi tidak ada kesan undang-undang kita. Jadi saya meminta buat pertama kali inilah supaya undang-undang yang

sebegini, pindaan ini kita terimalah. Tidak kira dari mana datangnya, Daripada pembangkang kah atau apa-apakah, ini untuk rakyat.

Pembangkang jangan pula ambil *credit*. Ini bukan soal *credit*. Kita soal untuk menentukan untung nasib rakyat. Kalau kita lihat dia ada kepentingannya untuk rakyat, kenapakah kita perlu main politik? Kalau kita pun terima ini, tidak bererti kita kalah dalam pilihan raya. Kita kerja untuk rakyat, bukan fasal akta ini kita kalah atau kita menang. Pada saya, kita harus melihat maju ke hadapan.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Untuk maju ke hadapan, menentukan untung nasib rakyat dengan baik, dengan berkesan, itu sahaja. Jadi saya melihat Yang Berhormat Menteri kalau boleh...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Kinabatangan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya tidak panggil lagi.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Oh! Tidak panggil lagi. Saya menunggu panggilan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi atas panggilan ini. Saya terpanggil Yang Berhormat Kinabatangan, isunya bukan masalah isu pembangkang, isu *backbencher*, itu tidak timbul. Apakah yang timbul ini ialah- apakah keperluan itu ada dan apakah ia begitu terjadi dan menakutkan rakyat negara ini? Ya berlaku. Kalau berlaku, kita ambil kesepakatan bahawa ini untuk rakyat yang berjumlah 11.3 juta ini termasuk pekerja-pekerja asing yang memerlukan perlindungan ini. Maka, kita ambil ketetapan bahawa kita bersetuju secara kolektif bahawa ini adalah mendesak dan memerlukan pindaan untuk memastikan rakyat kita terpelihara dan dijaga haknya. Adakah Yang Berhormat Kinabatangan setuju dengan pandangan saya? Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, saya memang setuju sebab selama ini pun Barisan Nasional memang menjaga hak rakyat, kepentingan rakyat. Oleh sebab itu sebetulnya, kita cari dalam dunia ini, tidak ada parti mana-mana kerajaan yang diberi amanah oleh rakyat sehingga berpuluh-puluh tahun kecuali di Malaysia ini. Mungkin sebab kerajaan itu tidak menzalimi rakyat. Macam saya, kawasan saya di Kinabatangan saya jaga dengan baik. Nyawa saya sahaja tidak boleh bagi kepada rakyat saya. Kalau boleh, saya bagi... *[Disampuk]* Oleh sebab itu pilihan raya, saya tidak perlu kempen kuat sangatlah. Rakyat memang undi saya. Kadang-kadang tanpa tanding, kadang-kadang tanding jugalah pembangkang tetapi kasihanlah tidak ada undi.

Jadi itu sebab rasa saya, kita melihat bahawa sebetulnya, kalau menjaga rakyat, kita urus rakyat dengan baik. Yang Berhormat Menteri, kalau hendak pinda peraturan, pinda dengan baik. Kita jaga rakyat, Sabah dan Sarawak kita jaga. *I know you are new Minister* tetapi *I think it is a high time for you* lah Yang Berhormat Menteri untuk berbuat sesuatu yang baik untuk kepentingan rakyat kita yang selama ini ditindas, ditipu, di manipulasi oleh orang-orang tertentu.

Pada saya, pindaan ini amat memberi gambaran bahawa kita mahu melindungi orang yang tertindas. Dalam Islam pun, kita kena melindungi orang-orang yang lemah termasuk wanita, orang-orang dizalimi, dilindungi. Jadi itu tugas kita. Tuan Pengerusi pun begitu, peranan dia kena melindungi pihak-pihak yang lemah... [Disampuk] yang adil. Itu maknanya kita jadi pemimpin, kita jadi ketua. Kalau kita tidak jadi pemimpin, buat apa kita sengaja untuk melontar sesuatu akta tetapi tidak mencakupi, tidak merangkumi kepentingan rakyat.

Pada saya di Malaysia ini sebetulnya, perlu ada *Blue Ocean Strategy* untuk menangani isu-isu yang melibatkan rakyat. Contohnya Tuan Pengerusi, 'Skim Cepat Kaya' banyak perniagaan yang melibatkan pungutan wang melalui MLM dan sebagainya masih dibenarkan. Saya pun hairan.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kenapakah kita benarkan perkara-perkara sebegini berlaku? Seharusnya, kalau di negara China, syarikat-syarikat yang menipu begini hukumannya mati, mandatori mati sebab dia menipu rakyat. Akan tetapi di negara ini terlalu longgar. Saya tidak tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan. Hendak bagi adil Yang Berhormat Kuala Selangor bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mana...? Sila, sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Apabila saya mendengar ucapan Yang Berhormat Kinabatangan sebentar tadi, saya terfikir. Sememangnya dalam konteks sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, terutama dalam menjaga hal ehwal kebajikan dan juga khususnya pekerja-pekerja, kita tidak boleh lari daripada undang-undang. Di samping itu juga, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara yang memfokuskan masyarakat perdagangan dan perindustrian, sektor-sektor syarikat juga kita titik beratkan.

■1540

Apabila saya melihat daripada segi pindaan yang dicadangkan oleh Ahli Parlimen Sungai Siput, saya terbaca dalam Akta Ibu iaitu rang undang-undang ini Akta Perhubungan Perusahaan 1967 mengenai bagaimana untuk mensabitkan mana-mana lembaga pengarah dan juga syarikat-syarikat sekiranya mereka melakukan ketidakadilan kepada pekerja-pekerja mereka. Kalau izinkan saya membacakan Akta Ibu ini dalam seksyen 51E dalam konteks pendakwaan menyatakan bahawa tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi sesuatu kesalahan di bawah akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah akta ini kecuali atau dengan kebenaran bertulis pihak pendakwa raya.

Kedua, seksyen 51F kesalahan oleh badan-badan korporat dan sebagainya yang mana dalam satu kesalahan di bawah akta ini dilakukan dalam sebuah badan sama ada perbadanan atau bukan perbadanan dalam sebuah kes perbadanan yang mana dahulunya pengarah, pengurus, setiausaha atau mana-mana pegawai lain yang bertanggungjawab bagi pengurusan perbadanan pada masa berlakunya kesan itu dalam kes perkongsian pemilikan tunggal dan sebagainya.

Jadi saya lihat dalam konteks Akta Ibu ini telah menjelaskan bagaimana sekiranya berlakunya sesuatu permasalahan ataupun tindakan yang tidak bertanggungjawab oleh pengarah-pengarah syarikat atau dengan izin, *officers* dalam sebuah syarikat boleh diambil tindakan. Jadi saya fikir dalam konteks untuk mewujudkan satu lagi pindaan mungkin akan menyebabkan satu *contrary* ataupun satu percanggahan daripada segi akta ibu dalam Akta Perusahaan. Saya mohon pandangan Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, saya setuju dengan Yang Berhormat Kuala Selangor iaitu di mana Akta Ibu itu jelas menunjukkan dan yang mungkin kita cuma untuk tambah iaitu di mana sebilangan syarikat yang telah dihukum di mahkamah tetapi masih enggan membayar.

Jadi ini pun penting, ini yang kita risau selama ini. Sudah didakwa di mahkamah, sudah minta membayar tetapi masih tidak bayar malah sukar pula untuk dihubungi. Selepas itu dia menubuhkan lagi syarikat lain.

Jadi itu yang penting. Pada saya soal-soal begini Tuan Pengerusi harus dilihat oleh kerajaan, oleh kementerian secara lebih positif, secara lebih berkesan bagaimana mengekang syarikat-syarikat yang kepala batu ini, yang terlalu keras dia memang bermotif untuk menipu. Dia wujudkan sebuah syarikat tujuannya untuk menipu. Siapa dia tipu pokoknya dia menipu. Justeru itu kementerian harus mengekang unsur-unsur sebegini dan rasa saya pindaan yang diterapkan ini penting untuk disuntik sebagai satu elemen untuk memperkukuhkan akta dan undang-undang yang kita cadangkan ini nanti. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ada lagi? Sila Yang Berhormat Sepang.

3.43 ptg.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, kalau dilihat pada Seksyen 56(5) ini. Sebelum itu sebelum 56(5) ini memang dalam seksyen 56(2) dan (3) memang ada satu peruntukan sesiapa yang gagal. *Any person who fails to comply with an order of the Court under subsection (2) shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding RM2,000 or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both and a further fine of RM500.*

So, mungkin ini juga salah satu seksyen yang sebenarnya telah ada tetapi saya tidak pasti. Saya hendak Yang Berhormat Menteri sejauh manakah dalam *database* pihak kementerian, sejauh mana syarikat-syarikat yang telah gagal mematuhi seksyen 56(3) ini ataupun yang sejauh manakah mana-mana pengarah syarikat kah yang diambil tindakan di bawah 56(3) ini bagi memastikan *award* yang diberikan oleh mahkamah itu dipatuhi dan dia sekiranya gagal dipatuhi, dia boleh mengundang kepada pendakwaan kes jenayah. Itu yang pertama.

Keduanya, saya rasa seperti mana saya kata tadi dalam pencelahan, apabila kita bercakap mengenai majikan dengan pekerja ini saya rasa ada beberapa prosedur yang sedia ada ini memang

terlalu menyusahkan. Dia menyebabkan kadang-kadang kita jadi- kalau seorang pekerja yang telah dibuang kerja mereka lihat prosedur begitu, mereka rasa malas hendak mendapatkan hak mereka.

Sebagai contoh, saya tidak tahu sejauh manakah relevannya lagi seksyen 20 itu yang menghendaki supaya sekiranya gagal dalam proses rundingan itu perlu dirujuk kepada Menteri dan Menteri pula ambil masa untuk buat keputusan. Kalau Menteri rujuk ke Mahkamah Perusahaan barulah seorang itu boleh failkan kes dia di Mahkamah Perusahaan. Maknanya dia bukan satu yang bersifat automatik. Apabila kita dibuang kerja sahaja seperti mana kakitangan kerajaan, mereka ada prosedur dan mereka...

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sungai Siput hendak mencelah.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Sepang. Saya hendak balik pada seksyen 56(3) yang disebut oleh Yang Berhormat Sepang di mana ada denda, ada jalan kita boleh *sue* majikan yang tidak ikut perintah mahkamah. Akan tetapi bolehkah dia sembunyi di belakang Akta Syarikat. Nyatakan syarikatnya sudah mufliis, jadi dia tidak perlu bayar, syarikat kena bayar, kena tunggu untuk *liquidator*. Kita tahu pampasan kepada pekerja dia pada *rate* yang rendah kita kena pergi kepada *secured creditors*. Dahulu dia lebih kurang 10 ke-12. Bila sampai ke situ tidak ada duit lagi. Jadi mereka masih boleh *escape* walaupun ada dalam rang undang-undang ini bila dikatakan alasan mufliis dia boleh *escape*. Apakah pandangan?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Itu masalah yang paling apabila dia melibatkan syarikat ini kita tahu dalam prinsip undang-undang syarikat ini, syarikat *is distinct entity*. Dia tidak seperti mana *partnership* dan sebagainya. Sebab itulah syarikat ini dia menggunakan apa yang dipanggil prinsip itu untuk melarikan diri daripada tanggungjawab. Cumanya dalam kes-kes yang melibatkan syarikat juga ada pengecualian terhadap prinsip tersebut di mana digunakan istilah kita boleh *lease the veil of company* di mana kita boleh menyelak dia punya *veil*. Penutup dialah, macam purdah kita selak kain tudung itu.

Jadi sudah tentu itu pengecualian. Saya hendak kena ditentang tentang prosedur, maknanya kita kena pergi pejabat rundingan selepas itu tunggu Menteri *refer* dahulu ke mahkamah dan sekiranya Menteri gagal ataupun Menteri tidak mahu untuk merujuk pada Mahkamah Perusahaan, *the only remedy* yang ada pada pekerja adalah untuk *engage lawyer file judicial review*, semakan kehakiman.

Masalah *judicial review* ini satu prosedur yang kita tidak boleh fail di Mahkamah Perusahaan, kita kena pergi Mahkamah Tinggi. Bila Mahkamah Tinggi ini peguam di Mahkamah Tinggi kosnya pun tinggi. Jadi pekerja ini sentiasa dalam keadaan kata orang susah hendak mendapatkan keadilan yang sebenarnya. Walaupun mereka mungkin ada kemahuan tetapi mereka tidak ada sumber kewangan. Mungkin juga boleh difikirkan bagi kes-kes yang begitu kalau mereka hendak fail *judicial review* mungkin ada satu *fund* kah, satu...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kapar bangun.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Mungkin juga perlu difikirkan adakah perlu wujudnya satu *fund*, tabung khas untuk membantu para pekerja sekiranya gagal ataupun yang lebih baik lagi kita *modify* balik. Mungkin sudah sampai masa mereka boleh terus pergi ke Mahkamah Perusahaan tidak perlu lagi hendak rujuk kepada Menteri. Sebab itu rujukan itu kuasa dia begitu lama. Saya boleh jugalah terima kenapa adanya prinsip kenapa wujudnya rujuk kepada Menteri itu. Sebab alasannya ialah supaya tidak timbul kalau kita tidak rujuk kepada Menteri, dia *open floodgate*.

Maknanya sedikit-sedikit orang kena berhenti terus pergi ke Mahkamah Perusahaan. Maknanya akan berlakunya pertambahan kes. Dalam konsep itu mungkin kita boleh fikirkan satu mekanisme lain. Kalau saya hendak beri contoh kes *judicial review*, kita boleh ambil konsep itu bermakna dalam *judicial review* itu mereka perlu dapatkan *leave* dahulu sebelum kita failkan *judicial review* kita boleh dapatkan kebenaran dan Peguam Negara akan dibenarkan untuk menilai sama ada kes itu kes yang genuine atau tidak

■1550

Mungkin juga di Mahkamah Perusahaan kita boleh adakan prinsip sebegini. Maknanya, kalau pekerja dibuang kerja, *instead of* mereka terus pergi rujuk ke Mahkamah Perusahaan, mereka boleh terus failkan ke Mahkamah Perusahaan, boleh memfailkan dipanggil *statement of case* dia, memfailkan aduan mereka. Akan tetapi pihak mahkamah akan tentukan atau pihak Peguam Negara kah, akan ditentukan sama ada, ada *basis* atau tidak. Sebab apabila rujuk kepada Yang Berhormat Menteri ini, ia akan lebih panjang.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor bangun.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yes

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya melihat apa dinyatakan dan diujahkan oleh Yang Berhormat Sepang ada pelbagai cadangan baru kepada pihak kementerian untuk menjaga pembelaan kepada pihak pekerja-pekerja. Setujukah Yang Berhormat Sepang, kalau di atas pelbagai cadangan dan juga perhatian daripada Yang Berhormat Sepang, mungkin pindaan ini tidak perlu lagi. Kita fokuskan dengan cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Sepang ini untuk diperhalusi oleh pihak kementerian. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bagi saya, pindaan ini boleh diteruskan. Dalam perbahasan ini saya hendak nyatakan...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, okey.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Sepang. Suara serak sikit. Saya berminat untuk bertanya Yang Berhormat Sepang. Satu lagi industri yang sekarang ini rancak di Malaysia ini yang tidak melibatkan syarikat tapi ia melibatkan pekerja dengan majikan iaitu industri sukan. Sebagai contohnya, bola sepaklah. Ini Yang Berhormat Jerlun

dengan Yang Berhormat Ketereh mungkin *familiar*. Okey, dalam industri bola sepak ini, pemain bola sepak ini pekerja. Majikan mereka bukan syarikat tapi persatuan. Jadi, apabila persatuan itu gagal membayar gaji mengikut perlembagaan atau peraturan, Persatuan Bola Sepak ini kena rujuk kepada persatuan itu sendiri dulu. Lepas itu, baru boleh rujuk pada Mahkamah Industri.

Katakanlah dia pergi ke Mahkamah Industri, kemudian Mahkamah Industri buat keputusan majikan perlu bayar. Di mana kedudukan majikan itu dalam keadaan majikan itu dianggotai oleh pemegang-pemegang jawatan atau *office bearers* yang bertugas secara sukarela. Itu macam mana pula, *on voluntary basis*. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Secara *honestnya*, memang saya tidak begitu arif tentang bola sepak ini. Saya suka bola tapi tidak sampai ke peringkat- tidak pernah pun mewakili mana-mana *client* pemain bola yang pergi ke Mahkamah Industri. Cumanya saya rasa, saya tidak pastilah tapi yang saya tahu, contoh kes Karim Pin dulu, bekas pemain bola ya, lawan dan pergi ke Mahkamah Tinggi dan dia tidak pergi ke Mahkamah Perusahaan. Dalam perundangan pun kalau sekiranya dia ada sebuah badan itu yang dipanggil *hybrid in nature*, dalam erti kata dia ini bukan sangat *private*, dia ada elemen-elemen publik di situ. Sebenarnya, tidak perlu pergi *Industrial Court, you can always go straight judicial review* di Mahkamah Tinggi.

Anyway, itu mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menjawablah. Saya tidak pasti daripada segi kedudukan perundangan itu.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yes.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Hendak tanya sikit saja.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Silakan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Jerlun.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Kalau kita Tuan Yang di-Pertua, akta *employment* tahun 1967 ini ada *certain amount of* gaji terhad yang boleh dirujuk dan di *refer*. Saya ingat kes bola ini memang tidak boleh masuk *Industrial Court*. Saya rasa sebab gaji dia orang puluh ribu. Apa komen Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Saya rasa daripada segi, ia bukan saja faktor gajilah, faktor status *body* itu. Adakah ia bersifat *private* kah ataupun bersifat- Begitu juga macam kes, contoh *trade dispute* ya. Saya masih ingat saya mewakili pekerja-pekerja Dewan Bahasa dan Pustaka. Apabila kita hendak rujuk kes *dispute* itu ke Mahkamah Perusahaan, dia kata tidak ada bidang kuasa sedangkan kita punya tafsiran ada bidang kuasa. Jadi, ini pun salah satu juga isu-isu bidang kuasa ini pun kadang-kadang pun menjadi satu isu yang menyebabkan *they go nowhere, neither here nor there*. Ini pun satu masalah.

Akan tetapi Yang Berhormat Kuala Selangor tadi kata, mengapakah saya bangkitkan benda lain? Oleh sebab saya rasa falsafahnya ataupun idea pindaan ini adalah berkaitan dengan perlunya kita menjaga nasib pekerja. Saya rasa Yang Berhormat Sungai Siput boleh setuju dengan saya. *The reason* dia membuat pindaan ini untuk memastikan pekerja-pekerja yang dapat *award* ini, dapat hasil daripada

award itu. Di dalam Mahkamah Perusahaan ia kata *award*. Ia bukan kata *judgement*. Jadi, *award* itu boleh dirasai. Akan tetapi yang berlaku yang selalunya ialah pihak majikan ini dia memang *prolong* benda itu. Dia boleh *prolong*. Mungkin dia pergi Mahkamah Tinggi *file judicial review*, dia akan *apply for stay of award* itu ya.

Jadi, saya masih ingat lagi saya mewakili seorang *client* lawan dengan Telekom. Dekat 20 tahun. Dia letih, kita pun letih. Inilah kelemahan sistem undang-undang ini kadang-kadang. Saya pernah cerita, kadang-kadang dia kata, masa saya kena buang kerja, saya masih muda. Bila bicara, sudah mula tua. Apabila saya dapat *award*, sudah mati. Maknanya, hendak kata pihak majikan ini dia boleh buat keadaan begitu, mengakibatkan pekerja-pekerja ini rasa dapat *award* pun satu yang tidak berguna. Jadi, itu idea pindaan daripada yang dicadangkan.

Sebab itulah saya kata tadi, mesti dilihat secara holistik dan pindaan ini walaupun ia mungkin boleh menyelesaikan salah satu aspek daripada masalah itu tetapi kalau kita betul-betul hendak buat perubahan yang lebih dapat menolong menjaga kepentingan pekerja, ia perlu juga satu *massive*, mungkin kena ada *overhaul*. Mungkin saya cadangkan pihak Parlimen ini mungkin buat satu Jawatankuasa untuk mengkaji mana-mana undang-undang ini yang berkaitan dengan Akta Perhubungan Perusahaan, Akta Buruh ini untuk dilihat dekat mana kita boleh buat *modification* dan sebagainya.

Begitu juga berkaitan dengan Akta Buruh. Kalau dapat menang di Mahkamah Buruh, hendak *enforce* itu tidak boleh Mahkamah Buruh yang *enforce*, kena pergi Mahkamah Sesyen, kena pergi Mahkamah Sivil balik. Jadi, ini yang menyebabkan orang jadi susah tahu, sebab mahkamah yang sama itu tidak berikan kuasa yang penuh. Ada masalah sikit, kena pergi mahkamah sini. Ada masalah sikit, kena tribunal ini. Jadi, *one court*, ia tidak dapat menyelesaikan masalah. Ia berpindah-pindah. Dia hanya dengar kes, buat keputusan, *enforcement* mahkamah lain pula. Jadi, ini menyebabkan pekerja-pekerja-kalau pekerja tahu ada hak itu. Ada sesetengah pekerja dia rasa tidak tahu apa-apa.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jadi, saya rasa saya menyokong pindaan ini. Akan tetapi dalam masa saya juga harap kerajaan dapat menilai, membuat satu Jawatankuasa untuk meneliti segala pindaan-pindaan yang perlu untuk kita memastikan nasib pekerja dalam negara kita ini dilindungi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Kuala Langat. Lepas Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Jasin. Lepas Yang Berhormat Jasin, ada lagi minat? Kalau lepas Yang Berhormat Jasin tidak ada minat, Yang Berhormat Menteri menjawab. Ya, sila.

3.58 ptg.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mula-mula tidak mahu bercakap tapi kena bercakap juga fasal agak melencong banyak dia punya pokok yang disasarkan itu. Kita sekarang ini berada dalam satu keadaan di mana seksyen ini, dalam seksyen 56 ini berbunyi, *award* dan perjanjian *collective agreement* yang tidak dipatuhi dan *complying*

with the collective agreement. Kolektif ini ada dua sudut Tuan Yang di-Pertua. Ia ada dua sudut yang kita kena fokus. Satu ialah akta ini mewakili pekerja yang berkesatuan dan bagaimana pula syarikat yang tidak ada *union*. Tidak ada berkesatuan.

Jadi, isu sekarang ialah yang dibawa oleh Yang Berhormat Sungai Siput ini ialah untuk memastikan syarikat bila mana ada perjanjian bersama, bila dibuat, jatuh hukum oleh mahkamah, maka ia secara automatik kena ikut dan tidak boleh lari daripada tanggungjawab ini. Sebab itu kata Yang Berhormat Sungai Siput, dia anggap kunci ialah Lembaga Pengarah, *the owner of the company*, dengan izin. Itu kena faham dulu. Kemudian yang kata Yang Berhormat mana kata tadi, kelayakan untuk di bawah Akta Perusahaan ini ada *certain amount salary*, itu Akta Pekerja. Akta Perusahaan ini terbuka seluruh, seluas-luasnya seperti padang bola sepak yang kita hendak main.

Maksud, kalau pemain bola sepak pun dia terlindung di bawah Akta Perusahaan 1967 kalau dia dibuang kerja di bawah seksyen 20. Itu terlindung, apa nama tadi itu Yang Berhormat kita cakap tadi fasal kelayakan.

■1600

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Kuala Selangor.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Bukan Yang Berhormat Kuala Selangor, di depan Yang Berhormat Limbang itu. Apakah nama itu?

Beberapa Ahli: Yang Berhormat Jerlun.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Jerlun cakap tadi itu bermakna dia layak di bawah seksyen 20. Jadi Tuan Pengerusi, ruang ini saya ambil adalah kerana untuk memastikan bahawa seksyen 56 ini yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput ialah syarikat *the owner of the company* tidak boleh lari daripada tanggungjawab dan mereka mesti diberikan hukuman sekiranya mereka mengkhianati dan mereka menzalimi pekerja dengan asas untuk mengaut untung dan memberikan keuntungan itu tidak dibahagikan kepada pekerja. Itu yang saya nampak Yang Berhormat Sungai Siput daripada pindaan yang dimasukkan itu.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Jadi, persoalan hari ini kekuatan akta ini untuk memastikan mereka yang berkesatuan. Bagaimana pula syarikat yang tidak ada kesatuan. Maka, saya juga ingin mencadangkan supaya mengambil daripada cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Sungai Siput dan memastikan diikat bersama dengan syarikat-syarikat yang diputuskan cuba melarikan diri atas tanggungjawab yang sepatutnya mereka laksanakan tetapi mereka tidak berbuat demikian.

Kalau jenayah itu yang perlu kita setuju, kita kena setuju untuk memastikan mereka kena bertanggungjawab. Ini yang saya nampak daripada seksyen 56 yang dicadangkan oleh ...

Dato' Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dato' Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Saya menghormati pandangan yang diangkat oleh Yang Berhormat Kuala Langat mengenai untuk membela dan juga memastikan bahawa setiap lembaga, pengarah, dan juga anggota pentadbiran syarikat tidak akan dilepaskan sekiranya berlaku sebarang permasalahan kepada pekerja-pekerja.

Cuma saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Kuala Langat daripada segi cadangan pindaan 56(5) yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput dengan apa yang ada dalam Akta Ibu iaitu dalam seksyen 51(f), kesalahan oleh badan-badan korporat yang dalam itu juga dimasukkan yang mana kesalahan itu ataupun dalam akta ini menyatakan bahawa akta ini boleh mengambil tindakan sekiranya berlakunya pendakwaan kepada mana-mana perbadanan, pengarah, pengurus, setiausaha dan mana-mana pegawai lain dan bertanggungjawab bagi pengurusan perdagangan dan di samping juga berkaitan dengan masyarakat.

Jadi, saya hendak tanya daripada segi cadangan pindaan ini dengan Akta Ibu ini adakah ada perbezaan daripada segi pelaksanaan ini nanti? Terima kasih.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Akta Ibu di bawah 51(f) ini memang diperjelaskan tentang pertanggungjawaban Lembaga Pengarah dan tuan punya syarikat itu. Akan tetapi penguatkuasaan, hukuman itu tidak ada dalam segi jatuh mana hukum dia. Bila mana tidak ada jatuh hukum maka perlu dibuat jatuh hukum untuk mengklasifikasikan secara jelas peranan dan tanggungjawab yang perlu digalas oleh pengarah atau pun tuan punya syarikat itu.

Ini jelas sebab dalam konteks NIKKO sebagai contoh Yang Berhormat Kuala Selangor, kita tahu Akta Ibu itu sudah ada, seksyen 51 sudah adapun. Kenapa mahkamah tidak boleh jatuhkan hukuman terhadap Syarikat NIKKO yang berlaku di Pulau Pinang. Yang Berhormat Sungai Siput berpengalaman soal ini, sampai hari ini. Begitu juga dengan syarikat-syarikat contohnya MetalBox, dan- yang saya lalui, pengalaman itu. Kenapa walaupun Akta Ibu itu memperjelaskan ada ruang tetapi tidak diberikan kesungguhan tetapi alhamdulillah kes-kes yang saya cakap itu tadi menang tetapi dapat jugalah imbuhan.

Akan tetapi persoalannya adalah apabila syarikat itu tidak bertanggungjawab walaupun akta dalam klasifikasi untuk mengatakan bahawa mereka bertanggungjawab tetapi kenapa mahkamah tidak boleh ambil tindakan ke atas itu? Sebab dia tidak ada *enforcement*, dia cuma memperjelaskan bahawa boleh dia diambil tindakan tetapi apa tindakan dia. Jadi, persoalan sekarang ialah saya yakin niat yang tersurat dalam cadangan ini adalah untuk mengetatkan, mengenal pasti dan memastikan syarikat ini atau tuan punya ini perlu bertanggungjawab. Bukan lagi sunat atau harus tetapi wajib dan pihak kementerian harus mengkaji....

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Bangun]

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya nampak, saya nampak Yang Berhormat. Tunggu, tunggu, sabar, sabar, sabar!

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: ...Semula tindakan-tindakan yang boleh diambil ke atas apa yang sepatutnya boleh dilakukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar bangun Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Mana-mana pun tidak apa.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bagilah mana-mana. Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kapar dahulu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Kapar dahulu.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Kuala Selangor tadi bangkitkan seksyen 51(f). Saya sempat baca tadi, itu menerangkan satu proviso kalau yang itu benar sebab Yang Berhormat Sungai Siput kata dia tidak ada dalam akta dia. So, kita ada dua persepsi yang berlainan. Akan tetapi, andai kata yang itu benar, saya nampak dekat sana itu satu percubaan baru untuk menyaman pengarahnya.

Akan tetapi hasrat Yang Berhormat Sungai Siput berbeza. *It is automatic.* Apa yang dibawa ini bukan satu lagi perbicaraan, bukan satu lagi saman dan sebagainya. Secara automatik bila syarikat itu kena, pengarah pun ikat bersama. So, ada beza dengan di sana. Itu yang perlu dijelaskan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedikit ya. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Langat, sahabat baik. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Kuala Langat. Memang betul 51(f) memang ada peruntukan yang pasal *offense by bodies corporate* di mana kalau sekiranya *where and offense under this act has been committed by a body by a corporate or incorporated in the case of a body corporate, any persons who was a director, manager, secretary or any other officers responsible for the management of the body corporate at the time of the commission offense.*

Cadangan daripada Yang Berhormat Sungai Siput ini minta supaya syarikat-syarikat yang sudah muflis ini, oleh sebab dia sudah muflis tidak boleh ambil tindakan maka pengarah-pengarah syarikat hendaklah dikenakan tindakan untuk bayar award itu. Persoalannya 51(f) ini ia adalah memberi juga kuasa untuk beberapa orang *director, manager, secretary* juga boleh diambil tindakan.

Cuma dalam 51(f) ini ada satu dipanggil kaveat, ada satu proviso dipanggil. Pengecualiannya ialah hanya boleh diambil tindakan sekiranya saya bacakan "*May be charge or- the same presiding as a body corporate and shall be deal to have committed offends unless* ini dipanggil proviso lah dalam undang-undang *unless he prove that the offence was committed without his knowledge, or connivance or that he took all the reasonable precaution of he had exercise due diligence to prevent the commissioner offends.*

So, mungkin juga Yang Berhormat Sungai Siput kalau kita pergi macam ini nampak tadi seolah-olah pengarah ini kita bagi automatik- 51(f) ini lebih hendak mencuba berlaku adil lah. Maknanya syarikat itu, pengarah itu mungkin telah ambil tindakan. Ditegur dan sebagainya. So, *company* terus juga buat. So, dalam keadaan begitu *is it fair for us to implicate* pengarah. Jadi, saya tidak tahulah sama ada 56(5)

ini perlu juga diperbaiki lagi atau pun tidak. Akan tetapi, 51(f) ini nampaknya dia ada satu kesan yang cuba juga hendak berlaku adil kepada pengarah. *Of course, when we talk about justice, it must apply to both side.* Bukan untuk satu pihak sahaja. Okey, apa pandangan daripada Yang Berhormat Kuala Langat.

Dato' Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Kuala Langat sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Mendengarkan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Sepang tadi, inilah maksud yang dikatakan proviso itu, falsafah undang-undang termasuk juga daripada segi pelaksanaan. Fokus utama ialah penguatkuasaan kerana sebagaimana yang telah disebut tadi saya dengar Yang Berhormat Sepang bangkitkan dua tiga kali sehinggakan siling mana yang boleh dibawa sehingga ke *Federal Court* atau pun ke *Court Of Appeal* dan sebagainya. Inilah yang menjadi persoalan sekarang kerana daripada segi pekerja mereka ada kekangan untuk mengangkat sampai ke peringkat tersebut.

Manakala daripada segi majikan mereka dengan kekuatan kewangan yang ada mereka berpeluang untuk membawa ke peringkat atas. Jadi saya fikir daripada segi yang lebih holistik daripada segi Akta Ibu itu saya fikir untuk penguatkuasaan daripada segi Mahkamah Perusahaan itu sendiri bagaimana ia benar-benar menterjemahkan semangat untuk membela pekerja secara holistik.

Jadi, saya fikir sebab itu saya membangkitkan berulang kali kerana daripada segi falsafah undang-undang itu menyeluruh. Daripada segi *law and society*, undang-undang dan masyarakat, undang-undang dan juga kenegaraan. Jadi, saya fikir daripada peringkat pandangan Yang Berhormat Sepang dan juga apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kuala Langat, saya akui daripada segi kehendak. Akan tetapi daripada segi falsafah undang-undang itu haruslah kita pertahankan dan jaga. Terima kasih.

■1610

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Saya buat rumusan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Rumus dan gulung Yang Berhormat dan habiskan.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Rumusan saya simple iaitu Akta Perhubungan Perusahaan ini adalah merupakan mewakili kesatuan sekerja yang memberikan mereka satu peluang jalanan yang baik tetapi bagaimana pula mereka yang tidak ada kesatuan? Jadi, persoalan hari ini ialah jika dilihat daripada Akta Ibu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor tadi itu ialah kita cuba ambil penelitian secara pengecualian ia dikenakan masih ada ruang lagi. Itu yang saya faham Yang Berhormat Sungai Siput.

Jadi, saya menampakkan nampak bahawa kementerian harus mengkaji keberkesanan daripada segi pembetulan akta ini dalam membentuk semua pekerja itu terlibat dan berperanan untuk memastikan akta ini juga tidak menyepi. Tidak meminggir mereka yang memerlukan pertolongan atas untuk mereka juga ada hak untuk terpanggil dalam akta yang hendak dipinda ini. Saya mohon supaya pindaan ini diberikan tumpuan asalkan ia mengunci...

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Siput bangun Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: ...Dan menandatangani akta ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis itu. Dia turun kapal terbang. Tidak mengapa Yang Berhormat Jasin bangun Yang Berhormat.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Jasin.

4.12. ptg.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ringkas sahaja. Saya dengar dengan penuh khusyuk kesemua hujah-hujah yang telah disampaikan oleh banyak kawan kita semata-mata untuk memberikan pembelaan kepada kaum pekerja yang telah banyak membantu dalam pembangunan negara. Akan tetapi bagi saya kita banyak membuang masa dan sebenarnya apa juga hujah tadi, kita bersama-sama berharap supaya pihak kerajaan mengambil maklum.

Apa pun yang saya hendak sebutkan di sini saya sangat menyokong pendapat Yang Berhormat Kuala Selangor tadi bahawa sebenarnya hujah itu pun, pindaan yang dibawa oleh sahabat saya Yang Berhormat Sungai Siput tadi sebenarnya telah pun terkandung di dalam Akta Ibu perkara 51F. Saya tidak payah baca perkara ini tetapi apa yang disebut di sini, dengan izin, Tuan Pengerusi, "*May be charged severally or jointly in the same proceeding as the body corporate, partnership, sole proprietor, trade union, society or unincorporated body and shall be deemed to have committed the offence*". Jadi dengan ini Tuan Pengerusi saya mencadangkan supaya...

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Bolehkah saya celah sedikit?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Ya.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Tuan Pengerusi, saya rasa ini 51F ini saya baca dalam bahasa Inggeris dalam saya punya komputer. "*When an offence under this act has been committed by a Body...*" tetapi jika sesebuah syarikat tidak dapat membayar pampasan oleh sebab sudah muflis, sekarang itu bukan dianggap sebagai satu *offence*. Itulah masalahnya.

So, saya rasa isu yang saya sedang lindung sekarang apabila sesebuah syarikat menjadi muflis dan tidak bayar, *is not an offence under this act*. Memang dia sudah kalah, dia hendak bayar tetapi dia tidak ada duit. Dia kata okey sekarang tunggu sampai *liquidator* kira semua duit saya, jual harta semua dan bayar kepada *secured creditor*, bayar kepada kerajaan, bayar *taxes*, bayar semua ini. Selepas itu jika ada baki, saya bayar. So, dia bukan buat *offence*. So, *that is the problem, this isn't coverage*. Memang ini jika dibuat kesalahan lain jadi *responsible* tetapi ini bukan satu kesalahan di bawah *act*. Kemuflian bukan satu kesalahan tetapi ia dipakai sebagai alasan untuk mengelak daripada bayar. *That is the issue I trying to cover here*. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Jasin...

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedikit. Yang Berhormat Jasin, saya rasa tujuan saya bangkitkan 51F tadi bukan untuk menolak hujah daripada Yang Berhormat Sungai Siput. Kalau Yang Berhormat Jasin kata kita buang masa sebenarnya, sudah ada peruntukan tidak betul sebab Yang Berhormat Jasin kena faham *wording* dekat 51F itu, "*May be charge*" ini lain. "*May be charge*" ini maknanya perkataan "*charge*", bermaksud didakwa. Ada unsur *penal in nature*. Apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Sungai Siput dalam pindaan ini adalah berkaitan dengan *enforcement award* itu yang tidak ada kena mengena dengan *offence*.

Saya maksudkan kalau kita hendak berlaku adil kepada pengarah juga dalam 56(5) ini mungkin juga kita boleh *employ the same language* itu dalam erti kata ada *proviso* juga. Adakah apabila dia bankrap terus syarikat atau ketua pengarah kena bayar? Bagaimana kalau pengarah itu sendiri ada ambil *necessary step, reasonable step* untuk memastikan syarikat bayar. Jadi, kalau kita *panelize* juga pengarah-pengarah begini, jadi mendatangkan ketidakadilan.

Jadi jangan gunakan 51F ini untuk kata bahawa pindaan ini tidak perlu lagi. Itu tidak betul. *Is a oppose of part*, ia benda yang berbeza cuma kita boleh ambil spirit itu dari segi *proviso* dalam 51F itu kita boleh masukkan juga untuk dalam 56(5) ini untuk memastikan pengarah juga bukan semua pengarah automatik kena. Itu maksud saya. Yang Berhormat Sungai Siput saya rasa boleh bersetuju dengan saya jugalah.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Sebenarnya bagi spirit 51F ini sepatutnya kita masukkan tetapi pindaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Sungai Siput itu tidak perlu kerana ia telah pun terkandung di dalam Akta Ibu. Apa juga takrifan yang dibuat oleh Yang Berhormat Sungai Siput tadi dalam syarikat, ada disebut di sini. "*In the case of body corporate any person, director, manager, secretary or any officer responsible to management of body corporate.*"

Jadi, bagi saya ringkas sahaja Tuan Pengerusi, saya kalau boleh mencadangkan supaya pindaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Sungai Siput ini ditolak. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

4.16 ptg.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Tuan Pengerusi, pertamanya saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Siput kerana telah membentangkan agar seksyen 56 dipinda dengan memasukkan subseksyen baru 56(5) selepas subseksyen 56(4).

Tuan Pengerusi, seramai enam orang Ahli Dewan yang mulia ini telah mengambil bahagian dalam perbahasan iaitu Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Kuala Langat dan Yang Berhormat Jasin. Manakala empat orang lagi Ahli Dewan yang mulia ini telah juga mengambil bahagian secara mencelah.

Tuan Pengerusi, pertamanya untuk menjawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan iaitu tentang isu-isu yang ada sangkut-paut dengan pindaan yang dicadangkan. Tuan Pengerusi, walaupun perbincangan hujah telah diadakan hampir dari pukul 2.30 petang tadi, sekarang lebih kurang dua jam lebih, saya ingin menegaskan di sini bahawa kita memang ambil maklum akan saranan, cadangan, input dan sebagainya yang telah termasuk teguran yang telah diujahkan itu.

Walaupun bagaimanapun Tuan Pengerusi, kementerian kita Kementerian Sumber Manusia amat menyedari implikasi terhadap pekerja-pekerja apabila sesebuah syarikat ditutup. Sehubungan dengan itu, bagi mengatasi masalah ini Kementerian Sumber Manusia melalui pindaan yang berkuat kuasa pada 28 Februari 2008 telah memasukkan peruntukan baru iaitu seksyen 51F yang telah banyak dibangkitkan tadi, yang membolehkan tindakan diambil ke atas pengarah-pengarah. Pengurus atau setiausaha atau mana-mana pegawai lain yang bertanggungjawab ke atas syarikat ataupun perbadanan yang melakukan mana-mana kesalahan di bawah Akta 177 termasuklah kegagalan membayar pampasan yang telah diputuskan oleh mahkamah.

Tuan Pengerusi, satu tentang isu yang dibangkitkan dalam mana ia berbunyi siapakah yang bertanggungjawab sekiranya kegagalan membayar pampasan yang diarahkan oleh Mahkamah Perusahaan melibatkan persatuan sukan? Bagi kes yang melibatkan persatuan sukan, tindakan pendakwaan boleh diambil ke atas presiden, pengerusi, setiausaha atau bendahari atas kegagalan persatuan membayar pampasan yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Perusahaan atau *Industrial Court*.

■1620

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada tahun 2014, sebanyak dua orang pengarah syarikat telah didakwa dan disabitkan atas kesalahan kegagalan mematuhi keputusan Mahkamah Perusahaan berkaitan pampasan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi. Bilangan majikan yang membuat bayaran pampasan apabila tindakan pendakwaan diambil adalah, setakat Disember 2014, empat orang. Manakala bilangan kes yang masih dalam siasatan empat kes.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada pembentangan asal iaitu pembentangan dari Yang Berhormat Sungai Siput yang menghendaki pindaan kepada seksyen 56 iaitu dengan memasukkan subseksyen baru 56(5) selepas subseksyen 56(4) iaitu yang berbunyi... *[Membaca petikan]*

"Pindaan ini bertujuan menyertakan satu klausa di bawah seksyen 56 Akta Perhubungan Perusahaan untuk memberi perlindungan kepada para pekerja yang tidak dibayar pampasan seperti diputuskan oleh Mahkamah Buruh ataupun Perusahaan oleh syarikat atau firma mereka. Klausa ini adalah didasarkan pada seksyen 46 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja [Akta 452]."

In English if I may read... [Membaca petikan]

"This amendment seek to add a clause under Section 56 of the Industrial Relation Act to safeguard the interest of the workers whose compensation claims as determined by a Labor or Industrial Court are not honored by company or firm that employed them"

previously. This clause is model on clause 46 of the Employees Provident Fund Act [Act 452].”

Tuan Pengerusi, seterusnya Ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Berhubung dengan cadangan oleh Yang Berhormat Sungai Siput iaitu untuk memasukkan subseksyen 56(5) selepas subseksyen 56(4), Kementerian Sumber Manusia mengambil maklum akan cadangan tersebut.

Untuk makluman kita bersama, apa-apa pindaan atau tambahan peruntukan baru dalam undang-undang buruh termasuklah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177] adalah dibuat berdasarkan persetujuan secara tiga pihak atau *tripartite* yang perlu dibincangkan terlebih dahulu di peringkat wakil majikan, wakil pekerja dan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, Kementerian Sumber Manusia tidak menimbang cadangan Yang Berhormat Sungai Siput pada masa ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujui]

[Fasal 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG TEKNOLOGIS DAN JURUTEKNIK 2014

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.28 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga Teknologis Malaysia bagi pendaftaran dan pengiktirafan teknologis profesional dan juruteknik bertauliah dalam memberikan perkhidmatan teknologi dan perkhidmatan teknikal bagi perkara-perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merenung kembali sejarah sepintas lalu. Jemaah Menteri pada 29 September 2010 telah bersetuju dengan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Modal Insan Bil.3/2010 pada 20 Ogos 2010 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan mencadangkan penubuhan sebuah Lembaga Teknologis Malaysia atau *Board of Technologies* ataupun MBOT.

Mesyuarat JKPMI 1/2011 pada 8 Mac 2011 telah menyarankan supaya penubuhan MBOT disegerakan bagi memberi pengiktirafan sewajarnya kepada lulusan pendidikan teknikal, latihan vokasional ataupun TEVT dan ini adalah selaras dengan dokumen Rancangan Malaysia Kesepuluh yang mana dokumen Rancangan Malaysia Kesepuluh Bab 5 mengenai pembangunan modal insan bertaraf dunia pada muka surat 226 yang menyatakan dengan jelas bahawa, "*Lembaga Teknologis Malaysia akan ditubuhkan untuk mempercepatkan pengiktirafan sijil berkenaan kemahiran dan teknologi. Pengiktirafan ini akan menggalakkan institusi pengajian tinggi termasuk institusi TEVT menawarkan kursus berkaitan teknologi selaras dengan keperluan negara menuju ke arah ekonomi berpendapatan tinggi.*"

Pada 12 Disember 2012, Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah membentangkan memorandum kepada Jemaah Menteri mengenai cadangan penubuhan MBOT. Walau bagaimanapun, Jemaah Menteri memutuskan agar LTM tersebut ditangguhkan sehingga Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak-pihak berkaitan mengenai beberapa perkara berbangkit khususnya isu teknologis kejuruteraan dan isu-isu lain yang dibangkitkan oleh kementerian dan agensi pusat.

■1630

Jemaah Menteri juga bersetuju agar Kementerian Sains dan Inovasi membentangkan semula memorandum ini untuk keputusan Jemaah Menteri setelah mengambil kira hasil perbincangan tersebut. Sejak keputusan itu, beberapa siri konsultasi telah diadakan dengan pihak-pihak berkepentingan. Ini termasuklah konsultasi dengan pihak universiti, khasnya jaringan Universiti Teknikal Malaysia ataupun *Malaysian Technical University Network (MTUN)* yang terdiri daripada empat buah universiti teknikal iaitu Universiti Malaysia Pahang, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

MBOT sebagai sebuah badan berkanun akan berfungsi khususnya sebagai badan yang mendaftar dan mengiktiraf teknologi profesional ataupun *profesional technologist* serta juruteknik bertauliah ataupun *certified technician* sebagai profesion ikhtisas. Tertakluk kepada peruntukan di bawah akta ini kelak, MBOT akan menyelenggarakan pendaftaran *technologist* berijazah ataupun *graduate technologist* dan juruteknik berkelayakan (*qualified technician*). Selain mengawal selia perilaku dan etika kedua-dua profesion ini, MBOT akan menyediakan program pembangunan dan latihan profesional serta menjalankan penilaian program teknologi dan teknikal yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjejak langkah selaras dengan zaman teknologi yang kian berubah, peranan seseorang *technologist* adalah perlu kerana golongan ini ialah individu yang mengimplicasikan pengetahuan matematik, sains dan teknologi sebagai prosedur, proses dan sistem atau metodologi yang telah ditetapkan. Umumnya, *technologist* terdiri daripada individu berkelulusan ijazah sarjana muda dalam bidang teknologi yang berkaitan manakala juruteknik ialah individu yang berkelulusan minimum diploma program-program teknologi teknikal yang setara dengan Tahap 4 dan Kerangka Kelayakan Malaysia dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3. Juruteknik ialah kumpulan yang mempunyai kemahiran tertentu dalam bidang teknologi dengan pemahaman teori secara praktikal

dan terlibat dalam proses penyampaian perkhidmatan teknikal (*technical services*) termasuk kerja pembaikan dan penyelenggaraan.

Selaras dengan amalan di negara maju, MBOT akan bertindak sebagai sebuah badan yang penting dalam mengiktiraf profesion *technologist* dan juruteknik sebagai profesion ikhtisas. Untuk tujuan ini, MBOT akan mendaftar kedua-dua profesion berdasarkan model *Canadian Council of Technicians and Technologists* (CCTT). CCTT ini ditubuhkan pada tahun 1973, telah mengiktiraf dan mengakreditasi 14 buah cabang teknologi. Seperti amalan di Kanada, MBOT akan menjadi *signatory* kepada *Sydney Accord* dan *Dublin Accord* yang menentukan piawaian antarabangsa bagi *technologist* kejuruteraan dan juruteknik masing-masingnya. Sebagai makluman, Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) pula menjadi *signatory* kepada *Washington Accord* yang mengiktiraf piawaian antarabangsa bagi profesion jurutera.

Sebagai langkah ke arah pemerkasaan sejagat, MBOT akan memberi peluang pengiktirafan kepada sekitar 384,300 orang graduan teknologi kejuruteraan yang bakal dihasilkan oleh *Malaysian Technical University Network* (MTUN) menjelang tahun 2020. Selain daripada itu, senarai 30,000 lulusan politeknik turut mendapat peluang pengiktirafan. Bagi program kemahiran pula, lulusan SKM Tahap 3, diploma kemahiran Malaysia (DKM) dan diploma lanjutan kemahiran Malaysia (DLKM) yang ditawarkan oleh 911 buah pusat pentauliahan turut menikmati peluang yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, dijangka penubuhan MBOT akan meningkatkan tenaga kerja kemahiran tinggi melalui perkhidmatan *technologist* dan juruteknik. Pada masa ini, bilangan tenaga kerja kemahiran masih rendah iaitu sekitar 28% sahaja daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja negara. Melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP) kerajaan berhasrat mewujudkan 3.3 juta pekerjaan menjelang tahun 2020 yang mana 50% tenaga kerja berkemahiran tinggi. Sehubungan dengan ini, penubuhan MBOT akan menambah nilai program TEVT dan latihan kemahiran. MBOT juga akan berfungsi mengawal selia kualiti dan piawaian program ditawarkan.

Perkara-perkara yang paling penting dengan penubuhan MBOT ini adalah wujudnya laluan alternatif kepada lepasan graduan TEVT dan kemahiran untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Seperti kita sedia maklum, TEVT telah menjadi satu pilihan pendidikan utama di negara maju yang mana model dwi pendidikan yang fleksibel digunakan. Ini banyak dibincangkan semalam. Model ini membolehkan pelajar menukar aliran antara akademik dengan teknikal atau vokasional yang mempunyai prospek kemahiran yang setara. Di Jerman misalnya, TEVT dianggap satu daripada kekuatan utama sistem pendidikan mereka yang mana 60% hingga ke-70% daripada jumlah pelajar memilih aliran TEVT. Ini dinyatakan juga semalam.

Berdasarkan kepada Rancangan Malaysia Kesepuluh, kadar penyertaan pelajar di Malaysia yang memilih TEVT di peringkat menengah hanyalah sekitar 5% berbanding dengan 44% di negara Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD).

Tuan Yang di-Pertua, MBOT akan ditubuhkan sebagai badan berkanun untuk mendaftar dan mengiktiraf profesion *technologist* dan juruteknik. Terdapat lima fungsi MBOT iaitu:

- (i) mendaftar peserta mengiktiraf profesion *technologist* dan juruteknik;

- (ii) mengawal selia etika serta profesionalisme *technologist* dan juruteknik yang berdaftar;
- (iii) mempromosi pendidikan dan menyediakan latihan profesional dalam bidang berkaitan;
- (iv) menilai program teknologi, teknikal dan kemahiran untuk diakreditasi; dan
- (v) memantau piawaian program teknologi, teknikal dan kemahiran ini ditawarkan di institusi berkenaan.

MBOT akan diketuai oleh seorang presiden yang dibantu oleh setiausaha dan pendaftar. Kuasa pelantikan presiden serta ahli lembaga terletak kepada Menteri bertanggungjawab iaitu Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi sementara menunggu MBOT beroperasi sepenuhnya, sebab pasukan interim akan ditubuhkan. Pasukan tersebut terdiri daripada dua orang pegawai daripada setiap kementerian yang terlibat iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sumber Manusia (KSM).

Sebagai permulaan, MBOT akan menubuhkan tiga majlis akreditasi iaitu:-

- (i) *Engineering Technology Accreditation Commission* (ETAC) bagi mengakreditasi program tersebut, program teknologi kejuruteraan di peringkat sarjana muda;
- (ii) *Technical Accreditation Council* (TAC) bagi mengakreditasi program teknologi teknikal di peringkat diploma dan diploma lanjutan; dan,
- (iii) *Skills Accreditation Council* (SAC) bagi mengakreditasi program latihan kemahiran SKM 3 ke atas.

Majlis akreditasi dalam cabang-cabang yang lain akan diwujudkan mengikut keperluan. Ini dibenarkan dalam akta yang akan dibincangkan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya, struktur kandungan *technologist* dan juruteknik ini terdiri daripada 50 peruntukan undang-undang yang dibahagikan kepada enam bahagian iaitu:

- (i) Bahagian I - memperuntukkan tarikh kuat kuasa dan pewartaan RUU ini oleh Menteri yang bertanggungjawab iaitu Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi;
- (ii) Bahagian II - Lembaga Teknologis Malaysia. Bahagian ini memperuntukkan penubuhan-penubuhan fungsi kuasa dan keahlian MBOT. Ia juga memberi kuasa kepada Menteri yang berkenaan untuk melantik tidak lebih daripada 19 anggota lembaga termasuk presiden dan pelbagai disiplin teknologi;
- (iii) Bahagian III - pendaftaran *technologist* dan juruteknik. Bahagian ini memperuntukkan kuasa lembaga untuk mendaftar *technologist* graduan, *technologist* profesional, juruteknik berkelayakan dan juruteknik bertauliah;
- (iv) Bahagian IV - penggantungan, pembatalan dan pendaftaran dan sebagainya. Bahagian ini menjelaskan alasan-alasan bagi penggantungan, pembatalan pendaftaran, lain-lain serta proses yang berkaitan dengannya;

- (v) Bahagian V - Kewangan. Bahagian ini memperuntukkan hal-hal kewangan seperti penubuhan tabung, akaun bank, prosedur kewangan dan penyediaan penyata kewangan MBOT; dan
- (vi) Bahagian VI - Am. Bahagian ini memperuntukkan peruntukan am termasuk rayuan dan prosedur rayuan, jawatankuasa penyiasat dan kuasanya, obligasi kerahsiaan dan lain-lain.

Sebagai penjelasan lanjut kepada keperluan MBOT di bawah RUU Teknologis dan Juruteknik 2014, MBOT akan ditubuhkan sebagai sebuah badan yang diberi mandat untuk menjalankan fungsi-fungsi berikut:

- (i) mengiktiraf teknologi profesional dan juruteknik profesional sebagai profesional untuk menyimpan dan menyelenggarakan daftar di bawah seksyen 15 di bawah RUU Teknologis dan Juruteknik 2014 untuk menyediakan kemudahan bagi menggalakkan pendidikan dan latihan;
- (ii) untuk mengadakan atau menyebabkan supaya diadakan program pembangunan profesional yang orang berdaftar untuk meningkatkan lagi pengetahuan mereka yang berhubung dengan profesion mereka;
- (iii) untuk menjalankan penilaian dan menyuarakan supaya penilaian dijalankan oleh institusi diluluskan oleh lembaga bagi maksud penerimaan masuk ke dalam profesion; dan
- (iv) untuk menentukan dan mengawal selia kelakuan dan etika profesion *technologist* dan juruteknik dan secara amnya untuk menjalankan segala tindakan dan melakukan segala benda bagaimana ia didapati perlu oleh lembaga untuk menjalankan peruntukan akta ini.

■1640

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan implikasi kewangan pula, mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 November 2011 telah bersetuju untuk memperuntukkan kewangan sebanyak RM16 juta dalam bentuk geran pelancaran yang disediakan bagi penubuhan MBOT tertakluk dengan perancangan Kementerian Kewangan. Peruntukan ini ialah untuk membiayai penguatkuasaan MBOT untuk tempoh 10 tahun mulai pada tarikh ia ditubuhkan bagi memastikan tadbir urus kewangan MBOT selaras dengan objektif penubuhannya dan atas nasihat Kementerian Kewangan, Rang Undang-undang Teknologis dan Juruteknik turut mengambil kira peruntukan undang-undang berkaitan dengan kawalan kewangan ke atas MBOT.

Penubuhan MBOT adalah wajar dan perlu dilaksanakan dengan segera khususnya untuk memenuhi keperluan tenaga kerja berkemahiran tinggi bagi negara mencapai ekonomi berpendapatan tinggi. Dengan penubuhan MBOT, profesion teknologis dan juruteknik akan menjadi antara pilihan utama graduan memandangkan terdapatnya pengiktirafan sebagai profesion ikhtisas dan kerjaya adalah terjamin. Selain daripada itu, melalui pengakreditasi ke atas program TVT dan kemahiran, lebih ramai pelajar akan cenderung memilih TVT seiring dengan usaha kerajaan untuk mengarusperdanakan TVT. Di

samping itu, pengiktirafan teknologis kejuruteraan di bawah MBOT juga akan memberi galakan kepada graduan MTUN untuk meneruskan kariernya sebagai teknologis profesional selaras dengan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan jumlah tenaga kerja berkemahiran tinggi.

Selain daripada itu, melalui pengakreditasi ke atas program TVT dan kemahiran, lebih ramai pelajar akan cenderung memilih bidang TVT seiring dengan usaha kerajaan untuk mengarusperdana dan mentransformasikan pendidikan teknik dan latihan vokasional di Malaysia seperti yang kita bincang pada semalam. Adalah diharapkan dengan penubuhan MBOT dan permulaan akta baru ini, Akta Teknologis dan Juruteknik 2014 sebagai sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Sains dan Inovasi, maka transformasi pembangunan modul insan negara akan menjadi lebih sempurna dan mantap. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada sesiapa menyokong?...
Anyone.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching@Mary Yap Ken Jin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga Teknologis Malaysia dan bagi pendaftaran dan pengiktirafan teknologis profesional dan juruteknik bertauliah dalam memberikan perkhidmatan teknologi dan perkhidmatan teknikal dan bagi perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Limbang.

4.43 ptg.

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Teknologis dan Juruteknik ini sejak awal cadangan ia dibentangkan, saya menyambut baik pelaksanaannya kerana saya dapat melihat banyak kebaikan jika ia benar-benar menjadi kenyataan seperti apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Pada pengamatan saya, pengujudan Lembaga Teknologi Malaysia ataupun MBOT ini yang mengiktiraf kerjaya teknologis dan juruteknik sebagai satu profesion ikhtisas serta memperkasakan pendidikan teknikal dan vokasional di negara kita ini.

Seperti yang pernah dan disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi, baru-baru ini juruteknik di Malaysia pada masa ini sahaja sudah mencecah lebih 300,000 orang, itu pun belum termasuk yang bakal bergraduasi dalam bidang ini. Ini merupakan satu jumlah yang ramai dan jika ia dilihat dari sudut kerjaya, mereka ini adalah sebahagian daripada masa hadapan negara kita. Di samping itu juga, menjadi tanggungjawab kepada TVET *technical college vocational school* sebagaimana yang telah semalam kita bincangkan. Di peringkat ini dengan tertubuhnya Lembaga Teknologis ini mereka, hendaklah melihat kurikulum mereka supaya ia sesuai dengan apa yang akan nanti diakreditasi oleh lembaga ini. Sebab akhirnya juga kolej vokasional ini, ke situ juga arah tujuannya supaya mereka ini, lulusan-lulusan

vokasional kita ataupun mana-mana *technical college* negara ini ataupun universiti, maka mereka akan dapat lebih jauh lagi perjalanan mereka.

Maka dengan adanya Lembaga Teknologi Malaysia ini, saya yakin pendidikan teknikal pasti dapat diperkasakan dan mereka yang bertugas dalam bidang ini juga diiktiraf yang akan memberikan mereka laluan kerjaya yang lebih baik sebaik sahaja tamat pengajian dan sekali gus menjadi satu profesion profesional yang diiktiraf. Ramai yang melihat bidang ini sebagai satu bidang yang cerah masa depannya tetapi malangnya apa yang berlaku adalah sebaliknya kerana sebaik-baik sahaja mereka berada di alam pekerjaan, mereka sendiri tidak jelas tentang status mereka dan juga tiada pengiktirafan oleh mana-mana profesional, ini yang amat mendukacitakan. Saya harapkan dengan adanya akta ini nanti yang mengiktiraf peranan mereka sebagai ahli bidang teknologis, nasib mereka sebagai graduan universiti teknikal yang senang dikatakan sebagai kelas kedua akan terbela.

Walaupun ketika ini graduan teknikal bukannya di bawah mana-mana lembaga seperti Lembaga Jurutera Malaysia dan sebagainya, namun keadaan ini boleh diubah kerana jurutera dan ahli teknikal sebenarnya saling melengkapi antara satu dengan yang lain. Jadi saya juga ingin menanyakan persoalan apakah dengan tertubuhnya lembaga ini nanti, *student* yang di bawah bidang profesional teknologis ini, apakah mereka juga boleh berdaftar, *joint venture* ataupun mendapat *dual registration* dengan BEM terutamanya di bidang elektronik, *electrical engineering electronic* sebab kita tahu di bawah BEM pun ada juga *this electrical electronic* sebab teknologis ini lebih kepada itu sebab yang membabitkan *instrumentation, equipment* yang canggih dengan teknologi-teknologi yang terkini yang bukan lagi boleh dikendalikan oleh *normal engineers*.

Jadi saya berharap, inilah persoalan saya juga sebab dalam *accord-accord, Sydney Accord, Washington Accord* sebab *signatories'* dalam *accord* itu ada juga seperti kalau di Australia ialah *engineering*. Ada juga perkataan *engineering* itu, "*Engineering Technologist*". Di Kanada, dia punya lembaga dia *Certified Engineering of Applied Science Technologist*. Kalau di Hong Kong, *Associate Members of the Hong Kong Institution of Engineers*. Kalau di Ireland, *Associate Engineer*. Kalau di New Zealand, *Engineering Technologist*. Perkataan jurutera itu tidak dapat dipisahkan juga daripada teknologi ini. *Professional Engineering Technologist* daripada *South Africa. Incorporated Engineers* di United Kingdom.

Jadi perkara-perkara ini kita lihat, apakah ada kerjasama nanti di mana *dual registration* mungkin dapat diwujudkan antara kedua-dua Lembaga ini? Sebab sekarang ini pun kita terpaksa menerima hakikat bahawa zaman- *we know everything, or we specialize in everything*, rasa-rasanya sudah tidak berapa relevan sebab dengan kecanggihan teknologi kita.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi pelaksanaan akta ini juga kita harap lebih ramai pakar akan dihasilkan dalam bidang teknologi yang akan membawa kepada perkembangan teknologi dan juga memberi impak positif kepada negara kita. Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama, saya ingin tahu dalam kita menyatakan, kita mengiktiraf mereka ini sebagai profesion yang profesional, bagaimana peluang mereka pula dalam pembahagian kerjaya mereka khususnya di dalam negara kita. Adakah

kerjaya mereka ini dijalankan bagi pihak mereka sendiri, ataupun diberikan kepada pihak lain? Contohnya kalau kita lihat dalam kontrak membuat sesuatu projek atau sebagainya.

Sekarang ini kita tahu bahawa dalam sesuatu projek ada pelbagai profesion ada di dalamnya, seperti ada *Structure Engineers* dengan kuasanya, dengan bidangnya dan dengan tanggungjawabnya. *The Quantity Surveyor, the Land Surveyor*- apakah teknologi ini juga nanti bila sudah- sekarang ini *let's say we se* dalam sebuah pembinaan *smart building*, di mana banyak *equipment*, teknologi yang canggih, yang bukan *dispecialize* oleh jurutera biasa, apakah mereka ini juga diberi tanggungjawab untuk *certified*? Ataupun- mestilah kontraktor atau konsultan mesti mengambil mereka ini untuk- sebahagian daripada yang akan *certified*, ataupun meluluskan lukisan-lukisan, *drawing plan*, dan sebagainya, untuk diiktiraf.

■1650

Jadi, perkara-perkara ini mestilah kita lihat supaya mereka ini juga mempunyai kedudukan yang setimpal dengan ahli-ahli profesional yang lain. Di samping itu juga saya ingin tahu bagaimana pula kelayakan mereka ini jika di luar negara? Adakah kelayakan mereka juga diguna pakai di luar negara atau hanya tertakluk dalam negara kita sahaja? Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah juga nanti apabila tertubuhnya mereka yang berdaftar di bawah MBOT ini? Apakah kita juga akan menanti bersama-sama di bawah *Accord Sydney*, di bawah *Accord Washington*, iaitu di mana dipanggilkan dengan dalam maklumat *Engineers Mobility Forum*?

Engineers Mobility Forum ini, dengan izin, *which produce a multinational agreement among the signatories*. Yakni kalau kita, *will be under MBOT*, dengan izin, *"This would further establish an international standard of competence for engineering professionals, also the international register Coordinating Committee was set up for the purpose of creating and operating an authority decentralized international register of engineering, engineering technologies to facilitate licensing or registration in the signatory countries"*.

Lanjutannya, dengan izin, *the EMF Agreement pave the way for engineering technology graduates to participate more freely in the global economy and seek employment outside their own country borders*. Ertinya, dengan penubuhan MBOT ini kita minta supaya taraf MBOT kita ini nanti, siapa-siapa yang berdaftar ini akan diiktiraf di luar negara dan anak-anak kita boleh juga menimba pengalaman ataupun bekerja di luar-luar negara. Jadi, hal ini penting bagi memastikan perkembangan kerjaya mereka benar-benar dapat dikembangkan dan tidak hanya terhad di satu dalam negara kita sahaja.

Kita hanya terhad kalau ia terhad di negara kita tidak ada gunanya jugalah. Oleh sebab kita mahu mereka ini diluaskan pula ilmu kepakaran mereka di luar sana dan juga sebagai satu hari mereka kembali, *there is a transfer of technology* itu sendiri. Sebelum saya mengakhiri bahas saya, saya ingin bertanya sedikit kepada kementerian. Tadi disebut IPTA-IPTA sahaja teknikal universiti. Apakah mereka juga berkelulusan daripada IPTS seperti MSU? Saya tahu di sana mereka ada program *Bachelor of Technology*, di mana penuntut di sana lebih kepada *electrical, electronics and robotics engineering*.

Jadi, perkara-perkara ini, apakah kita lihat? Jadi, saya berharap dengan tak mengiralah sama ada ia IPTA ataupun IPTS. Kalaulah mereka ini apabila MBOT mengkaji kurikulum mereka, apakah

mereka ini layak? Saya berharap mereka ini juga diiktiraf sebagai tenaga modal insan profesional di dalam negara ini. Jadi, pengiktirafan profesional ini bukannya kita suka-suka mahu berikan, perlu ada perincian yang jelas yang memberikan kebaikan jangka masa panjang.

Saya berharap dengan pelaksanaan MBOT ini akan memberi sinar yang lebih baik kepada bidang ini. Mereka yang terlibat ini masa depan dan khususnya dalam negara kita yang menuju negara maju ini, kita memerlukan modal-modal insan yang betul-betul berupaya untuk- saya gunakan bahasa kami, bahasa Melayu Brunei, 'menjelamai' negara ini. 'Jelama' itu manusia, modal insan yang profesional, yang akan menjadi modal insan di negara kita ini yang akanlah menggantikan kita di masa depan. Sekian, terima kasihlah. Saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

4.54 ptg.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan sedikit latar belakang kami di peringkat universiti. Pada tahun 90an telah mewujudkan kurikulum kursus pembantu makmal tahap 1, 2 dan 3 bagi menaik taraf pembantu makmal dan pembantu klinikal kepada taraf juruteknik dan *technologist*. Jadi, mereka yang masuk bertugas sebagai pembantu makmal di universiti, asalnya dengan kelulusan SPM.

Mereka diberi pendedahan asas semua subjek Sains, Biologi, Kimia, Fizik, Matematik, Geologi dan pengendalian peralatan-peralatan utama. Umpamanya *electro microscope*, *atomic absorption*, mesin sinar X, mesin NMR CAT scan dan sebagainya. Mereka juga diberi pendedahan berbagai-bagai aspek keselamatan, termasuk kendalian bahan-bahan biologi dan patologi, kimia, *electrical*, mekanikal, bahan radioaktif dan sinaran dan pencegahan kebakaran.

Mereka yang mengambil tahap 3, perlu melaksanakan projek-projek tertentu selama setahun. Membentangkan laporan mereka dan menyediakan tesis di samping mereka dilatih mengendalikan peralatan-peralatan khas. Selepas semua ujian yang diduduki berjaya, mereka akan diberi kelulusan setaraf dengan diploma yang diiktiraf oleh JPA. Mereka yang berminat menyambung pelajaran ke peringkat sarjana muda, dibenarkan dengan mengambil kira kelulusan tahap 3 mereka. Mereka yang lulus tahap 3 juga layak memohon jawatan sebagai *technologist* makmal ataupun di hospital, *technologist* perubatan sebagaimana pelajar-pelajar yang telah pun mendapat kelulusan dalam bidang diploma di peringkat kolej.

Manakala, yang lulus sarjana muda dilantik sebagai pegawai sains. *Alhamdulillah* sekarang sudah banyak kolej-kolej dan universiti teknikal yang mengeluarkan *technologist* dalam pelbagai bidang. Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Rang Undang-undang Teknologis dan Juruteknik 2014 ini, saya menyokong penuh usaha kerajaan bagi memartabatkan *technologist* dan juruteknik dengan memberi peluang kepada mereka sendiri mewujudkan Lembaga Teknologis yang mendaftar semua *technologist* dan juruteknik yang boleh mengawal piawaian mereka di samping menjaga kebajikan komponen mereka.

Persoalan saya, adakah lembaga ini boleh menentukan satu skim gaji untuk kategori *technologist* dan juruteknik dan memberi tauliah sama ada mereka layak diberikan taraf *technologist* profesional,

technologist berijazah dan juruteknik bertauliah dan lain-lain. Adakah pendaftaran keahlian mereka dan taraf piawaian mereka diperbaharui setiap masa tertentu dalam usaha menjaga kualiti kerja mereka dan kualiti produk yang dihasilkan? Satu perkara yang menarik juga ialah kewujudan Kumpulan Wang Lembaga *Technologist* Malaysia.

Selain daripada mengurus tabung yang mereka sedia ada dan tabung bantuan kerajaan, bolehkah mereka juga menjana pendapatan? Umpamanya, melalui aktiviti latihan atau *training* sebagaimana yang disebutkan tadi dan terlibat dalam pengurusan-pengurusan, umpamanya aset atau pelaburan bagi menjaga kebajikan mereka. Sekian, terima kasih.

4.58 ptg.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Tuan Yang di-Pertua, selepas mendengar hujah Yang Berhormat Menteri MOSTI, saya amat kagum dan kelebihan Rang Undang-undang Teknologis dan Juruteknik berbanding akta-akta lain. Fungsi rang undang-undang ini adalah untuk mendaftar, mengiktiraf dan memberi gelaran profesional kepada *technologist* dan juruteknik yang dihasilkan oleh Kementerian Pelajaran melalui institusi pengajian tinggi, termasuk institusi pendidikan teknikal dan latihan vokasional yang menawarkan kursus teknologi.

Akan tetapi pada pendapat saya, saya lihat benda ini baik. Akan tetapi kita lihat di sini, apabila kita buat rang undang-undang ini, kita melihat bahawa ia akan merangkumi semua industri. Termasuk industri perikanan, perhutanan, kejuruteraan perkilangan, telekomunikasi, penerbangan. Maknanya, ia akan merangkumi daripada segi *technologist*. Di sini kita lihat, sudah ada rang undang-undang yang pun telah melangkaui industri-industri ini. Akan tetapi di sini kita lihat ada pertindihan antara rang undang-undang ini dengan akta atau rang undang-undang yang akan kita bentangkan ini.

Jadi, kita minta kementerian dapat mengasingkan. Ini kerja yang banyak sebab saya lihat di sini melalui *recommend* dari Jabatan Peguam Negara, ia mengatakan bahawa kebanyakan undang-undang atau akta itu sudah sedia ada. Di antara *technologist*, dengan contohnya *Gas Supply Act*, *CIDB Act*, *Water Services Act*. Sudah ada. Jadi, di sini kita lihat terdapat satu kerja yang banyak untuk dibuat oleh kementerian untuk mengasingkan rang undang-undang ini dengan rang undang-undang yang sedia ada. Jadi, kita lihat di sini satu lagi berkenaan dengan *Board of Technologist* ini. Adakah *Board of Technologist* ini sama dengan 14 *board* yang telah sedia ada iaitu mereka ini mendapat elaun. Ataupun kita akan menambahkan implikasi kewangan dengan kita memberi jawatan.

■1700

Kalau kita lihat di sini MOSTI akan menubuhkan rang undang-undang ini. Kita lihat bahawa terdapat presiden, naib, penyandang akan diberi bayaran. Adakah mereka ini seperti lembaga-lembaga lain? Ataupun mereka ini diberi gaji JUSA dan sebagainya, ini perlu kita lihat. Jika ini berlaku, kita lihat lembaga-lembaga lain pun akan minta wang kepada kerajaan. Akan minta peruntukan daripada kerajaan. Jadi di sini kita lihat terdapat pertindihan. Jadi kita harap bahawa kalau kita hendak buat *Board of Technologist* ini, kita harap mereka ini juga bukanlah mendapat gaji-gaji ataupun di bawah kementerian-

kementerian sendiri daripada segi gaji dan sebagainya tetapi mereka ini macam juga badan-badan ataupun lembaga-lembaga lain yang menerima elaun.

Seperkara lagi yang kita hendak tekankan di sini antara lembaga dan lembaga lain *Board of Technologist* ini benda yang baik. Di mana kita mengiktiraf juruteknik dan sebagainya. Akan tetapi daripada segi undang-undang yang bertindih ini kita perlu lihat bahawa jika mereka terpaksa mendaftar kepada dua buah badan, jadi badan mana yang lebih baik? Jadi maknanya terpaksa kita menyediakan peruntukan bahawa siapa yang sudah mendaftar kepada pertubuhan terpaksa berdaftar kepada *Board of Technologist* ini dan kita kena mansuhkan badan-badan sepertinya. Kalau kata *engineering*, *Board of Engineer*, dia sudah ada *technologist engineer*, jadi terpaksa kita asingkan supaya penjelasan yang kita buat itu adalah lebih baik. Jadi itu sahaja yang saya ingin sampaikan dan kita harap kementerian dapat juga memberitahu kepada Dewan ini, beberapa buah negara yang telah ada *Board of Technologist* ini untuk pengetahuan Dewan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Kangsar.

5.01 ptg.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam saya membahaskan isu ini saya ingin menimbulkan beberapa persoalan dan juga kekhuatiran saya. Dalam kita menggerakkan ke arah sebuah negara yang maju, kita tahu bahawa industri memerlukan kepakaran, kemahiran, pengkhususan dan itulah sebabnya *spirit* ataupun cadangan untuk kita mengiktiraf *technologists-technologists* dan juga kepakaran-kepakaran daripada *technologists* dan juga juruteknik-juruteknik.

Akan tetapi pada masa yang sama, kita sudah mempunyai *Board of Engineers* yang telah mengiktiraf *Engineering Technologist* di bawah payung kejuruteraan. Saya sedar bahawa bidang kejuruteraan ini luas. Jadi saya ingin membincangkan tentang pengalaman daripada profesional arkitek yang mana saya salah seorang daripada ahlinya, yang mana Akta Arkitek mempunyai *architectural technologist* kita sendiri. Bermakna kita menyerapkan *technologists* dan teknokrat-teknokrat dan juruteknik-juruteknik yang ada pengkhususan di bawah payung *architectural technologist*.

Begitu juga dengan *engineer*, mereka mempunyai *engineering technologist* mengikut bidang-bidang yang tertentu. Di peringkat arkitek, kita tahu bahawa pihak lembaga dan juga pihak persatuan arkitek seboleh-bolehnya ingin menyerapkan sebanyak mungkin cabang-cabang pengkhususan ini supaya kita mendapat lebih kawalan dan *control*, dan pertanggungjawaban atas kerja-kerja pembinaan. Itulah sebabnya contoh seperti *equisetic technologist* diletakkan di bawah kepakaran akustik. Sebagai contohnya diletakkan sebagai *architectural technologist*.

Jadi apabila kita mencadangkan sebuah badan MBOT ini, saya ingin bertanya apakah pihak Lembaga Jurutera Malaysia tidak mampu? Atau, mengapakah mereka tidak mahu menyerapkan *technologists* yang ada di peringkat yang telah disebutkan? Saya faham bahawa cabang-cabangnya begitu banyak tetapi persoalannya adakah mereka tidak mampu atau sengaja tidak menerima atau

mengiktiraf *technologists* atau *technicians* di bawah bidang kejuruteraan seperti mana yang dibuat oleh *profession architect*.

Jadi saya juga mencadangkan supaya lebih banyak diserapkan ke aliran perdana yang telah begitu *establish Board of Engineers*nya. Jadi, kita mahu supaya mereka dibawa ke arus- dan juga diberi saringan. Maksud saya segala pengkhususan yang ada dalam bidang kejuruteraan dimasukkan sebanyak mungkin ke arus perdana. Mungkin terdapat setelah disaringkan mungkin terdapat pengkhususan di luar daripada kejuruteraan seperti yang terlibat dalam *production* dan lain-lain, yang tidak ada kaitan langsung dengan kejuruteraan. Itu boleh diiktiraf sebagai di bawah MBOT. Bermaksud saya lebih kecil MBOT itu lebih baik dan diserapkan ke arus perdana melalui *Board of Engineers*. Jadi itu saya hendak menimbulkan persoalan.

Satu lagi perkara yang ingin saya sentuh ialah adakah MBOT ini akan menjadi satu sistem yang *closed system* atau sistem yang kaku ataupun *frozen*, yang mana tidak ada hubungan langsung dengan *Board of Engineers*. Dia akan jadi *isolated*, terasing. Jadi ini kita kuarir dan jikalau ada perhubungan yang dinamik, apabila kita menubuhkan MBOT itu terdapat satu rantai dinamik yang boleh kita serapkan. Mereka mungkin boleh didaftarkan- diiktiraf sebagai MBOT dan lama-kelamaan dalam satu jangka masa dengan pengisian lebih teratur maka mereka dapat diiktiraf di bawah *Board of Engineers* yang arus perdana yang saya sebutkan tadi. Jadi adakah persoalannya MBOT itu sekadar sebagai satu alternatif sahaja yang *isolated* ataupun dia mempunyai hayat ataupun talian langsung bersama dengan lembaga jurutera yang telah *established*, yang telah diiktiraf sebagai arus perdana, yang telah begitu lama diunjurkan.

Jadi itulah saya ingin menyatakan tentang kekhuatiran persoalan saya dan juga perkara-perkara yang boleh kita lihat dapat membantu anak-anak kita sebagai teknokrat, sebagai *technician*, sebagai *technologists* untuk membantu dalam semua bidang industri yang ada di Malaysia ini dan juga di peringkat *regional* dan antarabangsa untuk sama-sama memperkukuhkan bukan sahaja ekonomi tetapi karier mereka, pendapatan mereka dan pembinaan insan mereka yang telah kita rancang melalui MBOT ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor. Selepas itu Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

5.06 ptg.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dan perbahasan Rang Undang-undang Teknologis dan Juruteknik 2014 yang mempunyai 50 peruntukan undang-undang di dalamnya. Rang Undang-undang Teknologis dan Juruteknik 2014 sebagaimana yang telah dicadangkan oleh rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk menubuhkan sebuah pertubuhan perbadanan yang dinamakan Lembaga Teknologis Malaysia. Untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran *technologists* dan juruteknik di negara kita. Pada masa yang sama fasal 3, Bahagian I, akta ini juga

dengan jelas menyatakan bahawa peruntukan akta ini hendaklah menjadi tambahan kepada dan tidak mengurangkan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain berhubungan dengan pendaftaran profesional.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, objektif rang undang-undang ini adalah untuk menubuhkan Badan Teknologis Malaysia yang mana berfungsi sebagai tulang belakang dalam mendaftarkan dan mengiktiraf para juruteknik dan juruteknologi di Malaysia. Rang undang-undang ini ditunggu-tunggu oleh kira-kira 200,000 lulusan bidang teknikal dan kejuruteraan daripada institusi pengajian tinggi IPT yang tidak diiktiraf oleh Lembaga Jurutera Malaysia (LGM) dan bakal bergelar ahli teknologi profesional apabila rang undang-undang ini diluluskan. Ini satu pengiktirafan kepada mereka di mana mereka mendapat pengiktirafan sebagai profesional sama seperti jurutera yang menggunakan gelaran Ir, iaitu golongan profesional dalam bidang teknologi akan diberi gelaran “Ts” iaitu *technologists* yang sekali gus membolehkan lulusan juruteknik diiktiraf sebagai juruteknik bertauliah.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa ahli teknologi satu kerjaya profesional baru di Malaysia yang mengiktiraf kepakaran berasaskan kemahiran. Selama ini dianggap lulusan dalam bidang teknikal dan juga kejuruteraan yang tidak diiktiraf oleh LGM sebagai kelas kedua. Akan tetapi melalui rang undang-undang ini, mereka akan bergelar sebagai ahli teknologi profesional. Pada masa sekarang ijazah yang dimiliki oleh golongan berkenaan tidak diiktiraf oleh Lembaga Jurutera Malaysia sekali gus menafikan peranan mereka sebagai ahli teknologi.

Melalui akta baru ini boleh menggerakkan profesion ahli teknologi dan menyediakan laluan kerjaya yang lebih terarah kepada graduan teknikal. Justeru itu, ini satu berita baik untuk lulusan universiti teknikal seluruh negara kerana ia sebagai salah laluan menjadi jurutera kelas pertama. Apatah lagi kumpulan graduan ini mempunyai kepakaran dalam bidang pemeriksaan, pengujian dan penyelenggaraan produk serta ada di antara mereka dilatih dalam bidang teknikal yang berkemahiran tinggi.

■1710

Yang Berhormat Tangga Batu juga pernah berkata ketika ini graduan teknikal tidak diiktiraf daripada segi kepakaran oleh Lembaga Jurutera Malaysia. Namun keadaan itu boleh diubah kerana jurutera dan ahli teknikal sebenarnya saling melengkapi di antara satu sama lain. Ahli teknikal pakar dalam pemasangan dan membina produk, jurutera pula menguji dan menilai kekuatan produk tersebut. Perlu dilihat bahawa jumlah juruteknik di negara kita dijangka mencecah 1.6 hingga 1.7 juta orang atau kira-kira 50% daripada jumlah 3.3 juta orang pekerja berkemahiran tinggi yang disasarkan menjelang tahun 2020.

Status hari ini menunjukkan Malaysia mempunyai 25.5% sahaja pekerja berkemahiran tinggi daripada 12.7 juta orang pekerja. Jumlah pekerja berkemahiran tinggi perlu dipertingkatkan daripada 50% jumlah tenaga pekerja menjelang tahun 2020. RUU ini juga akan menjadi pelengkap kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang menekankan penghasilan graduan-graduan berkemahiran tinggi dan sehubungan ini, politeknik diberikan peranan penting dalam pencapaian rancangan tersebut. Dalam konteks jumlah pekerja berkemahiran tinggi, sememangnya Malaysia perlu bersiap-siaga supaya

lebih berdaya saing dan kompetitif bagi menjana ekonomi berpendapatan tinggi dan RUU ini juga antara usaha bagi menggerakkan Malaysia ke arah itu.

Saya juga ingin bertanya pada pihak kementerian. Adakah dengan RUU ini, kuasa lembaga akan berfungsi juga kepada lembaga kelayakan bagi pengiktirafan seseorang *technologist*. Adakah juga kuasa lembaga ini boleh diperbesarkan kepada lulusan kolej komuniti dan juga institut latihan perindustrian supaya ia juga boleh dikaitkan dengan wujudnya akta ini. Saya juga dengan ini menyokong Rang Undang-undang Teknologis dan Juruteknik 2014. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

5.12 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membagi respons kepada lima orang Yang Berhormat yang telah pun menunjukkan minat terhadap akta ini.

Jadi sebenarnya supaya jelas, sebenarnya akta ini timbul setelah beberapa bidang yang kita tawarkan dalam beberapa buah universiti teknikal tidak mendapat pengiktirafan sebagai jurutera. Jadi, oleh sebab *syllabus* mereka ini tidak memenuhi kehendak yang dikehendaki oleh Lembaga Jurutera Malaysia, oleh sebab itu maka mereka tidak boleh menjadi jurutera. Oleh sebab itu maka bidang tugas mereka ataupun karier mereka tergantung begitu sahaja.

Oleh sebab itu, maka kita perlu mencari laluan yang lain untuk mereka supaya mereka ini mempunyai laluan sehingga menjadi profesional. Jadi oleh sebab itu, mereka telah menjadikan *Sydney Accord* sebagai panduan kepada mereka. Akhirnya terjawablah soalan-soalan apabila *Sydney Accord* menjadi badan penyelia kepada *engineering and technology* sudah tentu kelulusan ini akan mendapat pengiktirafan atau mereka boleh bekerja di seberang laut.

Untuk Yang Berhormat Limbang menyokong, beliau adalah seorang yang berpandangan jauh dan dengan sangat menimbulkan minat terhadap MBOT ini. Jadi sebenarnya, mereka daripada bidang ini, boleh memilih sama ada nak menjadi jurutera, kalau bidang mereka itu memenuhi kehendak yang dikehendaki oleh Lembaga Jurutera Malaysia. Kalau itu boleh dilakukan, mereka bolehlah memilih untuk menjadi jurutera kalau mereka mahu atau mereka boleh memilih untuk menjadi teknologis dengan memakai 'Ts.' di depan nama mereka.

Tadi juga Yang Berhormat Limbang telah menyatakan apakah universiti swasta sudah tentu, perkara ini sebenarnya, akta ini meliputi untuk universiti swasta ataupun tadi saya tengok Yang Berhormat Kuala Selangor juga mengatakan apakah untuk kolej komuniti kalau *syllabus* itu mengikut apa yang telah direka bentuk oleh MBOT, sudah tentu mereka boleh mendaftar dengan MBOT. Akan tetapi, MBOT ini untuk pengetahuan Yang Berhormat Kuala Kangsar, masih lagi *syllabus* ini perlu mendapat pengiktirafan daripada MQA. Masih lagi, dia bukan agensi untuk menentukan kelayakan. Bila dia *design the syllabus*, mesti mendapat pengiktirafan daripada MQA, apabila dapat kelulusan MQA, barulah mereka boleh mendaftar sebagai teknologis.

Itu semuanya, untuk Yang Berhormat Limbang saya telah jawab. Untuk Yang Berhormat Hulu Langat yang juga telah menunjukkan minat terhadap profesion ini. Memang betul, saya pun juga banyak terlibat dalam kerja-kerja sebagai juruteknik dan juruteknik makmal ini. Ini kupasannya, kita kena lihat balik, mereka boleh meneruskan karier mereka. Akan tetapi jika mereka ingin menjadi juruteknik yang bertauliah, macam jurutera juga. Ada jurutera yang berijazah, yang hanya untuk menentukan dia ada ijazah, bekerja sebagai jurutera biasa, jadi oleh sebab itu maka mereka boleh meneruskan karier jurutera. Akan tetapi kalau mereka nak meneruskan karier mereka, kita tengok *syllabus* mereka balik dan mereka boleh mendaftar menjadi TC ataupun *Certified Engineer*. Seterusnya mereka boleh menyambung pelajaran menjadi teknologis.

Satu lagi, Yang Berhormat Hulu Langat mengatakan macam mana dengan skim gaji? Ya, memang seharusnya apabila profesion ini muncul, saya ingat memang Jabatan Perkhidmatan Awam sudah tentu akan mereka bentuk laluan baru karier kepada mereka dan sudah tentu mereka akan mendapat tangga gaji yang bersesuaian, yang akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam nanti. Dalam akta ini juga, seperti juga profesion lain-lain, mereka perlu memperbaharui, ada juga fi nya, yang kita... mereka juga boleh daripada segi latihan, mereka boleh menjalani latihan dan macam badan-badan profesional lain, kalau mereka menjalankan latihan berkaitan profesion itu mereka boleh membuat sedikit wang.

Untuk Yang Berhormat Padang Besar, kita sangat berhati-hati semasa mereka bentuk MBOT ini dan sudah tentu kita tidak memberi elaun tetap, bukan kita memberi gaji tetapi kita hanya memberi elaun mesyuarat dan elaun menilai *syllabus*. Walau bagaimanapun, hanya ada dua kalau tidak salah saya pendaftar ataupun syarikat kepada- Pendaftar dan Setiausaha ini ialah mereka yang diberi pendapatan tetap dan mempunyai jawatan dalam MQA. Sebenarnya profesion-profesion yang lain sudah tentu gembira dengan adanya MBOT ini kerana mereka boleh mereka bentuk laluan mereka, sama ada mereka hendak menjadi profesional. Setakat ini bidang mereka itu hanya tertumpu dan mati di situ sahaja dan bila ada profesion ini sudah tentu kita akan mengasingkan mengikut *accreditation* atau mengikut *council* yang akan kita tubuhkan kemudian. Ini kita telah pun diperuntukkan dalam fungsi RUU ini ataupun MBOT.

Untuk Yang Berhormat Kuala Kangsar, saya sebenarnya, *my profession is Civil Engineer*, Jurutera Awam. Jadi sudah tentu saya memahaminya, seperti yang saya katakan tadi sebenarnya kita tidak mahu apabila banyak daripada lulusan universiti teknikal, apabila kita tubuh universiti teknikal banyak lulusan mereka ini tidak mendapat pengiktirafan dari Lembaga Jurutera Malaysia kerana *syllabus* nya tidak melayakkan mereka boleh menjadi jurutera. Kalau mereka hendak menjadi jurutera, sudah tentu universiti ini perlu mereka bentuk *syllabus* mereka berdasarkan kepada itu.

Oleh sebab reka bentuk tidak memenuhi kehendak menjadi profesion *engineer* oleh sebab itu maka 200,000 daripada mereka ini tidak mempunyai karier ataupun mempunyai *career path*. Mereka bekerja sekarang, sebagai jurutera dan sebagainya tetapi pada dasarnya mereka bukanlah jurutera sebagai mana yang diiktiraf oleh *Board of Engineer Malaysia*. Jadi oleh sebab itu maka kita perlu mereka bentuk dan kita tidak mahu sebenarnya- kalau kita tengok akta yang ada di depan kita, sebenarnya kita

tidak mengaitkan akta ini dengan *engineering*. Tidak ada satu ayat pun dalam akta ini mengatakan “teknologi”, “*Engineering technology*”, *and so on*. Ia hanya menyatakan ini teknologi sahaja.

Jadi perlu diasingkan kerana Lembaga Jurutera, kalau ada perkataan kejuruteraan di situ, mereka akan mengatakan itu adalah sebahagian daripada tanggungjawab mereka. Oleh sebab itu maka kita lainkan begitu. Walau bagaimanapun ada juga dikatakan tadi, apakah mereka tidak boleh menjadi jurutera? Sudah tentu boleh kalau mereka hendak menjadi jurutera dan kalau *syllabus* yang mereka belajar itu boleh memenuhi kehendak menjadi jurutera maka mereka boleh menjadi jurutera. Tidak ada masalah pada perkara itu kerana di luar negara ada yang mereka boleh mendaftar sampai dua hingga badan profesional berdasarkan kepada kelulusan ataupun *syllabus* yang mereka belajar di universiti.

■1720

Saya ingat saya telah menjawab hampir semua apa yang saya dapat catatkan tanpa membaca apa yang diberi dari belakang. Saya ingat saya boleh menjawab dengan baik kerana saya menjiwai akta ini. Saya menunggu hampir dua hari untuk menjawab perkara ini. Sudah tentu saya boleh menjawabnya dengan baik. Saya mengucapkan terima kasih dan saya berharap ada beberapa daripada Yang Berhormat akan bergelar Ts. di depan nama mereka pada masa akan datang.

Sekian. Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 50 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMBIAYAAN
PERUMAHAN SEKTOR AWAM 2015**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.24 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan Rang Undang-undang Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015.

Rang undang-undang ini bertujuan untuk menubuhkan dan memperbadankan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam, mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Lembaga yang ditubuhkan akan mengambil alih fungsi pengurusan pinjaman perumahan kerajaan yang kini dilaksanakan oleh Bahagian Pinjaman Perumahan Kementerian Kewangan. Pada prinsipnya, pengambilalihan ini tidak melibatkan sebarang dasar baru dan perubahan terma pinjaman perumahan pada masa kini. Kemudahan yang dinikmati oleh penjawat awam seperti jumlah kelayakan pinjaman, kadar faedah ke atas pinjaman perumahan sebanyak empat peratus dan kemudahan-kemudahan lain dikekalkan.

Objektif utama penubuhan lembaga adalah untuk mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan bagi membiayai pinjaman perumahan kerajaan pada masa akan datang. Secara purata, jumlah dana yang diperlukan bagi membiayai pinjaman perumahan adalah sebanyak RM9 bilion setahun. Pada masa ini, jumlah hutang terkumpul bagi pinjaman perumahan adalah sebanyak RM48.5 bilion sehingga Februari 2015 dan dijangka akan terus meningkat kepada RM154.3 bilion untuk 25 tahun akan datang. Lembaga akan mengambil alih tanggungjawab kerajaan untuk membuat pinjaman bagi membiayai pinjaman perumahan pada masa hadapan.

Lembaga yang ditubuhkan adalah sebuah badan berkanun yang diasingkan saraan dan dibebaskan sepenuhnya seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri, Lembaga Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan Wang Persaraan. Dengan ini, lembaga akan beroperasi secara *self financing* dengan mendapatkan sendiri dana bagi menampung pembiayaan pinjaman perumahan.

Lembaga ini akan ditadbir oleh sebuah lembaga pengarah yang bertanggungjawab kepada Menteri dan mempunyai kuasa serta bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangannya sendiri.

Bagi penubuhan Lembaga ini, rang undang-undang ini perlu diluluskan dan Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 akan dimansuhkan. Satu akta baru akan digubal bagi memberi kuasa kepada kerajaan negeri untuk terus memberikan pembiayaan perumahan kepada pegawainya. Setakat ini, negeri yang mempunyai skim pembiayaan perumahannya sendiri adalah Johor, Selangor, Sabah dan Sarawak.

Rang undang-undang ini mengandungi lapan bahagian yang merangkumi 47 fasal. Peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini diringkaskan seperti berikut.

Bahagian I, fasal 1 dan 2 memperuntukkan akta ini akan mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam Warta dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan atau bahagian yang berlainan dalam akta ini.

Bahagian II, fasal 3 hingga 17 antara lain memperuntukkan perkara-perkara berikut:

- (i) fungsi Lembaga untuk menguruskan Kumpulan Wang Pembiayaan Perumahan Sektor Awam;
- (ii) mentadbir kemudahan pembiayaan dan menasihati Menteri tentang perkara yang berhubungan dengan kemudahan pembiayaan sektor awam;
- (iii) kuasa lembaga untuk melakukan segala perkara yang perlu atau suai manfaat bagi melaksanakan fungsi-fungsinya termasuk menggunakan harta Lembaga termasuklah mendapatkan wang bagi maksud Kumpulan Wang dengan mensekuriti atau menggadai janji harta itu;
- (iv) bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan, mana-mana kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa berkanun atau pertubuhan perbadanan bagi maksud melaksanakan fungsi Lembaga; dan
- (v) mengenakan fi atau caj bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Lembaga.

Keanggotaan Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (i) Ketua Setiausaha Perbendaharaan sebagai Pengerusi;
- (ii) Peguam Negara atau wakilnya;
- (iii) Akauntan Negara atau wakilnya;
- (iv) Ketua Pegawai Eksekutif yang menjadi anggota *ex-officio*;
- (v) tidak lebih daripada tiga orang anggota daripada kalangan Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang hendaklah dilantik oleh Menteri; dan
- (vi) tidak kurang daripada dua tetapi tidak lebih daripada empat orang anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Menteri.

Anggota Lembaga hendaklah dibayar elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Bahagian III, fasal 18 hingga 20 memperuntukkan pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif dengan kelulusan Menteri dan kuasa Lembaga untuk melantik pekerja mengikut keperluan tertakluk kepada syarat perkhidmatan yang ditetapkan oleh Lembaga.

Bahagian IV, fasal 21 hingga 25 antara lain memperuntukkan perkara-perkara berikut:

- (i) memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat dasar mengenai kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam; dan
- (ii) memastikan bahawa wang yang diperuntukkan dalam setiap tahun kewangan mencukupi dalam kumpulan wang bagi maksud kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam.

Wang yang diperuntukkan hendaklah diluluskan oleh Menteri.

Kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam hendaklah diberikan kepada orang yang layak mengikut terma dan syarat yang ditetapkan oleh Menteri bagi jenis-jenis seperti berikut:

- (i) pembelian rumah kediaman yang telah siap;
- (ii) pembinaan rumah kediaman;
- (iii) pembelian rumah kediaman yang sedang dibina;

- (iv) pembelian tanah bagi maksud pembinaan rumah kediaman;
- (v) penyelesaian keseluruhan atau sebahagian daripada pinjaman sedia ada daripada bank atau institusi kewangan; dan
- (vi) pengubahsuaian rumah kediaman dengan syarat bahawa pembelian atau pembinaan rumah kediaman itu telah dibiaya atau diselesaikan melalui kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam.

Antara orang yang layak diberikan kemudahan Pembiayaan Perumahan Sektor Awam adalah seperti berikut:

- (i) Anggota Perkhidmatan Awam;
- (ii) anggota pentadbiran Persekutuan atau negeri;
- (iii) Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi;
- (iv) anggota perkhidmatan Parlimen;
- (v) anggota mana-mana satu Dewan Parlimen iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, anggota Dewan Undangan Negeri; dan
- (vi) pekerja mana-mana badan berkanun atau pihak berkuasa tempatan.

Walau bagaimanapun, orang yang layak yang berhak memohon kemudahan pembiayaan perumahan daripada kerajaan negeri, badan berkanun, atau pihak berkuasa tempatan yang mempunyai skim pembiayaan perumahannya sendiri tidak layak mendapat kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam.

Tanggungjawab Lembaga untuk memungut dan mendapatkan bayaran balik kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis. Pemungutan pembayaran balik kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam oleh Lembaga boleh dibuat melalui potongan gaji atau pencen dan Lembaga boleh mengambil apa-apa tindakan undang-undang terhadap wang kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam yang tidak membayar balik atau tertunggak.

Bahagian V, fasal 26 hingga 31 antara lain memperuntukkan perkara-perkara berikut

■1730

- (i) penubuhan suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Pembiayaan Perumahan Sektor Awam;
- (ii) kumpulan wang yang ditadbir dan dikawal oleh lembaga;
- (iii) kumpulan wang hendaklah terdiri daripada sumber-sumber yang diperuntukkan dan dibenarkan dalam akta;
- (iv) kumpulan wang hendaklah digunakan bagi pemberian kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam pada orang yang layak yang diluluskan dan apa-apa perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan kepada kumpulan wang; dan,
- (v) Akta Badan Berkanun hendaklah terpakai bagi lembaga dan lembaga hendaklah menentukan tatacara kewangannya sendiri dan boleh menerima pakai mana-

mana peraturan, kaedah-kaedah, dasar pekeliling dan arahan yang dibuat atau dikeluarkan oleh kerajaan mengenai tatacara kewangan.

Bahagian VI fasal 32 hingga 34 antara lain memperuntukkan perkara-perkara berikut:

- (i) lembaga boleh dengan kelulusan Menteri terlebih dahulu meminjam mengikut syarat-syarat sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri apa-apa wang yang diperlukan oleh lembaga bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau menjalankan mana-mana fungsinya;
- (ii) lembaga dengan kelulusan Menteri boleh melabur kumpulan wang yang tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh lembaga mengikut cara yang berikut;
 - dengan menyimpan dalam Bank Negara Malaysia, bank berlesen atau bank pelaburan berlesen yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] atau bank Islam berlesen yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 tetapi tidak termasuk bank Islam antarabangsa berlesen dengan melabur dalam sekuriti yang diterbitkan oleh kerajaan, sekuriti yang dijamin sepenuhnya oleh kerajaan, sekuriti yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia atau sekuriti yang dijamin sepenuhnya oleh Bank Negara Malaysia.
- (iii) lembaga boleh menubuhkan dan mendapatkan apa-apa perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] dan Akta Syarikat Amanah 1949 [Akta 100] yang perlu bagi maksud mendapatkan dana dengan kelulusan Menteri dengan syarat bahawa perbadanan ditubuhkan atau didapatkan oleh lembaga dilarang daripada menubuhkan subsidiari perbadanan.

Bahagian VII fasal 35 hingga 43 antara lain memperuntukkan perkara-perkara berikut:

- (i) membenarkan lembaga mewakili fungsi dan kuasanya selain kuasanya untuk meminjam wang dan mendapatkan dana kepada pengerusi atau anggota lembaga yang lain satu jawatankuasa atau seorang pekerja lembaga;
- (ii) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 hendaklah terpakai bagi mana-mana prosiding terhadap lembaga atau mana-mana anggota lembaga, jawatankuasa pekerja atau agen lembaga; dan,
- (iii) semua anggota lembaga dan jawatankuasa dan pekerja lembaga semasa menunaikan kewajipan mereka di bawah akta ini hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574] dan segala perbuatan dan perkara yang dilakukan bagi pihak lembaga bagi persiapan bagi atau pada menjangkakan pembuatan akta ini dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya hendaklah disifatkan telah dibenarkan di bawah akta ini.

Bahagian VIII fasal 44 hingga 47 antara lain memperuntukkan perkara-perkara berikut:

- (i) mengenai pemansuhan Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 pada tarikh yang ditetapkan dan wang yang tersedia sebagai kredit kumpulan wang pinjaman perumahan yang dinyatakan dalam Jadual 2 kepada Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] hendaklah dipindahkan ke dalam kumpulan wang pada tarikh yang ditetapkan;
- (ii) penubuhan lembaga ini wajar dilaksanakan sebagai satu langkah jangka panjang untuk mengurangkan beban hutang kerajaan bagi pembiayaan pinjaman perumahan kerajaan. Di samping itu, penubuhan lembaga yang mempunyai kuasa autonomi penuh dalam tadbir urus kewangan dan sumber manusia dijangka dapat meningkatkan tahap kecekapan perkhidmatan yang diberikan.

Saya dengan ini mohon supaya Rang Undang-undang Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 seperti yang dijelaskan sebentar tadi, diluluskan oleh Dewan. Terima kasih.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan dan memperbadankan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam, mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Yang Berhormat Kuala Selangor.

5.33 ptg.

Dato' Irmohizam bin Ibrahim [Kuala Selangor]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Sambung Isnin lah? [Ketawa]

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Panjang Yang Berhormat?

Dato' Irmohizam bin Ibrahim [Kuala Selangor]: Panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sambung Isnin lah.

Dato' Irmohizam bin Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa pada hari Isnin, 6 April 2015 akan disambung perbahasan DR2/2015 Rang Undang-undang Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam dan selepas itu diikuti dengan perbahasan DR10/2015 Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 6 April 2015.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.35 petang.]